

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 89**

*Isnin*

**11 Disember 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

|   |               |
|---|---------------|
| Rang Undang-undang Kewangan 2006                            | (Halaman 26)  |
| Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2006             | (Halaman 48)  |
| Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006              | (Halaman 58)  |
| Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006                    | (Halaman 62)  |
| Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006        | (Halaman 69)  |
| Rang Undang-undang Parit, Jalan dan Bangunan (Pindaan) 2006 | (Halaman 80)  |
| Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006                   | (Halaman 125) |

**USUL:**

|   |              |
|---|--------------|
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan<br>Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 55) |
|---|--------------|

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 11 Disember 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengubah suai reka bentuk semua jejantas yang dibina di sepanjang laluan jalan persekutuan dari Kapar ke Tanjung Karang kerana pelajar-pelajar sekolah yang berbasikal tidak dapat menggunakan jejantas tersebut.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya akan membuat kajian untuk mendapatkan reka bentuk ubahsuai jejantas yang dibina di sepanjang laluan Jalan Persekutuan dari Kapar ke Tanjong Karang bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar sekolah yang menggunakan basikal. Pihak kementerian telah memohon peruntukan untuk tujuan di atas tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan terus berusaha untuk mencari penjimatan bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kos sesebuah jejantas tanpa kemudahan laluan basikal adalah dianggarkan bernilai RM800 ribu sebuah. Bagi kos sesebuah jejantas dengan kemudahan laluan basikal adalah dianggarkan bernilai RM1.2 juta sebuah, manakala bilangan jejantas di sepanjang Jalan Kapar ke Tanjung Karang sekarang adalah sebanyak 18 buah dan bilangan jejantas yang sebenarnya diperlukan adalah sebanyak 20 buah.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya sedar bahawa kos jejantas dengan ubahsuai untuk pelajar membawa basikal adalah tinggi tetapi keperluan dan keselamatan pelajar harus diberi keutamaan. Kajian diteruskan dan saya berharap supaya ubahsuai jejantas ini dapat dilakukan walaupun jumlah jejantasnya banyak. Saya lihat, seperti gambar yang saya tunjukkan ini... *[Menunjukkan sebuah gambar]* sebuah jejantas yang telah diubahsuai di hadapan Taman Saujana Kuala Selangor yang di hadapannya Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bukit Darah Sungai Buloh. Cantik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Pantai Barat. Jalan Persekutuan yang sedia ada semakin sesak dan kurang selamat, seperti yang saya pernah sebutkan dengan Yang

Berhormat Menteri beberapa langkah harus dilaksanakan. Lebuh Raya Pantai Barat seperti biskut *Chipsmore*, sekejap ada sekejap tidak ada. Sekejap jadi sekejap tidak jadi. Penduduk di Selangor, khususnya di Kuala Selangor mengharapkan sangat supaya lebuh raya ini diteruskan juga.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat berbincang dengan EPU dan Kabinet dapat menimbangkan semula agar lebuh raya ini dapat dilaksanakan sebagai pemangkin kemajuan Kuala Selangor menjelang tahun 2015. Terima kasih, tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, keperluan keselamatan kepada penuntut-penuntut di sekolah itu adalah tanggungjawab kerajaan. Saya sedar tetapi ingat, kita tidak boleh membina sekali gus kesemua RM350 juta untuk membina jejantas seperti ini. Enam bulan yang lalu kita tidak mempunyai rancangan seperti ini tetapi saya telah minta Jabatan Kerja Raya untuk mengadakan kajian di seluruh negara di mana sebanyak 350 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai sekolah di mana kita mesti membina jejantas seperti ini.

Sebagai tindakan pertama kita membina jejantas dengan kos RM800 ribu. Kadang-kadang kita tidak dapat apa-apa maklumat daripada mana-mana sekolah mengenai jumlah penuntut-penuntut yang menggunakan motosikal dan jumlah penuntut-penuntut yang menggunakan basikal. Semua maklumat ini mesti didapati daripada sekolah-sekolah barulah Jabatan Kerja Raya boleh mengambil tindakan yang sesuai untuk merancang, memohon untuk peruntukan dan menyampaikan masalah ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di mana apabila mereka bermurah hati memberikan peruntukan, barulah kita boleh buat.

Itulah keadaannya di kementerian saya. Walau bagaimanapun saya mengambil perhatian apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Soalan kedua saya tadi, Yang Berhormat Menteri tidak jawab iaitu mengenai Lebuh Raya Pantai Barat, sekejap jadi sekejap tidak jadi seperti Yang Berhormat Menteri umumkan dan saya minta supaya ia diteruskan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Selangor minta kedudukannya sekarang dan kalau tidak jadi minta teruskan juga.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan satu sahaja lebuh raya iaitu Lebuh Raya Pantai Barat. Lebuh Raya Pantai Barat itu sudah diluluskan oleh Jemaah Menteri dua bulan yang lalu. Tetapi ada juga permintaan-permintaan daripada Unit Perancang Ekonomi untuk melihat semula dalam reka bentuk, dalam bayaran tol apakah kos kontrak, bagaimanakah kita boleh menjimatkan wang di mana kita boleh juga menurunkan kepada serendah-rendahnya tol. Saya percaya itu tidak boleh jadi. Kalau bagi pun kita bagi dua bulan. Dia minta dua bulan, kita bagi dua bulan sahaja. Sesudah dua bulan diberi, sekarang sudah 16 hari, saya tunggu lagi satu bulan setengah. Selepas itu saya akan membawa perkara ini ke Jemaah Menteri untuk memulakan kerja-kerja.

Bagi rancangan pertama ialah dari Banting ke Sabak Bernam. Selepas itu dari Sabak Bernam ke Taiping.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dengar “banyak hati suka itu”. Itu lebu raya mahu jalan juga. Banyak terima kasih, saya tahu Yang Berhormat Menteri memang berjiwa rakyat, banyak memikirkan tentang kepentingan rakyat. Cuma satu saya hendak tanya iaitu Utara, Tengah sampai Utara. Ini tengah sampai Selatan pulak iaitu daripada Banting terus Melaka, Melaka – Muar, Muar – Batu Pahat, Batu Pahat sampai ke Johor Bahru. Ikut pantai pulak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masuk Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tepi Sri Gading. Jadi kalau itu pun buat Tuan Yang di-Pertua, dapat mengurangkan kita punya kesesakan.

Hari ini kalau Hari Raya Tuan Yang di-Pertua, orang Kuala Lumpur, adik-beradik saya mahu balik ke Johor Tuan Yang di-Pertua, walaupun *highway* itu memang sudah cantik, dari Seremban sampai Air Keroh pun sudah semakin besar tetapi jem sampai enam jam, tujuh jam, macam cerita lama. Mungkin kereta pun sudah banyak. Yang Berhormat Menteri pun sudah faham, saya tak payah ajarlah tentang jalan. Yang Berhormat Menteri sudah pakar, itu sebab Yang Berhormat kekal Menteri Kerja Raya, sudah pengalaman banyak besarlah. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri fikirkan itu kerajaan, kerana kereta sudah terlalu banyak, ini Malaysia terlalu mewah, kereta lebih daripada jalan punya anu la....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, yang dari jejantas sampai lebu raya. Ya, kalau nak jawab, jawab. Kalau tak nak, tidak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya harap itu pun jadi cadangan dan akan dibina jugalah Tuan Yang di-Pertua. Minta Yang Berhormat Menteri beri jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kami mempunyai rancangan untuk mengadakan pilihan yang kedua kepada pengguna-pengguna jalan raya, kami sedar bukan sahaja semasa hari perayaan, kita juga menghadapi masalah lalu lintas setiap minggu. Mula hari Jumaat selesai sampai malam pukul 12.00 hari Ahad. Itu sudah jadi kebiasaan.

Oleh sebab itu, walaupun kita ada rancangan, tetapi kita tidak mempunyai peruntukan. Kerajaan sedang membina satu lagi jalan dari Alor Gajah ke Melaka. Ini akan menjadi satu jalan pilihan yang kedua kepada pengguna-pengguna. Dari Alor Gajah ke Pontian dan juga dari Pontian ke Johor Bahru akan dibina apabila saya sudah tidak menjadi Menteri Kerja Raya lagi. Masa itulah, barang kali lagi sepuluh tahun, dua puluh tahun la. Terima kasih.

2. **Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Pelajaran menyatakan isu bahasa kebangsaan masih terus diperkatakan sejak sekian lama kerana dikatakan terdapat kelemahan dari segi aktanya. Adakah cadangan oleh kementerian supaya Akta Bahasa Kebangsaan diperkemas bagi memartabatkan bahasa kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seajar dengan perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan akta-akta yang berkaitan dengan bahasa Melayu, kerajaan telah dan sedang berusaha untuk memelihara kedudukan dan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan cadangan pindaan akta bagi penguatkuasaan melalui undang-undang berhubung penyalahgunaan bahasa Melayu bertujuan memperkasa bahasa kebangsaan.

Setelah akta tersebut diluluskan, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan kuasa yang diberikan itu ditadbir dengan cekap dan telus. Sejak penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka 50 tahun yang lalu, kerajaan telah banyak melaksanakan usaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan digunakan secara meluas. Usaha-usaha tersebut termasuklah melalui arahan, ulasan, nasihat, bantuan, pimpinan, latihan atau pengawasan sejajar dengan tujuan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang termaktub dalam Seksyen 5, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka Pindaan dan Perluasan 1995.

Namun, tindakan tegas seperti yang dicadangkan itu melalui pelaksana undang-undang wajar juga diberi perhatian. Dalam hal ini, pandangan dari semua pihak akan diambil kira sebelum sesuatu keputusan dasar dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara memang suatu yang menarik dan agak kukuh semenjak daripada era Tun Abdul Razak hinggalah pada tahun 2000. Tetapi bila mana dasar kita ini berubah, memperkenalkan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris maka ia terjejas dan hormat kepada bahasa Melayu, bahasa kebangsaan semakin hari semakin menurun. Martabat bahasa itu sebagai bahasa ilmu juga dipersoalkan.

Malah kita lihat, bahawa dalam masa 30 tahun UKM yang merupakan penaja utama dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, kini ternyata sebagai universiti yang terbaik di negara kita ini, ini menunjukkan bahawa dunia mengiktiraf bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu. Jadi apabila kita tanya kepada kerajaan di manakah letaknya PSMI dan banyak desakan-desakan meminta supaya ia dikaji semula, maka kita akan mendapat dua jawapan. Satunya mengatakan bahawa dasar ini kekal, tidak akan berubah dan satu lagi jawapan oleh Menteri Pelajaran bahawa ia akan dikaji semula pada tahun 2008. Jadi yang mana satu kah Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sebenarnya? Saya berharap yang kedua itulah yang lebih dapat diterima oleh masyarakat, rakyat Malaysia ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gerik yang mengakui bahawa kerajaan memang begitu serius untuk mengutamakan bahasa kebangsaan ataupun bahasa Melayu di negara ini.

Yang Berhormat juga cuba menghubungkaitkan isu ini dengan PSMI iaitu Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Tetapi pada pandangan saya, pelaksanaan PSMI tidak bermaksud untuk tidak mengutamakan lagi bahasa kebangsaan kita, sebaliknya usaha masih diteruskan seperti yang telah saya jawab tadi. Sekarang ini kita masih berusaha dengan begitu gigih untuk meletakkan kedudukan bahasa Melayu ke tempat yang sesuai dan untuk itu dasar memang tidak berubah.

Sehubungan dengan itu, walaupun lari dari segi persoalan pokok, ingin saya jelaskan bahawa dasar itu masih berjalan. Apa yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran iaitu pada tahun 2008, apabila kohot sudah habis, bermakna darjah satu sudah belajar di darjah enam, sudah menggunakan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik barulah kita akan memberi satu *review*. Sebenarnya kita pun tidak berhenti-henti memantau pelaksanaan PSMI. Memang ini adalah satu proses berterusan. Jadi itu sahaja. Harapan Yang Berhormat memang satu cadangan yang baik, pandangan baik, hasrat baik, tujuan baik, niat baik yang mana kerajaan akan mengambil kira semua pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekolah biasanya dibuat berdasarkan bahasa pengantarnya. Dahulu bahasa pengantar sekolah bahasa Melayu, sekarang bahasa pengantarnya bahasa Malaysia untuk sekolah kebangsaan. Tetapi yang saya pelik ialah kenapakah di Malaysia ini, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, dipanggil Cina? Sedangkan sekolah rendah jenis kebangsaan untuk orang India dipanggil sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil? Saya tidak pernah dengar sekolah rendah jenis kebangsaan Yahudi, tetapi di Israel, sekolahnya menggunakan bahasa Hibru, maka sekolah itu dipanggil sekolah Hibru. Sekolah bahasa Inggeris, tidak dipanggil sekolah British.

Soalan tambahan saya, apakah kementerian bercadang untuk memperbetulkan kesilapan yang telah begitu lama iaitu menjadikan nama sekolah itu mengikut bahasa pengantarnya. Bukan mengikut nama bangsanya iaitu sekolah rendah jenis kebangsaan, bukan lagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tetapi sekolah rendah kebangsaan Mandarin, sekolah rendah kebangsaan Tamil, sekolah rendah kebangsaan Inggeris, tiada nama bangsa. Sebab pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak rela menghantar anak saya ke sekolah Cina, tetapi kalau menghantar anak ke sekolah belajar bahasa Mandarin, mungkin saya lebih rela. Jadi soalan tambahannya, apakah kementerian bersedia memperbetulkan pada saya kesilapan yang telah lama berlaku ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, nama sekolah itu pun telah lama wujud, sebelum saya dan Yang Berhormat masuk ke Dewan ini. Apa yang penting sekali ialah sama ada nama itu yang kita pakai begitu lama ada menimbulkan kekeliruan atau tidak. Pada hemat saya, tidak ada. Kemudian kalau kita sebut SJK(C) semua orang faham, bahawa sekolah itu

memang menggunakan kurikulum bersama dengan sekolah kebangsaan, cuma bahasa pengantarnya ada perbezaan sedikit menggunakan bahasa Cina. Itu adalah maksud SJK(C).

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi tidakkah Cina itu nama bangsa dan nama bahasanya Mandarin? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya tidak mahu membahaskan tentang penggunaan. Apa yang saya hendak jawab dalam Dewan yang mulia ini ialah selama itu SJK(C) memang tidak ada menimbulkan apa-apa masalah dari segi pentakrifannya. Jadi saya harap Yang Berhormat terimalah, kalau ianya perlu dipinda, kita akan pinda. Saya rasa ia tidak perlu buat sementara waktu ini.

**3. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Penerangan menyatakan beberapa jumlah '*airtime*' atau jam yang telah dikeluarkan pada tahun 2001 hingga 2005 dan bolehkah kementerian menyenaraikan syarikat terbabit yang berjaya memperoleh jumlah '*airtime*'.

**Menteri Penerangan [Datuk Seri Zainuddin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, kaedah perolehan rancangan TV yang telah diguna pakai oleh Kementerian Penerangan dari tahun 2001 hingga 2006 adalah seperti berikut:

- Tahun 2001 - Sistem Agihan Jam sebanyak 2,409 jam telah dikeluarkan melibatkan 125 syarikat.
- Tahun 2002 - dijalankan Sistem Tender Terbuka.
- Tahun 2003 - Sistem Tender Terbuka diperkenalkan dan sebanyak 111 syarikat berjaya membekalkan rancangan untuk RTM. Didapati terdapat beberapa kelemahan dalam melaksanakan Sistem Tender Terbuka.
- Tahun 2004 - Kementerian Penerangan memperkenalkan Sistem Konsortium dan Individu. Dalam sistem ini, sebanyak 13 konsortium telah dilantik. Setiap konsortium dianggotai oleh lapan hingga 11 syarikat. Setiap konsortium diberi sebanyak 300 jam untuk diagihkan sesama ahli. Agihan jam kepada ahli ditentukan oleh Ketua Konsortium dan RTM tidak terlibat. Bagi tahun 2004, sejumlah 170 syarikat telah dilantik untuk membekalkan rancangan kepada RTM di mana 70% merupakan syarikat bumiputera dan 30% bukan bumiputera.

Senarai agihan jam untuk tahun 2004 adalah seperti kaedah pemilihan konsortium dan individu yang ada dalam lampiran. Kalau saya hendak bacakan terlalu panjang, yang akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat. Kaedah pemilihan konsortium dan individu, satu syarikat berpengalaman dalam bidang penerbitan rancangan, syarikat mempunyai prestasi yang baik dalam masa pembekalan rancangan kepada RTM, syarikat menunjukkan gandingan yang baik

dan berpotensi untuk menerbitkan rancangan-rancangan RTM yang bermutu tinggi dan syarikat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan.

Tahun 2006, kita menyambung Sistem Konsortium. Bagi rancangan TV untuk tahun 2005 dan tahun 2006, Kementerian Penerangan memutuskan untuk meneruskan sistem sedia ada iaitu Sistem Konsortium dan Individu. Kaedah yang diteruskan dengan pengubahsuaian ahli konsortium berdasarkan kurang berfungsi atau lebih berpotensi untuk menganggotai konsortium yang sedia ada. Syarikat yang ditetapkan sebagai *specialist* yang diubahsuai mengikut keperluan RTM.

Prestasi dan potensi syarikat tertentu - Sejumlah 166 syarikat telah dilantik untuk membekalkan rancangan kepada RTM bagi tahun 2005 dan 2006. Sebagai rumusan, bagi tempoh 2001 hingga 2005, jumlah jam yang dikeluarkan adalah sebanyak 14,367 jam yang melibatkan 243 syarikat. Kaedah perolehan bagi tahun 2007 dan 2008 - pemilihan secara Sistem Konsortium dan Individu akan diteruskan secara pertengahan tahun 2007 dan kaedah pemilihan baru iaitu Sistem Tender Terhad akan dilaksanakan selepas itu. Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan akan mengadakan taklimat dan mengumumkan kaedah baru pemuliharaan rancangan TV tempatan pada 15 Disember 2006.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana dapat hadir ke Parlimen pada hari ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa penjimatan yang dilaksanakan oleh RTM ke atas filem-filem asing yang dibuat secara terus berbanding guna syarikat ataupun orang tengah? Ini kerana saya melihat dari segi kualitinya, kalau dibandingkan kita tengok filem-filem import yang diguna pakai oleh stesen TV swasta seperti TV3 Tuan Yang di-Pertua, filem yang begitu hangat pada masa ini iaitu Sinetron Bawang Merah, Bawang Putih ini sampai tiga juta orang peminat di Malaysia tidak termasuk di Indonesia.

Jadi, apakah kaedah yang diguna pakai pada masa ini akan diubahsuai untuk meningkatkan kualiti pengimportan filem luar ini ataupun RTM hendak menumpukan lebih kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Saya hendak tahu juga apakah RTM telah pun meneliti rating rancangan-rancangan tempatan selain daripada menilai balik semula yang dianggap kebelakangan ini merosot, umpamanya saya bagi contoh iaitu Bicara Siswa, Fast Forward dan juga Bersama Menteri Satu Jam. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa guna pakai pemberian pengagihan *airtime* ataupun jam ini yang masih hendak dikekalkan secara lama. Tetapi apakah tidak dilihat dari segi kreatif yang terdapat pada kalangan artis yang berpengalaman untuk turut diberikan peluang *airtime* ini? Dan adakah ia hanya diberikan pada individu tertentu, inginkan mereka mengaut keuntungan dan menjadi jutawan atas angin? Terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Terima kasih banyak. Soalan itulah yang saya tunggu untuk dijawab. Sebenarnya kementerian telah mengambil langkah baru untuk mengatasi

semua masalah yang telah ditimbulkan. Maka itulah saya umumkan tadi bahawa Ketua Setiausaha Penerangan akan membuat satu pengumuman baru pada 15 Disember ini. Kita menyedari dan izinkan saya untuk menyatakan sepenuhnya sebab saya telah pun menyatakan tadi bahawa saya sudah bersedia dengan soalan ini. Sebenarnya kaedah yang ada, tidak akan kita jalankan lagi.

Apa yang akan kita lakukan ialah perubahan-perubahan yang dilakukan adalah kerana menyedari hakikat bahawa filem-filem yang ditayangkan itu tidak berkualiti dan pihak lain berupaya untuk mengatasi kita dengan cepat. Kita tidak *business-like* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, masalah ini akan dapat diatasi apabila kita telah dapat membuat pembelian terus kepada prinsipal dan bukan beli menerusi agen. Saya akan menerangkan berapa banyak yang kita akan dapat jimatkan. Terdapat beberapa kelemahan dalam melaksanakan Sistem Konsortium yang ada. Antaranya ialah berlaku ketidakadilan dalam pengagihan jam di antara ahli dan juga ketua konsortium.

Ketua konsortium boleh jadi dapat 300 jam dia bagi kepada orang ini 20 jam, dia bagi kepada orang ini satu jam. Kena yang kawan dia bagi 50 jam. Jadi, hal ini kita sedar berlaku. Agihan jam ditentukan oleh ketua konsortium dan RTM tidak dibenarkan terlibat. Pilihan rancangan yang berkualiti dan *specialize* dan rancangan bertaja tidak dilaksanakan kerana syarikat telah kehabisan jam.

Syarikat yang aktif tetapi kehabisan jam terpaksa menggunakan jam syarikat lain yang mengenakan bayaran 25% daripada harga rancangan. Maka itu mereka terpaksa menurunkan kualiti pengeluaran filem. Akibatnya rancangan diterbitkan dengan kos yang rendah yang mana akan menjejaskan kualiti. Mengadakan satu proses perolehan yang lebih telus, adil dan berjaya menghasilkan rancangan yang berkualiti, kaedah baru ini. Mewujudkan penerbit rancangan yang tulen, mempunyai kepakaran teknikal dan kewangan yang kukuh serta mampu menerbitkan sendiri rancangan untuk RTM. Mewujudkan persekitaran persaingan yang sihat dan kompetitif di antara syarikat-syarikat penerbitan yang berurusan dengan RTM. Ini adalah matlamat dan kaedah baru yang kita harapkan.

Sekarang kita pergi kepada pengurusan rancangan luar negara yang menyebabkan kita ketinggalan dan terlepas "Bawang Putih Bawang Merah" malah menyebabkan satu filem kita juga yang *rating*nya tinggi terlepas ke tangan orang lain. Bagi tahun 2006, perolehan rancangan luar negara dibuat secara pembelian terus sama ada dengan *principal* di luar negara atau dengan pembekal tempatan. Lebih kurang 75% dibeli daripada pembekal tempatan dan 25% diperoleh secara terus dengan *principal* di luar negara. Terlalu tinggi.

Bagi 2007, perolehan rancangan luar negara akan dibuat secara terus dengan *principal* atau agen tempatan yang dilantik dan diberi hak pengedaran, tidak lagi menerusi orang tengah. Kita akan beli terus daripada *principal*. Umpamanya daripada Sony dan lain-lain syarikat yang menjadi *principal distributor*. Kaedah ini saya telah meminta kebenaran daripada pihak

Kementerian Kewangan dan telah pun diluluskan. Dahulu ada cerita mengatakan kita perlu *up front money* dan sebagainya tapi ternyata bahawa itu tidak begitu diperlukan.

Asas perolehan secara terus. Apabila kita melakukan asas perolehan secara terus ini dapat menjimatkan kos pembelian. Penjimatan sebanyak 50%. Contoh, rancangan animasi yang dibeli secara terus berharga RM3,000 tetapi yang dijual kepada kita RM7,000. Rancangan *blockbuster movie* berharga RM140,000 jika dibeli terus kita dapat tahu. Dia jual kepada kita RM230,000. Semua hendak kaya cepat. Semua hendak kaya cepat, mudah dapat duit, menjadi jutawan menerusi RTM. Atas angin. Sudah lama.

Rancangan telenovela yang dibeli secara terus berharga RM8,000 setiap episod berbanding RM15,000 jika dibeli daripada pembekal tempatan. Dalam pada itu kita tidak dapat nafikan gambar-gambar Cina kebanyakan telah pun mempunyai *all right* kepada agen-agen tertentu, yang mungkin kita tak boleh beli terus dan terpaksa juga menggunakan agen dan sebagainya. Itu mungkin terpaksa. Tidak ada masalah kecuali CCTV itu pun filem-filemnya dibandingkan diterbitkan oleh Hong Kong dan Taiwan adalah lebih baik sebab di sana masih belum berubah menjadi penuh kapitalis, di sini menjadi kapitalis sudah lama. Jadi cita rasa orang dalam sistem kapitalis ini lain daripada cita rasa orang-orang dalam sistem komunis. Jadi kena ambil masa sedikitlah.

Mengatasi masalah. Kita juga akan mengatasi masalah pertelingkahan hak siaran di kalangan pembekal tempatan yang membeli rancangan daripada *principal* dan agen pengedar. Masalahnya *principal* ini pun tak betul. Kadang-kadang dia jual kepada orang ini dia jual kepada orang lain juga. Jadi kita yang bergaduh, kita jadi mangsa. Dia tak jujur. *Principal* juga ada yang tak jujur. Jadi itulah kesimpulannya, Kementerian Penerangan sentiasa mengkaji dan memperbaiki sistem perolehan rancangan supaya telus dan lebih efektif. Pada masa yang sama, kementerian berhasrat menggalakkan para penerbit tempatan menghasilkan rancangan-rancangan yang berkualiti dan berdaya saing sehingga menembusi pasaran luar negara.

Jadi itulah kenyataan dan saya juga suka menyentuh sedikit tentang soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang Bicara Siswa, *Fast Forward*, Bersama Menteri, ini semua adalah rancangan-rancangan yang tidak menarik. *Talkshow* memang rendah *rating*nya. Tapi kita sedang memikirkan bagaimana persembahan itu supaya lebih menarik. Memang *talkshow* ini bukanlah rancangan yang menarik tetapi kita akan cuba. Umpamanya Fenomena Seni mendapat *rating* yang tinggi. Jadi ini memerlukan penerbit yang dinamik, yang inovatif, kreatif dan sebagainya. Ini ada suatu masalah yang sangat besar seperti telah saya katakan tidak ramai Aznil di Malaysia dan tidak ramai orang seperti Johan Jaafar di Malaysia. Ini satu masalah yang besar yang memerlukan masa supaya satu masa kalau RTM boleh membelanjakan wang yang lebih besar bagi mewujudkan para kreativiti yang lebih tinggi, insya-Allah kita akan dapat atasi masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri memberi jawapan mengenai dengan kaedah-kaedah baru yang akan diumumkan pada 15 Disember ini. Tetapi saya khuatir kerana sekarang ini walaupun kita bagi 70% pembekal ini kepada bumiputera, betul-betulkah bumiputera ini berniaga atau di 'Ali Baba'kan. Itu soalan saya yang pertama.

Kedua, selepas kaedah baru ini diperkenalkan, adakah kementerian mengawal harga-harga ini kerana sekarang ini pembekal filem RM3,000 jual kepada RTM RM12,000. Jadi ini mesti dikawal kerana kita tidak mahu nanti bahawa pembekal mengaut keuntungan begitu besar kerana mereka ada *connections* luar negara. Jadi dua soalan ini saya minta menteri jawab.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya tidak nafikan bahawa ada 'Ali Baba'. Seperti juga dalam perniagaan yang lain ada ali baba sebab orang Melayu berniaga hendak jadi jutawan. Orang bukan Melayu berniaga hendak cari makan. Itu masalahnya. Saya lihat sebagai contoh seorang peniaga air pegaga di Pulau Pinang saya jumpa 50 tahun dahulu seorang Cina dia berniaga air pegaga juga. Tapi anaknya berjaya dalam pelajaran pergi ke Australia dan sebagainya. Tapi orang Melayu tidak begitu. Dia ingat masuk perniagaan, semua hendak jadi jutawan dengan cepat. Maka itu jalan singkat 'Ali Baba'. Akhirnya dia tak jadi jutawan, jadi tak ketahuan. Itulah masalahnya.

Jadi insya-Allah kita akan awasi dan kita akan memastikan kerja-kerja 'Ali Baba' ini tidak berlaku tapi saya juga bergantung kepada kejujuran pegawai-pegawai saya. Kalau pegawai saya jujur, insya-Allah saya akan dapat jalankan. Demikian juga orang-orang di sini dan juga orang-orang dalaman yang menjadi orang tangan kanan saya. Ini amat perlu. Kejujuran amat perlu dalam memastikan bahawa dasar berjalan dengan betul.

Jadi tentang kaedah ini insya-Allah kita ada mekanisme yang boleh mengawal setelah kita mengetahui keadaan yang sebenar. Jadi ini adalah satu langkah yang tidak popular yang saya jangka yang akan menimbulkan bantahan, yang akan menimbulkan pelbagai pengaduan kepada Ahli Dewan sendiri, tapi saya harap langkah ini difahami kerana kita hendak menghapuskan ali baba dan hendak menghapuskan cita-cita untuk jadi jutawan dalam sekelip mata.

4. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dengan pelaksanaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk mengawal caj dan bayaran hospital-hospital swasta dalam negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan peraturan-peraturannya telah mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006. Akta ini memberi kuasa kepada kerajaan melalui Kementerian Kesihatan untuk mengawal selia dan

memantau kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta secara menyeluruh. Di bawah akta ini, peraturan-peraturan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (hospital swasta dan kemudahan jagaan kesihatan swasta lain) 2006 dikhususkan untuk mengawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, selain dari klinik perubatan dan pergigian swasta. Di bawah peraturan tersebut P-Perundangan dan Tatacara yang boleh dikenakan oleh hospital swasta ke atas pesakit ada dinyatakan dalam Jadual ke 13.

Pada masa yang sama, pihak hospital swasta juga perlu mempunyai dasar bertulis mengenai 'kuantum P' yang akan dikenakan. Selain dari itu, apabila diminta oleh pesakit, pesakit tersebut mempunyai hak untuk mengetahui caj anggaran yang boleh dikenakan oleh pihak hospital sebelum rawatan diberikan dan mendapatkan butiran bil yang dikenakan bagi keseluruhan rawatan. Sehubungan dengan itu pelaksanaan Akta kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan peraturan-peraturannya akan membolehkan kerajaan mengawal caj dan bayaran perundangan atau tatacara yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta dalam negara kita.

Bagi memastikan peraturan-peraturan tersebut dipatuhi, pegawai-pegawai kementerian yang diberi kuasa boleh membuat pemeriksaan manakala orang ramai pula boleh membuat perbandingan caj yang akan dikenakan berbanding dengan caj yang dinyatakan di bawah Jadual ke 13 - Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006.

Tindakan boleh diambil sekiranya pihak hospital tersebut mengenakan bayaran lebih yang dinyatakan dalam Jadual ke-13. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua apabila saya baca Seksyen 106 bagi akta ini, saya dapati Seksyen 106, subseksyen 4 yang berbunyi dengan izin:

*A private healthcare facility or service which fails to comply with any fee schedule prescribe under this section to meet an offence.*

Jadi untuk mendidik pengguna dan pesakit dalam negara kita, saya ingin dapat satu ketentuan daripada pihak kementerian selain daripada membuat aduan kepada pihak kementerian, boleh atau tidak kita memberikan nasihat juga kerana seperti mana yang dinyatakan di bawah subseksyen 4 ini, jika berulangnya kes-kes yang mana wujudnya *over charging*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menasihatkan warga kita melaporkan kes ini terus membuat satu laporan polis secara langsung kepada pihak polis.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, kita memang mempunyai satu mekanisme di bawah akta ini dan peraturan-peraturannya untuk menerima aduan daripada orang ramai, tetapi jikalau pesakit itu hendak melaporkan kepada polis kita turut terima juga. Tetapi selepas buat aduan kepada polis, harap beritahu kita juga supaya pegawai penguat kuasa kita boleh menjalankan tugas mereka. Sekian.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bolehkah saya dapat tahu dan pandangan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu apabila seseorang pesakit pergi ke hospital swasta, dia mendapat rawatan dan dia juga diarahkan untuk membeli ubat-ubat di farmasi tersebut, tetapi apabila beliau ingin membeli ubat-ubat di farmasi, harganya terlampau tinggi berbanding kepada harga dan ubat yang sama di tempat-tempat yang lain. Jadi apakah pandangan atau nasihat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada pesakit-pesakit ini, adakah mereka ada hak untuk menyatakan kepada hospital, beri preskripsi itu kepada saya, supaya saya dapat memperolehi ubat-ubat itu di luar. Dan jika demikian, apakah nasihat kepada pihak-pihak yang tidak dapat membeli ubat-ubatnya selain dari hospital di mana mereka telah dapat rawatan?

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Di bawah *schedule fee* ini apa yang kita buat ini adalah *consultation fees* atau *procedure fees* atau *professional fees* yang akan *regulated*. Tetapi untuk *consumer boost* seperti ubat-ubatan dan juga seperti makanan yang kita bekal di dalam hospital itu memang ia tidak tertakluk di bawah *fee schedule* ini. Bagi ubat-ubatan ini ia adalah tertakluk di dalam pasaran, bermakna ubat-ubatan itu kita kena beli mengikut harga pasaran, tetapi kita juga mempunyai banyak ubat-ubatan gantian atau *generate*, di mana harganya lebih murah daripada ubat-ubatan jenama. Kita ada pilihan dan jikalau kita tidak mahu beli ubat-ubatan ini daripada hospital, kita boleh juga dapatkan preskripsi supaya kita boleh beli di luar daripada hospital itu, itu terpulang kepada pesakit. Sekian.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hospital tidak mahu beri preskripsi, *the hospital refuse to give the prescription*.

7. **Tuan Che Ami bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah tindakan bekas Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri yang dilihat terus menerus 'menghentam' kerajaan memberi implikasi negatif terhadap pencapaian yang maksimum RMK-9 ini. Apakah tindakan yang dibuat oleh kerajaan bagi membendung perkara ini dari menjadi satu 'masalah besar' kepada kestabilan ekonomi dan keselamatan Negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diluluskan di Parlimen pada bulan Mei lepas berjalan dengan baik, lancar dan semakin rancak. Ianya tidak terjejas dengan mana-mana kritikan yang dilakukan, malah sebarang kritikan terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan akan terus dijawab dan dijelaskan oleh Perdana Menteri sendiri serta oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Alhamdulillah tindakan maklum balas yang diterima setelah program-program penjelasan dibuat adalah positif dan diterima baik oleh rakyat, tidak timbul isu masalah besar kepada kestabilan ekonomi dan keselamatan negara yang dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program-program pembangunan yang tersenarai, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan satu ejen yang penting dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Dengan demikian, Perdana Menteri telah mengambil inisiatif untuk memastikan usaha-usaha melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan begitu giat dijalankan sama ada di peringkat kementerian, agensi pusat atau jabatan kerajaan. Perdana Menteri juga mempengerusikan badan bertindak pelaksanaan negara yang ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan program-program dan projek-projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini melambangkan komitmen dan kesungguhan kerajaan terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan dalam melaksanakan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat jawapan itu sangat pendek, sangat pendek dan memang pendek. Ini bermakna, Yang Berhormat itu cuma hendak memberi perhatian kepada Ampang supaya - dia tidak ada..... mana Ampang?

*[Dewan riuh seketika]*

Kuala Neruskah? Kuala Neruskah? Oohh... Kuala Nerus. Itulah, sangat pendek dan Yang Berhormat bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, di dalam pemantauan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan ini, setakat mana peratusan tender yang terbuka? Saya tanya ini sebab saya terima aduan daripada pelbagai pihak yang mengatakan projek-projek terutamanya projek yang besar, tidak dibuka tendernya. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan lain Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, soalan itu setakat mana peratusan tender di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak masuk Yang Berhormat, soalan lain?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ....dibukakan? Prestasi itulah. Yang mana hendak memantau prestasi dan sebagainya, kita mestilah ada sistem yang baik dan setakat mana kita dapat mengubah sistem yang ada sekarang supaya ia dapat dipertingkatkan prestasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Jawatankuasa Majlis Santapan Negara itu, Yang Berhormat itu baik juga, dia buat dan prestasi itu boleh tahan, saya berharap pesta ini boleh dilanjutkan kepada projek-projek di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia silap maklumat, Pengerusi Santapan adalah KeKKWa, bukan saya, iaitu Jelebu. Kemudian dia silap maklumat lagi kalau hendak tanya pasal tender, itu.... Sungai Siput, Menteri Kerja Raya. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak menteri menjelaskan orang-orang yang mengkritik yang disebut dalam

soalan ini bukan sembarangan orang, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tinggi. Adakah kritik-kritik ini tidak boleh dipertimbangkan salahkah pembaikannya ataupun terus menolaknya? Saya rasa kritikan ini patut ditimbang, apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri sendiri terdiri daripada seorang Perdana Menteri dan seorang Timbalan Perdana Menteri dan 30 Menteri dan semuanya merupakan wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Yang mengkritik ini dia hanya mewakili diri dia sahaja walaupun dia 22 tahun menjadi Perdana Menteri, tetapi dia tidak mewakili sesiapa. Jadi oleh kerana itu kita tidak ada sistem di mana ada lagi satu *schedule* pula *government* yang boleh mengkritik kita sepanjang masa. Walau bagaimanapun ketiga-tiga perkara yang dibangkitkan ini telah pun dijawab secara panjang lebar dalam akhbar dan kita telah menolak dakwaan yang telah dibuat oleh bekas Perdana Menteri.

**8. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah berkesannya "OPS STATIK" untuk membendung sindiket pengedaran cakera padat video (VCD) cetak rompak. Apakah impak daripada Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Hak cipta 1987.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, Ops Statik merupakan satu tindakan di mana pegawai-pegawai penguat kuasa ditempatkan di premis-premis yang berpotensi menjalankan perniagaan menjual dan mengedar bahan-bahan cetak rompak terutamanya CD, VCD, DVD dan program komputer. Tindakan ini merupakan salah satu cara dalam usaha membanteras dan membendung kegiatan cetak rompak secara terbuka dan berleluasa yang dimulakan sejak 15 Jun 2006 tahun ini. Melalui operasi ini, kementerian telah berjaya mengenal pasti pusat-pusat utama penjualan dan pengedaran cetak rompak dengan izin, *the hot spot* di seluruh negara, khususnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Baru.

Beberapa gedung membeli belah dan plaza telah dijadikan sasaran utama operasi ini dan sitaan terhadap bahan-bahan cetak rompak telah dilakukan secara serta-merta. Dan untuk mengelakkan para peniaga bahan cetak rompak kembali semula di premis tersebut, seramai lima orang pegawai penguat kuasa diletakkan di setiap premis mengikut syif setiap hari dari pukul 10 pagi hingga 11 malam. Hasil daripada tindakan ini, bagi tempoh antara 15 Jun hingga akhir Oktober tahun ini, kementerian telah melumpuhkan 27 premis perniagaan cetak rompak di Kuala Lumpur, 12 premis di Pulau Pinang dan 7 premis di Johor Bahru.

Berdasarkan reputasi yang ditunjukkan, kementerian mendapati penguatkuasaan melalui Ops Statik merupakan satu pendekatan tambahan yang baik dan berkesan dan wajar diteruskan dalam usaha penguatkuasaan Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972. Sekian, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Dikatakan bahawa setiap 7 daripada 10 VCD adalah merupakan bahan cetak rompak. Dan

kementerian juga mengadakan kempen iaitu 'Berbelanja Secara Bijak'. Dan memang kita sebagai pembeli, kita hendakkan barang-barang atau pun harga yang lebih murah harganya. Apakah kementerian tidak terfikir daripada perspektif pembeli atau pun pelanggan, contohnya harga cakera padat yang asli dengan yang tiruan, dikatakan jauh berbeza. Apakah kita tidak mengambil keprihatinan kita melihat orang-orang sebagai pembeli yang sekarang ini berdepan dengan masalah harga barangan yang lain yang lebih tinggi.

Apakah tidak ada cara untuk kita mengurangkan harga VCD ini supaya kita sebagai pengguna yang bijak itu boleh sebenarnya melaksanakan, membeli dengan harga yang lebih murah sebab ini juga menandakan bahawa kita bijak memilih benda yang lebih murah kerana memandangkan harga di pasaran terutama barangan-barangan lain itu adalah cukup mahal sekarang ini.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Pertama sekali, saya tidak setuju kata antara 10 VCD atau pun CD antara 10, 7 adalah cetak rompak. Walau bagaimanapun, kementerian akui memang ada kegiatan cetak rompak. Sebab itu kita mengadakan Ops Statik dan sebagainya. Dan kita harus memberi kesedaran kepada orang ramai iaitu kita harus hormati harta intelek di mana ia merupakan satu perniagaan yang mungkin akan mendatangkan faedah kepada negara kita dan ini telah pun dihormati di seluruh dunia.

Maka kita harus menghormati harta intelek ini. Dan untuk menentukan supaya harga CD, VCD supaya dalam satu harga yang lebih diterima oleh orang awam, saya setuju dengan pandangan ini, maka kementerian telah pun menjalankan banyak program. Selain daripada kita mengadakan penerangan kepada orang ramai, tetapi buat masa yang sama, kita memberi tahu kepada pengusaha dan juga penjual CD, VCD supaya mengadakan satu jualan mega setiap setahun ada dua kali atau pun tiga kali di mana pengguna dapat membeli dengan harga yang lebih murah. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, ini tentang VCD cetak rompak. Kenapakah selalunya apabila kerja-kerja penguat kuasa itu hendak dimulakan di sesuatu kompleks, nampaknya pengusaha lebih tahu dan akan tutup kedai dan mereka sudah bersedia. Adakah kementerian sedar bahawa ada kebocoran dalam penguatkuasaan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap perkara ini. Dan ini juga memberi persepsi yang tidak baik kepada orang ramai dan kenapakah bekas-bekas pengarah penguat kuasa itu selepas bersara, akan menyertai syarikat-syarikat ini? saya rasa itu sesuatu perkara yang kata mungkin ada kepentingan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul ke Yang Berhormat?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada banyak pertanyaan. Mungkin ada yang dapat saya jawab, mungkin ada yang tidak ada bukti yang sebenar, mungkin

saya tidak dapat menjawab. Di kementerian memang kita memberi keyakinan kepada pegawai kita dan selain daripada itu, jika kita mempunyai operasi dalam masa yang terdekat kita tidak memberi peluang untuk kebocoran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya setuju di mana di dalam peringkat kementerian, Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah pun banyak kali mengadakan dialog dengan pegawai kita supaya kita harus menjalankan tugas dengan lebih jujur dan sempurna.

Walaupun bagaimanapun, dengan adanya langkah-langkah seperti yang saya katakan tadi, mulai Jun tahun ini kita pun adakan operasi seperti Ops Statik dan sebagainya. Dan kementerian akan terus bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain, misalnya kerajaan tempatan dan pihak polis pun sama-sama kita menjalankan tugas kita. Walau bagaimanapun, saya juga minta kerjasama daripada semua pihak termasuklah Yang Berhormat sendiri supaya memberi maklumat yang lebih tepat. Saya akui bukan semua setakat kita melalui pegawai sahaja dapat kita mengatasi masalah ini, maklumat dan juga aduan daripada orang ramai juga akan membantu kementerian untuk sama-sama kita membanteras kegiatan cetak rompak ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi soalan tadi Yang Berhormat, betulkah ada pegawai penguat kuasa apabila bersara, menyertai pengarah syarikat cetak rompak. Betul ke tidak?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya tidak ada maklumat yang mengatakan bekas penguat kuasa atau pun ketua pengarah selepas itu memasuki kepada firma. Kalau mereka selepas bertugas, ataupun bersara mereka masuk kepada firma yang berlesen atau pun yang biasa, saya rasa kita tidak dapat elak daripada keadaan ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut mengucapkan selamat datang kepada pemimpin di kawasan saya dan terima kasih juga selamat datang kepada Persatuan JP Selangor dan juga MIC Klang. Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 9.

**9. Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam memastikan warisan budaya negara dapat dipertahankan dan berapakah jumlah Majlis Kebudayaan Daerah di seluruh negara dan kenapakah majlis-majlis kebudayaan ini dikatakan kaku dan tidak bermaya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan warisan budaya negara dapat dipertahankan, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menggubal Akta Warisan Kebangsaan 2005 bagi pengendalian dan perlindungan Warisan Kebangsaan, Warisan Semula Jadi, Warisan Yang Ketara dan Warisan Budaya Tidak Ketara, Warisan Budaya Bawah

Air, Harta Karun dan bagi perkara-perkara yang sehubungan dengannya;

- (ii) melaksanakan aktiviti penyelidikan, pendokumentasian, penerbitan dan pemuliharaan terhadap Warisan Seni Budaya;
- (iii) melaksanakan program-program pengembangan dan penggalakan Warisan Seni Budaya melalui penganjuran pelbagai acara di pelbagai kawasan seperti Program Rakan Seni dan Budaya, Pementasan, Kenduri Adat dan aktiviti-aktiviti lain yang seumpamanya;
- (iv) menyediakan kemudahan dalam bentuk bantuan khidmat nasihat, peralatan, latihan dan kewangan dalam usaha penerusan Warisan Seni Budaya;
- (v) menyediakan kemudahan prasarana seni budaya di negeri sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan seni budaya negeri seperti pembinaan sembilan buah taman budaya negeri. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, dua buah lagi taman budaya akan dibina iaitu di Sabah dan Kelantan.
- (vi) Keenam, penyenaian warisan-warisan negara sebagai warisan dunia UNESCO.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 72 Majlis Kebudayaan Daerah iaitu MKD di seluruh negara. Adalah tidak benar, Majlis Kebudayaan Negeri tidak aktif kerana banyak yang aktif contohnya Majlis Kebudayaan Negeri Pahang, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Kementerian sedang mengkaji semula Majlis Kebudayaan setelah mendapat maklum balas daripada kerajaan-kerajaan negeri. Majlis Kebudayaan adalah tanggungjawab negeri masing-masing. Secara lazimnya, kementerian hanya membantu Majlis Kebudayaan peringkat negeri.

Antara galakan kepada Majlis Kebudayaan ini ialah dalam bentuk khidmat nasihat dan mengadakan kerjasama dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan seni budaya seperti Program Rakan Seni, Program Pembudayaan Bahasa, kempen-kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni, Kempen Membaca serta program-program keilmuan.

Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri.

Saya faham warisan budaya ini bukanlah terhad kepada seni muzik, seni nyanyian, tarian dan sebagainya tetapi juga termasuk nilai budi, tatabahasa, jati diri dan sebagainya. Dan

kalau kita lihat akhir-akhir ini, masalah budaya, budi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan remaja ini agak membimbangkan kita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah usaha kolektif ataupun bersama yang secara formal dijalankan oleh kementerian bersama dengan kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya, dalam menentukan supaya masalah sosial, masalah budaya, masalah budi bahasa yang dialami oleh remaja ini dapat kita banteras ataupun dapat kita atasi. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada golongan remaja. Sebenarnya, semua kempen-kempen utama kementerian saya iaitu Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni dan juga Kempen Membaca yang ada hubung kait dengan pendidikan dan pembelajaran adalah dijalankan bersama dengan semua iaitu kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan. Hanya kementerian saya adalah agensi utama untuk melaksanakan kempen-kempen ini. Sebagai contoh Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni terlibat lebih kurang tujuh kementerian-kementerian lain dan juga Kempen Pembudayaan Bahasa adalah satu kempen yang kita bekerja rapat dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Menteri telah menjawab, mengatakan Majlis Budaya Negeri ini terletak kepada negeri masing-masing, cuma pihak kementeriannya membantu dari belakang khususnya berkenaan dengan kewangan. Saya ingin tahu, apakah garis panduan yang telah diberikan kepada Majlis Budaya Negeri Kelantan yang peringkat awalnya sewaktu pelantikan itu juga diberi peluang kepada kerajaan negeri untuk melantik Pengarahnya dan beberapa kakitangan yang lain. Tetapi apabila kerajaan negeri membantah salah seorang daripada pegawai yang dilantik itu, pihak kementerian masih lagi berdegil melantik pegawai tersebut. Dan apakah ini sudah menjadi satu budaya kementerian di negeri-negeri yang lain dengan tidak mengambil kira pandangan buah fikiran daripada kerajaan dan tidak mengambil kira budaya negeri masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepatutnya Majlis Kebudayaan Negeri ada garis panduanlah yang digubal pada tahun 1987, di mana mereka ada garis panduan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di negeri. Kementerian saya tidak campur tangan dengan iaitu pelantikan pegawai-pegawai, hanya kementerian saya bekerjasama rapat dengan Majlis Kebudayaan Negeri dan juga Majlis Kebudayaan Daerah supaya kita dapat melaksanakan dengan lancar dan berjaya semua program kementerian saya.

Sekian terima kasih.

10. **Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah maksimum murid dalam sebuah bilik darjah dan tarikh sasaran untuk mencapainya; dan
- (b) mengapakah masalah kesesakan murid terutamanya di sekolah Cina tidak diatasi.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman bagi jawapan:

- (a) saiz kelas yang dicadangkan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3 1967, Pindaan 1982 ialah antara 25 hingga 35 orang murid per kelas. Pada masa ini purata saiz kelas bagi sekolah rendah ialah 30 orang murid per kelas, manakala bagi sekolah menengah ialah 33 orang murid per kelas. Namun begitu terdapat sekolah khususnya di kawasan bandar mempunyai saiz kelas yang besar sehingga mencapai 45 murid per kelas. Sebaliknya terdapat sekolah-sekolah kecil di luar bandar dengan saiz kelas kurang daripada 15 murid per kelas.
- (b) Masalah kesesakan murid di sekolah-sekolah bandar tidak hanya dialami oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sahaja tetapi dialami oleh kebanyakan sekolah bandar. Saiz kelas yang melebihi 35 orang murid per kelas di sekolah-sekolah tertentu adalah disebabkan oleh kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah tersebut berbanding *enrollment* murid, kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tertentu, adalah antara faktor yang turut menyumbang kepada kesesakan di sekolah tersebut.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan kesesakan bilik darjah dikurangkan secara berperingkat melalui pembinaan sekolah-sekolah baru dan penambahan bilik darjah di sekolah-sekolah sedia ada yang masih mempunyai kawasan untuk binaan baru. Sehubungan itu juga, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta di SJKC bagi tujuan kerja-kerja pembinaan baru, gantian, tambahan, ubah suai dan naik taraf, serta telah menyediakan dana pembangunan sebanyak RM107 juta kepada semua sekolah bantuan kerajaan. Terima kasih .

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua kita semua sedar bahawa setiap tahun peningkatan murid di sekolah Tamil dan sekolah Cina sangat serius. Sekarang dikatakan lebih dari 105,000 berada di sekolah Tamil dan lebih dari 660,000 di sekolah Cina. Dan juga saranan kerajaan bahawa setiap darjah patut berada penuntut di antara 25 dan 30 orang ini adalah satu saranan yang baik. Akan tetapi tidak boleh dicapai langsung jika dasar yang sedia ada, yang guna pakai oleh kerajaan. Jika ada penukaran dasar, baru kita dapat mengatasinya. Dasar yang sedia ada adalah di mana di bandar-bandar yang Timbalan Menteri sendiri mengatakan bahawa kesesakan murid-murid di mana terlampau banyak, jadi macam di Bercam di kawasan saya. Di mana setiap kelas di Sekolah Cina di Bercam itu setiap kelas ada mempunyai murid lebih dari 50 orang dan keadaan ini sangat rumit sangat kronik hingga dikatakan di Bercam kita perlukan sekurang-kurang tiga buah sekolah baru Cina dan lagi satu sekolah Tamil di Buntung.

Akan tetapi dasar kerajaan ialah untuk menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil dan Cina di negara ini. Jadi soalan saya adalah macam mana dasar yang sedia ada, dasar yang sangat cacat ini boleh diubah, supaya kita ada satu dasar di mana semua rakyat akan menikmati apa yang ditentukan oleh kerajaan. Supaya pelajar-pelajar kita tidak diseksa dengan mengadakan pelajar-pelajar di *class room* dengan lebih dari 50 orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...Dan juga kekurangan guru-guru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah. Sudah faham, sudah...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini di Ipoh, ada satu demonstrasi, lebih dari 300 ibu bapa .....

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Cukuplah dia sudah faham sudah. Ya, cukuplah. Menteri jawablah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham sudah?

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Saya juga ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang ini anggapan Yang Berhormat yang menggunakan perkataan anak tiri dan sebagainya. Tetapi kita memang tahu kadang kala ada tempat-tempat yang tertentu memang tekanan kuat. Kita akui ucapan jawapan asal pun saya boleh sebut di tengah-tengah bandar memang kelas saiz itu memang melebihi daripada 30. Kita tahu. Jadi usaha sekarang itu ialah untuk kita mengatasi berperingkat dengan membina lebih banyak kelas dan juga menambah lagi bilangan sekolah-sekolah di mana tempat-tempat yang memerlukan. Jadi inilah usaha-usaha yang telah kita jalankan.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi jangan ada pandangan bahawa sekolah-sekolah tertentu telah dianaktirikan. Itu saya tidak setuju. Walaupun kita nampak ada kekurangan, bukan sahaja kekurangan di sekolah-sekolah

tertentu termasuklah sekolah kebangsaan. Itu tidak kita anggap sama supaya memberikan Kementerian Pelajaran tidak mengabaikan peluang kepada anak-anak di mana mereka berada untuk persekolahan. Itu memang tidak mendeny peluang kepada anak kita. Sebaliknya di dalam satu dasar Kementerian Pelajaran iaitu untuk memberikan lebih akses kepada rakyat Malaysia untuk mendapat pendidikan yang lebih baik. Jadi ini lah hasrat kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi kita dapati bahawa perkara ini seolah-olah dikatakan diambil tindakan berperingkat-peringkat tetapi kita dapati bahawa perkara ini telah wujud lebih daripada 20 tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kementerian tidak begitu serius dalam mengatasi masalah di mana kesesakan murid dalam sesebuah kelas itu. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua kita hendak tahu apakah jangka masa yang sepatutnya kementerian perlu ada untuk mengatasi masalah di mana kesesakan murid dalam sesebuah kelas ini dapat di atasi.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kalau kita lihat angka ini, memang kadang kala di tempat-tempat tertentu memang begitu mendesak. Umpamanya di Pahang, saiz kelas ialah 27.7 orang. Hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan angka adalah melebihi daripada 40 orang. Yang lain umpama Sarawak 31.1 orang. Ini untuk SJK (C). Untuk SJK(T) pula, kita lihat Pahang 15.5 orang satu kelas. *Average size*. Walau bagaimanapun kita tahu ada tempat-tempat yang tertentu memang mempunyai masalah saya tahu. Sekarang itu Kementerian Pelajaran tengah berusaha seperti Yang Berhormat sebut ini adalah masalah 20 tahun yang sudah. Jadi sekarang hendak selesai 20 tahun dalam tempoh lima tahun mungkin tidak terdaya. Dengan tempoh masa yang terlalu singkat, tetapi usaha telah ada kita nampak serius untuk mengatasi masalah itu. Jadi saya rasa saya minta Yang Berhormat berilah sedikit masa supaya kita dapat mengurangkan masalah yang dihadapi di sekolah-sekolah tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Papar. Tidak ada. Yang Berhormat bagi Parit sila.

*[Soalan 11 – Yang Berhormat bagi Papar tidak hadir]*

**12. Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan program yang disediakan oleh pihak kementerian di bawah RMK-9 untuk membantu ibu tunggal yang miskin menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merancang untuk meneruskan program-program sedia ada bagi membantu ibu tunggal yang miskin

menikmati hidup yang lebih selesa. Antara program yang disediakan termasuklah Program Pengukuhan Psikologi dan juga Pembangunan Kapasiti untuk ibu tunggal. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) perkhidmatan kaunseling.
- (ii) Program Pembangunan Kapasiti penekanan diberikan untuk pelaksanaan program-program pembangunan kapasiti seperti program inisiatif kemahiran wanita dan inkubator kemahiran ibu tunggal. Latihan yang diberikan termasuklah jahitan, *bakery*, *salon* dan terapi kecantikan.
- (iii) Penyaluran peruntukkan. KPWKM juga bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Ibu Tunggal di seluruh Malaysia, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga serta lain-lain pertubuhan bagi melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Ibu Tunggal melalui pembelian peruntukkan. Pada tahun 2001 sehingga tahun 2006 sebanyak RM4,000,299 telah dibelanjakan dan sebanyak 81 pertubuhan telah menerima peruntukkan tersebut. Program-program tersebut termasuklah kemahiran ICT, pengurusan kewangan, pemahaman terhadap undang-undang dan hak-hak wanita, pengurusan emosi dan motivasi, kemahiran masakan, kemahiran jahitan dan kemahiran terapi kecantikan dan keterampilan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua program di atas adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Meningkatkan peluang latihan, pembangunan modal insan dan seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup wanita. Sekian terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah memberikan jawapan dan juga terima kasih di atas peruntukkan sebanyak RM4 juta yang diperuntukkan kepada program ibu tunggal. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak kementerian telah membuat banci jumlah ibu tunggal di seluruh negara. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, adakah pihak kementerian dapat memberikan jumlah ibu tunggal di seluruh negara terutama yang miskin kerana mereka ini bukan sahaja miskin tetapi kadang-kadang kala mempunyai tanggungan yang ramai. Tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua terdapat juga ibu tunggal ini yang produktif dari segi tenaga kerja. Maknanya mereka boleh memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang mana pada masa ini kita tahu kita banyak mendapatkan tenaga kerja daripada negara asing. Jadi saya ingin mendapat kepastian dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah cadangan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan ibu tunggal yang produktif ini tadi miskin dapat diberi peluang pekerjaan dengan kerjasama pihak kementerian yang berkenaan? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, bancian ibu tunggal telah pun dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sejumlah 30,000 bancian statistik kita sudah dapat dan dari bancian yang kita telah jalankan melalui kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita kawasan parlimen dan juga Pertubuhan-pertubuhan ibu-ibu tunggal kita dapati kita telah pun dapat laporan yang mana menunjukkan ada 3 bidang yang perlu kementerian beri bantuan. Salah satu ialah aspek emosi, aspek kewangan, aspek pelajaran anak-anak mereka dan pemahaman hak asasi mereka sendiri dan juga masalah kesihatan sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat saya tidak ada angka-angka berapakah ibu tunggal yang hidup dalam pendapatan garis kemiskinan tetapi walau bagaimanapun kita telah pun menyediakan program-program supaya kita dapat membantu mereka berdikari selain daripada apa yang saya telah sebut tadi, untuk makluman Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian juga akan menubuhkan satu Pusat Latihan Kemahiran Wanita dan melalui Pusat Latihan Kemahiran Wanita ini kita akan dapat memberi fokus kepada peningkatan kemahiran di dalam bidang-bidang kemahiran seperti peradaban sosial iaitu etika sosial penampilan diri, pengurusan restoran dan perhotelan, jahitan dan pembuatan pakaian, pengurusan dan kepimpinan perancangan kewangan, kemahiran pemasaran dan persolekan dan dandanan.

Kita harap, melalui pusat ini kita dapat memberi kemahiran wanita dengan disediakan secara *one stop centre* atau in-situ yang lebih mesra kepada wanita terutamanya ibu-ibu tunggal yang kebanyakannya mempunyai halangan untuk menempatkan anak-anak mereka semasa hendak berkursus.

Selain daripada itu, rancangan kita untuk menambah atau menubuhkan sekurang-kurangnya 10 taska komuniti setiap tahun bermula dari tahun ini juga akan beri bantuan kepada ibu-ibu tunggal supaya mereka dapat meletakkan anak-anak mereka di taska-taska komuniti semasa mereka bekerja.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya melihat isu ibu tunggal ini, impak kepada anak-anaknya yang ramai. Di Sabak Bernam, kita ada lebih 1,300 orang ibu tunggal kawasan Parlimen, umur bawah 45 tahun. Yang paling muda umur 25 tahun, anak dia 4. Jadi, yang paling penting sekali saya hendak bertanya ialah kita difahamkan ada *directory* ataupun *database* berkaitan dengan ibu tunggal yang berjaya dalam pelbagai bidang ekonomi. Boleh tak *directory* ini dikongsi dengan Ahli-ahli Parlimen supaya ia boleh dimanfaatkan agar ibu-ibu tunggal di kawasan yang berkenaan boleh mencontohinya. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Cadangan Yang Berhormat adalah baik. Kita akan semak dan akan sampaikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**13. Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dan keberkesanan dalam usaha menambah bilangan kakitangan bukan Melayu di dalam Perkhidmatan Awam bagi mewujudkan perkhidmatan yang lebih seimbang dan mencerminkan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, pengambilan kakitangan untuk berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam dijalankan secara berterusan mengikut keperluan semasa dan kekosongan jawatan. Urusan pengambilan adalah berasaskan syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan di samping beberapa kriteria yang ditentukan dalam proses pengambilan. Telah diakui nisbah bilangan kakitangan awam di antara kaum pada masa ini adalah tidak seimbang. Keadaan ini berlaku disebabkan jumlah permohonan kaum bukan Melayu khususnya Cina dan India untuk memasuki perkhidmatan awam adalah kurang berbanding dengan jumlah permohonan kaum Melayu.

Statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari 1 Januari sehingga 30 November menunjukkan bahawa 82.64% daripada 486,802 pemohon adalah kaum Melayu. Manakala kaum Cina ialah 1.78%, kaum India 2.56% dan lain-lain adalah 13.02%. Faktor peratusan permohonan yang tinggi merupakan faktor utama yang menyebabkan jentera perkhidmatan awam terdiri dari kaum Melayu yang ramai. Walau bagaimanapun, peratus calon lantikan kaum bukan Melayu berbanding jumlah permohonan adalah sangat tinggi.

Dalam melaksanakan urusan pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak pernah menggunakan faktor kaum dalam proses penapisan permohonan untuk dipanggil temu duga. Pemilihan seseorang calon semasa temu duga serta kesesuaian calon bagi suatu jawatan dan dilaksanakan secara telus dan saksama. Langkah-langkah yang diambil dalam usaha menambah bilangan kakitangan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

- i) menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil termasuk di akhbar di Sabah dan Sarawak;
- ii) mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan pada setiap Isnin, minggu keempat di ibu pejabat SPA, Putrajaya;
- iii) mengatur program Hari SPA Bersama Pelanggan di luar ibu pejabat termasuk di pendalaman Sabah dan Sarawak;
- iv) mempromosi dan menyebarkan maklumat secara berkala mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh SPA melalui media cetak ke akhbar dan media elektronik seperti RTM dan TV3;
- v) menyertai program hari kerjaya di Institut Pengajian Awam dan Swasta dengan mengadakan sesi taklimat kerjaya, penjualan borang SPA 8 dan permohonan secara on-line iaitu [www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my).

**Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang telah memberi satu jawapan yang begitu teliti dan lengkap sekali. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, saya rasa perkhidmatan awam kita ini adalah begitu penting sekali iaitu sebagai *backbone* kepada negara kita. Kita lihat bahawa seimbangan perkhidmatan daripada semua kaum adalah sangat-sangat penting.

Jadi, walaupun jawapan yang telah diberikan, kita faham tentang situasinya. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mengambil ataupun membuat kajian kenapa permohonan daripada yang bukan Melayu ini begitu kurang sekali? Adakah kerana suasana yang wujud ini tidak begitu kondusif untuk mereka membuat permohonan atau apa sebab-sebabnya? Sebab kita ingin melihat satu perkhidmatan awam yang lebih seimbang. Itu soalan saya, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi sendiri pun tidak bersetuju kalau sekiranya perkhidmatan awam ini dipenuhi dengan satu kaum sahaja. Jadi, untuk mengatasi masalah ini kalau dianya dianggap sebagai situasi yang tidak kondusif, maka sudah tentulah pemohon-pemohon yang bukan Melayu mesti mengambil tindakan pro-aktif untuk memohon jawatan supaya kita dapat menambahkan bukan bumiputera atau bukan Melayu di dalam perkhidmatan awam.

Keduanya saya ingat soal budaya juga ada memainkan peranan dalam hal ini. Di mana orang-orang Melayu lazimnya, kalau dapat gaji murah pun tidak apa asalkan bekerja kerajaan. Tetapi kalau kita lihat, belia-belia masyarakat bukan Melayu seperti Cina, mereka lebih suka menjadi tauke sendiri, mereka lebih suka tangan kotor tidak mengapa, tetapi dia tauke sendirilah. Jadi budaya ini juga ada memainkan peranan dalam hal ini. Walau bagaimanapun, saya rasa bahawa kita boleh terima juga apalah cadangan daripada pihak masyarakat untuk memastikan supaya kita dapat memperbetulkan ketidakseimbangan dalam perkhidmatan ini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, bermula daripada persepsi. Yang kedua ketidakseimbangan dalam perkhidmatan kerajaan memang berlaku dan ini telah mendatangkan satu kesan negatif khususnya dalam bidang-bidang perkhidmatan yang tertentu. Umpamanya dalam penguatkuasaan. Pada Hari Raya, orang Melayu banyak dalam polis, terpaksa orang Melayu itu jugalah berkhidmat semasa Hari Raya.

Jadi, kalau ada orang-orang lain selain daripada orang Melayu dalam perkhidmatan penguatkuasaan ini berlaku, dengan sendirinya orang itu boleh menjalankan tugas dan orang Melayu boleh bercuti pada Hari Raya. Begitulah seterusnya dalam perkhidmatan lain. Jadi untuk mengatasi masalah ini, mungkin ada salah persepsi yang berlaku mengatakan etnik lain selain daripada Melayu tidak ada peluang untuk naik ke peringkat atasan sekali dalam perkhidmatan. Jadi, apakah tindakan kerajaan supaya mengatasi, mengubahkan persepsi ini di kalangan masyarakat yang bukan Melayu? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bukan soal persepsi. Saya ingat soal lumayan. Daripada segi lumayan persaraan bulanan yang boleh diperoleh kalau kita bekerja dengan pegawai kerajaan ini. Jadi dia tidak menarik orang bukan Melayu untuk mahu bekerja. Di sebabkan itu, kalau hendak menarik perhatian dengan menaikkan gaji, itu kita terpaksa bincang semulalah. Tetapi saya rasa dia bukan persepsi bahawa hanya untuk Melayu. Tetapi sebenarnya perkara-perkara lain yang menyebabkan kekurangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi jawab lisan pada pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2006**  
**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” ***[7 Disember 2006]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat bagi Kepong untuk menyambung berucap.

**11.32 pagi**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya sudah menyentuh mengenai peruntukan pembangunan maksimum sehingga RM3,000 kepada seseorang individu bagi pembelian komputer peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaannya sendiri. Potongan ini boleh dituntut sekali dalam tiap-tiap tiga tahun taksiran. Saya pun sudah bangkitkan masalah kerana komputer ini tidak sampai tiga tahun. Satu tahun setengah atau dua tahun sahaja ia sudah ketinggalan zaman. Sebab itulah mungkin kementerian dapat mengkaji semula sama ada akan dipendekkan tempoh kepada dua tahun. Ini lebih munasabah. Mengenai Fasal 18 Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal seperti ini kerana ini satu pindaan yang perlu kita buat selepas pembentangan Bajet kita dan wang yang terlibat itu sangat besar. Mungkin Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kita selepas pindaan ini diluluskan, anggaran jumlah pungutan khasnya cukai ini pada tahun depan. Berapa bilion yang terlibat dengan rang undang-undang yang kita sedang bincang ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 60F(2) ini. Dengan cadangan ini, pendapatan kasar daripada sumber yang terdiri daripada perniagaan pegangan pelaburan, tidak termasuk dalam kriteria untuk menentukan sama ada satu syarikat merupakan satu syarikat pegangan pelaburan. Bagi maksud ini, perniagaan pegangan pelaburan merujuk kepada perniagaan penyewaan harta. Ini saya begitu fahamlah Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan ini, jadi saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan.

Bagi Fasal 19, dengan pindaan ini jika 90% atau lebih daripada amaun keseluruhan pendapatan, suatu unit amanah... Ini ada dua tiga perenggan lain pun ada sebutkan unit amanah. Suatu unit amanah itu diagihkan kepada pemegang unit keseluruhan pendapatan. Sesuatu unit amanah itu hendaklah dikecualikan daripada cukai.

Yang disebutkan ini ialah 90% dan suatu unit amanah itu hendaklah dikecualikan daripada cukai. Bagi saya, ini memang satu perkara yang rumit juga yang terlibat dengan unit amanah ini, tetapi saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita mengenai hal ini. Seterusnya mengenai Fasal 20, Fasal 26 dan Fasal 37 yang ada kena mengena dengan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Beliau akan diberi kuasa untuk membuat tafsiran dalam tempoh enam tahun selepas penentuan oleh mahkamah dalam satu hal mahkamah memutuskan bahawa keuntungan ke atas mana-mana pelupusan aset bukanlah tertakluk kepada cukai di bawah Akta 169 dan perkara ini juga dibangkit di Fasal 26. Fasal 26 yang juga ada kena mengena dengan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah.

Di sini Fasal 26 itu yang disebutkan selepas ketetapan yang dibuat Ketua Pengarah, ia tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Ketetapan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah mengikat orang itu dan Ketua Pengarah. Sebenarnya Fasal 37 pun demikian juga, yang disebutkan di dalam tempoh enam tahun dan kuasa ini yang besar yang diberikan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya pun takut juga. Saya takut kuasa yang sebesar ini disalahgunakan oleh pihak Ketua Pengarah. Bolehkah Yang Berhormat memberi keterangan mengenai hal-hal kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah ini dan apakah satu jaminan kepada pembayar cukai supaya kuasa ini tidak disalahgunakan?

Fasal 28 mengenai profesion akauntan profesional. Setakat ini kita tidak begitu jelas mengenai status agen cukai. Menurut Fasal 28, ia meminda perenggan 153(3)(c) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bahawa seorang akauntan profesional atau mana-mana orang lain yang diluluskan ialah seorang agen cukai di bawah Akta 53. Adakah ini bermakna sebelum ini seorang akauntan, jika tidak memohon kepada pihak kementerian atau pihak badan yang tertentu tidak dianggap sebagai seorang agen cukai. Sekarang dengan pindaan ini, semua akauntan yang diluluskan dan ditauliahkan, maka mereka dengan sedemikian menjadi agen cukai dengan begitu saja. Tak payah dia dilatih ataupun bekerja dengan firma-firma yang

tertentu untuk beberapa tahun. Kalau dia lulus dan diiktiraf bagi kelulusan itu dan dia dengan demikian menjadi seorang agen cukai di bawah Akta 53 ini.

Fasal 29 - ini memang mengenai kaedah-kaedah. Pindaan yang dicadangkan memberi menteri kuasa lagi. Memberi kuasa untuk mengeluarkan kaedah-kaedah mengenai ketetapan umum dan awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah. Apakah yang dimaksudkan dengan pemberian kuasa ini? Adakah untuk menetapkan kaedah-kaedah bagi maksud yang tersebut? Sebenarnya kuasa yang juga begitu besar mungkin boleh disalahgunakan dan kementerian itu mesti memastikan kuasa yang diberi ini untuk mengeluarkan kaedah-kaedah boleh dikawal dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 32 mengenai anugerah kepada pekerja. Ia ada dua perenggan. Pindaan ini untuk mengadakan peruntukan bahawa mana-mana bayaran yang diterima oleh seseorang pekerja daripada seorang majikan menurut suatu skim pengasingan diberi suatu pengecualian mengikut subperenggan itu. Walau bagaimanapun, itu jika skim itu memperuntukkan bagi pengambilan semula oleh majikan yang sama atau mana-mana majikan lain orang itu tidak layak untuk satu pengecualian, hak ini memang sangat susahlah hendak faham tu. Sebab apa tidak boleh, tidak layak untuk satu pengecualian ini dan dengan perenggan yang seterusnya itu pindaan yang tidak dicadangkan memperuntukkan bagi suatu pengecualian bagi suatu pengecualian kepada mana-mana anugerah bagi perkhidmatan lama pencapaian yang lalu atau khidmat cemerlang sama ada berupa wang atau selainnya yang diterima oleh pekerja itu tertakluk kepada suatu amaun maksimum satu ribu ringgit.

Hal ini pelik juga mengapa kita hadkan kepada amaun maksimum satu ribu ringgit, apakah rasionalnya kalau majikan atau syarikat memberi anugerah dan kalau itu tiga ribu, ini tak boleh. Kita hadkan kepada satu ribu. Macam mana kita dapat menetapkan satu siling macam tu, ini memang perlu kita jelaskan sebab apa kita adakan amaun maksimum ini.

Dan di Fasal 38, kita bincang dari fasal ke fasal ini kerana satu perkara yang rumit, sangat rumitlah tu. Fasal 38 untuk meminda perenggan 16, Jadual 2 - Akta 169. Dengan cadangan pindaan ini tarikh pelupusan bagi suatu kontrak bersyarat hendak dikira pada tarikh kelulusan diperoleh jika kelulusan oleh kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa yang sewajarnya diperlukan. Walau bagaimana pun jika kelulusan itu tertakluk kepada syarat-syarat pelupusan itu hendaklah dikira berlaku apabila semua syarat itu dipenuhi, ini diikuti dengan itu satu cadangan.

Jika seseorang memindahkan asetnya kepada stok perdagangannya pemindahan itu menjadi suatu pelupusan di bawah Akta 169, perkara ini memang sangat rumit dan saya bangkitkan kerana saya tak begitu faham itu rasional yang digunakan untuk pelupusan.

Fasal 41 ini memang satu perkara yang penting kerana setakat ini kita menggalakkan industri kecil dan sederhana untuk di tumbuh, kerana sumbangan kepada ekonomi itu sangat kecil lagi.

Dan walau bilangan itu banyak, tapi sumbangan itu kecil dan kita nak galakkan IKS ini supaya tumbuh, nilai bertambah dan supaya sumbangan itu dapat dipertingkatkan dan di sini pindaan ke seksyen 5A - Akta 387 memberi perusahaan kecil dan sederhana, menikmati kadar *duty stamp*, setakat ini dengan membayar dan *duty stamp* ini adakah ini menjadi satu halangan kepada IKS kita dan dengan itu pindaan yang sedemikian adakah ini akan menggalakkan IKS kita bertumbuh.

Dan seterusnya, saya tadi ada sebutkan melalui kuasa yang diberikan kepada Menteri dalam Fasal 47, untuk mengecualikan dan mengurang atau perincian di bawah seksyen 1 (a) secara ke belakang dan ini memang kita pun tahu dengan kuasa yang diberi kepada pihak Menteri ini, adakah ini bermakna pihak Ketua Pengarah tidak boleh ikut tafsiran sendiri di perenggan yang saya sebutkan tadi tu, dia beri kuasa kepada pihak Ketua Pengarah. Sekarang dia diberi kuasa kepada pihak Menteri pula dan nampaknya ada bertindih sedikit. Saya berharaplah dengan pertindihan ini Yang Berhormat dapat menerangkan macam mana kita boleh mengelakkan pertindihan kuasa ini supaya kutipan cukai boleh dijalankan dengan lancar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**11.45 pagi**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, sangat pendek. Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita ialah suatu Rang Undang-undang untuk Kewangan 2006, *consequential* selepas bajet yang kita meluluskan minggu lalu untuk bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem, Akta Petroleum, Akta Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kuasa diberi untuk pemindaan beberapa akta-akta tersebut. Kuasa yang diberi kepada agensi yang berkenaan sama ada Menteri atau badan yang bertanggungjawab sangat mustahak bahawa adalah mekanisme untuk mencegah penyalahgunaan kuasa. Oleh kerana apa-apa penyelewengan dan apa penyalahgunaan kuasa tentulah akan merugikan negara dan memudaratkan tujuan bajet yang kita adakan. Dan kita pun ada satu pelan integriti nasional yang untuk memastikan bahawa tidak berlaku perkara semasam ini.

Tapi, apa saya mahu timbulkan satu perkara sahaja yang bahawa apa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan bahawa kita tidak ada mekanisme, di mana tidak boleh berlaku penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dan kalau ini sebenarnya nampaknya kuasa-kuasa yang kita beri melalui undang-undang yang kita meluluskan menjadi bahaya kepada negara kita. Dan ini pun ada bersangkutan paut dengan perjalanan urusan bajet.

Dan di sini saya merujuk kepada suatu surat yang ada dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, yang tiga perenggan

sahaja yang di alamat kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya yang mengatakan bahawa pelaksanaan projek kawasan Parlimen di semenanjung Malaysia dan Sabah.

*“Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Dato’ di atas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 November 2006 di Putra World Trade Centre.*

*Untuk makluman Yang Berbahagia Dato’, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan projek-projek kecil di Semenanjung dan Sabah dengan nilai keseluruhan RM600 juta. Pecahan kecil untuk setiap kawasan Parlimen adalah sebanyak RM3 juta dan projek ini perlu dilaksanakan dalam tempoh dua bulan.*

*Sehubungan ini, saya memohon kerjasama Yang Berbahagia Dato’ untuk mengambil tindakan proaktif bagi melaksanakan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui JKR daerah dengan mengarahkan seluruh jurutera daerah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin tempatan bagi penentuan kerja dan lain-lain”.*

Selepas itu satu arahan dikeluarkan oleh JKR yang sebenarnya disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur bahagian kertas konsep tatacara pelaksanaan program projek luar bandar 2006 satu *reference* sahaja.

Berdasarkan kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah disiarkan dalam akhbar pada 13 November 2006 bahawa sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek kecil di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Kerja Raya telah diberi tanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan program ini juga perlu di laksana dan disiapkan dalam tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mustahak di sini ialah ini satu penghinaan kepada Parlimen. Kita sedang membincangkan untuk meluluskan satu bajet tetapi adalah satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa yang kita sedang bangkitkan adalah berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau apa-apa keputusan dibuat untuk meluluskan bajet sama ada Bajet 2007 atau undang-undang di hadapan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang saya rujukkan, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekarang tidak berkaitan dengan rang undang-undang berkaitan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sama ada dalam pindaan akta-akta, kita akan menghadapi satu perjalanan penguatkuasaan tanpa penyalahgunaan kuasa. Bahawa kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak menafikan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tetapi masa dan tempat sekarang ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu satu contoh. Saya beri satu contoh sahaja. Saya bukan membangkitkan ini sebagai untuk membincangkan perkara ini tetapi sebagai contoh kalau ini boleh berlaku dan berlaku apabila perbincangan meluluskan Bajet 2007. Dalam masa itu, tanpa dibawa ke Parlimen dan ini dikeluarkan dalam UMNO *pre-council meeting*. Satu arahan dikeluarkan UMNO *pre-council meeting* bukan melalui pihak Kabinet, bukan melalui Parlimen. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen yang menjawab tidak akan diberi peluang untuk membangkitkan perkara ini kerana...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi penjelasan dalam perkara ini dan perkara semacam ini yang sangat ketara - penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan bersangkutan-paut dengan Bajet 2007 sama ada undang-undang baru atau pindaan-pindaan tidak akan berlaku. Saya harap dia boleh memberi satu jaminan. Ini penghinaan Parlimen. Bagaimana ia boleh berlaku? Ini dikeluarkan UMNO *pre-council!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tetapi masalahnya sekarang, yang kita bangkitkan ialah atas Akta Cukai Pendapatan dan saya yakin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak ada satu kedudukan untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh kerana terkeluar daripada tajuk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sama ada penyalahgunaan kuasa semacam apa yang timbul dalam perkara ini boleh berlaku dalam beberapa pindaan yang di hadapan kita atau dia akan elak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang ada peluang dan masa untuk Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan. Oleh kerana ini bersangkutan-paut dengan bajet dan perkara ini UMNO *pre-council* pun bersangkutan-paut dengan bajet. Ini kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekurang-kurangnya mahu faham Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat, yes. Penyalahgunaan kuasa supaya kita memastikan bahawa jabatan yang berkenaan, menteri yang berkenaan tahu membezakan *right and wrong*. Dalam perkara ini tidak faham apa *right and wrong*. Wang kerajaan dianggap sebagai wang UMNO. Mana boleh keputusan UMNO *pre-council* diikuti, dilaksanakan tanpa arahan Kabinet, tanpa arahan Perbendaharaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingat cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi satu penjelasan supaya apa yang berlaku dalam perkara ini tidak boleh

berlaku tetapi kenapa boleh berlaku? Kalau ini dibenarkan berlaku tentulah tidak ada jaminan masa depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1), perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat terkeluar daripada tajuk. Saya rasa cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebagai contoh saya harap beliau boleh memberi satu jawapan yang memuaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak... Tadi Yang Berhormat tidak bangun? Yang Berhormat hendak bahas? Selepas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

**11.53 pagi**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya membahaskan tentang Rang Undang-undang Kewangan 2006 ini. Cuma pendek sahaja. Saya minta supaya Dewan yang mulia ini diberikan satu jawapan yang meyakinkan. Antara isu yang boleh dibangkitkan dalam rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan Fasal 4 iaitu pindaan kepada takrif perkongsian yang mengeluarkan daripada takrif itu mana-mana perkongsian yang didasarkan atas konsep syariah. Ini sangat penting untuk kita memastikan bahawa perbankan yang berasaskan kepada syariah ini yang juga saya membuat penelitian bahawa konsep ini bukan sahaja diamalkan oleh bank-bank yang falsafah asalnya dan pelaksanaannya berdasarkan kepada syariah tetapi telah mula mendapat perhatian daripada bank-bank konvensional yang lain kerana mereka juga membuka kaunter ataupun *window* syariah ini di perbankan masing-masing dengan tujuan untuk meyakinkan rakyat Malaysia dan memperkenalkan konsep syariah ini. Sudah tentu konsep ini mesti jelas, telus, *transparent* dan akhirnya akan dapat memberikan suatu bentuk keadilan dan pembelaan kepada pengguna ataupun penyimpan-penyimpan yang menggunakan ataupun yakin dengan konsep perbankan syariah ini.

Saya juga merasa bangga apabila bukan sekadar bank-bank konvensional yang ditubuhkan dalam negara kita tetapi bank-bank yang ditubuhkan di negara luar seperti HSBC telah mula juga memperkenalkan konsep syariah ini di mana mereka cuba untuk memainkan suatu peranan yang proaktif bukan sekadar kita melihat pada hari ini konsep ini diterima baik oleh orang-orang Islam tetapi masyarakat bukan Islam juga mula memberikan kepercayaan.

Ini satu langkah yang sepatutnya saya merasakan perlu ditingkatkan dan diperbaiki dari masa ke semasa dan segala kelemahan hendaklah diperbaiki bagi menentukan bahawa

pengamal-pengamal dan pembuat dasar pada konsep ini akan dilihat mampu untuk menterjemahkan keadilan Islam dalam bentuk perbankan ini.

Pindaan ini juga membolehkan pihak perbankan mengeluarkan produk berasaskan kepada persyarikatan syariah seperti 'musyarakah, mutanakhisah dan syarikat innan'. Ini berdasarkan kepada beberapa aspek perbahasan dalam perbankan yang berasaskan kepada syariah ini.

Walau bagaimanapun penjelasan diperlukan mengenai status produk Bai-bitamam ajil ini yang mendominasi pasaran kewangan Malaysia. Ini mesti diperjelaskan dan dilihat sebagai suatu konsep ataupun suatu pengamalan yang benar-benar dapat dilihat dalam konteks pembelaan kepada masyarakat Malaysia termasuklah orang bukan Islam apabila mengamalkan ataupun memberikan keyakinan mereka untuk bersama menjayakan konsep ini, sudah tentu kita mesti memberikan suatu keyakinan dan keadilan kepada mereka, dan bukannya *at the end of the day* - akhirnya mereka akan mencemuh ataupun mereka merasakan tidak yakin dengan perbankan syariah ini.

Ini kerana penggunaan produk BBA ini telah menarik perhatian mahkamah, khususnya dalam kes Affin Bank *versus* Zulkifli. Dalam kes ini mestilah diambil perhatian oleh Parlimen dan juga oleh pihak Kementerian Kewangan di mana dalam kes ini mahkamah tidak berpuas hati dengan pengiraan keuntungan oleh bank yang disifatkan lebih zalim daripada sistem konvensional.

Di sini hujah saya, betapa perlunya Kementerian Kewangan memberikan suatu perhatian yang serius terhadap pengamal-pengamal konsep syariah atau perbankan syariah ini di mana kes ini sangat penting. Dalam kes Affin Bank lawan Zulkifli ini mahkamah mendapati pengiraannya itu lebih zalim dalam konteks di mana bank-bank konvensional yang lain boleh memberikan suatu skim yang lebih murah dan nampak pada zahirnya tidak menindas.

Ini yang kita tidak mahu dan seharusnya kita mengambil kesempatan ini bukan sekadar mereka-mereka yang terlibat untuk menjayakan atau menggubal dasar dan untuk mengimplementasikan perbankan syariah ini perlu membuat suatu *review* sama ada daripada Bank Muamalat atau Bank Islam dan mana-mana bank yang berhasrat menggunakan falsafah kewangan ini.

Telah sampai masanya mereka melihat semula dan kembali kepada falsafah asal iaitulah Perbankan Islam ini tidak menindas dan apatah lagi kalau kita berjaya untuk mengemukakan bahawa sistem ini benar-benar boleh memberikan suatu pertolongan. Konsep kita adalah untuk bahu membahu, ini akan lebih menjernihkan ataupun akan mencerahkan lagi masa depan Sistem Perbankan Islam ini yang mana insya-Allah, rakyat ataupun sama ada *foreigners* yang ingin melabur di negara kita juga akan yakin dengan konsep ini.

Selain itu, berkaitan Fasal 15, pindaan telah meletakkan had maksimum berkaitan pengecualian cukai bagi seseorang selain daripada syarikat luar pesisir atau individu adalah satu

per empat puluh. Penjelasan lanjut daripada pindaan ini diperlukan kerana perkataan yang digunakan adalah '*person*' dan apakah perbezaannya dengan individu? Begitu juga, apakah tiada penggalakan bagi syarikat pesisir laut untuk mengeluarkan zakat perniagaan? Ini juga saya merasakan sangat penting untuk diperjelaskan kerana saya yakin dan percaya bahawa apa yang saya kemukakan ini akan memberikan satu implikasi yang besar terhadap sistem perbankan yang berasaskan kepada syariah mahupun dalam bentuk bank-bank yang mengamalkan sistem konvensional.

Berkaitan dengan pindaan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, saya mencadangkan dalam ucapan saya ini supaya *System Differed Tax* diperkenalkan. Melalui sistem ini, seorang pelabur runcit hartanah boleh mendapat faedah yang baik. Menurut undang-undang sekarang, jika sesuatu tanah dilupuskan dalam tempoh lima tahun, seseorang itu akan dikenakan cukai dan pembayaran cukai itu perlu diselesaikan dengan kadar yang segera. Berbanding dengan *System Differed Tax* ini seperti yang diamalkan sebagai contoh kajian yang saya telaah sedikit di Amerika Syarikat; seorang yang melupuskan tanah masih dikenakan cukai hanya jumlah cukai yang digunakan itu boleh digunakan semula sebagai modal pusingan baginya untuk membeli hartanah yang lain.

Ini terdapat satu bentuk keadilan ataupun satu bentuk peluang yang diberikan di Amerika Syarikat dan kesannya amat baik dan kesannya sangat adil kepada pengamal-pengamal ataupun mereka yang terlibat dalam industri ataupun sektor hartanah ini. Kaedah ini boleh membantu industri runcit pasaran hartanah dan boleh membantu kerajaan meningkatkan nilai hartanah di Malaysia dengan jumlah urus niaga hartanah akan bertambah rancak dan akan memberikan satu *ground* ataupun suatu keadaan yang lebih subur untuk sama ada pelabur dalam negeri atau pun luar negara melihat kepada suasana yang menggalakkan ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila.

**12.05 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua, memang sekali gus, ada beberapa rang undang-undang yang telah pun dibentangkan untuk dipinda di bawah Rang Undang-undang Kewangan 2006 iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976, Akta Cukai Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan juga Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan isu tentang pembelian komputer iaitu sekarang ini sebenarnya sudah ada kelonggaran yang dikira memadai sebenarnya, walaupun Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan komputer akan rosak dalam jangka masa setahun, dua tahun. Ini terpulang sebenarnya kepada siapa yang menggunakan. Ahli Yang Berhormat bagi Kepong guna, mungkin lagi cepat rosaklah. Kalau orang lain pakai, mungkin lambat sikit.

Tetapi, dikira kelonggaran yang diberi oleh kerajaan dalam bajet ini adalah lebih memadai, lebih *reasonable* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau dahulu lima tahun sekali, sekarang tiga tahun sekali. Bermakna sudah ada kelonggaran, sudah ada diberi kemudahan yang lebih banyak kepada orang ramai, kepada pembayar-pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tidak boleh hendak jawab mengikut apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, mengikut peraturan dari fasal ke fasal saya akan pergi balik kepada....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ....mengikut.. disebabkan jawapan tidak dapat disediakan dengan sempurna.

Fasal 19, berhubung dengan syarikat jika 90% daripada pendapatan amanah-amanah yang diagihkan, keseluruhan pendapatan badan amanah dikecualikan cukai. Ini kena mengena dengan *REIT* Tuan Yang di-Pertua, iaitu jika 90% pendapatan daripada *REIT* itu, dibayar diagihkan kepada pelabur-pelabur maka syarikat induk itu tidak kena cukai. Bermakna, ini juga menggalakkan supaya syarikat ini mengagihkan semaksimum mungkin kepada pelabur-pelabur. Dengan ini saya kira dengan cara itu dapat menggalakkan pelabur mengambil bahagian dalam *REIT* ini. Bermakna kerajaan memang hendak menggalakkan *REIT* sebanyak mungkin sama ada konvensional ataupun *Islamic*. Ini bermakna pulangan kepada pelabur-pelabur dikira tinggi kerana pembahagian yang dianjurkan oleh kerajaan 90% daripada pendapatan keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan isu tentang ketua pengarah membangkitkan taksiran selepas tempoh enam tahun daripada tahun taksiran. Kuasa ketua pengarah membangkitkan taksiran di bawah Akta Cukai Pendapatan ataupun Akta Cukai Keuntungan Hartanah adalah bertujuan untuk membolehkan ketua pengarah mematuhi keputusan mahkamah. Sekiranya keputusan mahkamah dibuat ataupun dikeluarkan selepas tempoh enam tahun dan taksiran yang dibangkitkan adalah selaras dengan keputusan mahkamah, oleh itu tidak berbangkit salah guna kuasa oleh ketua pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, ini maknanya dalam peraturan kita sendiri telah ada *Litigation Act*, enam tahun, jadi kalau keputusan dibuat selepas enam tahun, maka mungkin tidak terpakai. Oleh itu, pindaan ini dibuat supaya dibolehkan, walaupun kelulusan oleh mahkamah dibuat selepas enam tahun, boleh terpakai. Bermakna kutipan masih boleh dibuat ke atas cukai yang telah pun dikenakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Minta penjelasan. Adakah ini bermakna itu *Litigation Act* itu tidak diguna pakai lagi dengan pindaan ini kerana ia boleh ditafsirkan pada bila-bila masa sahaja?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah untuk kes hartanah sahaja. Jadi kes-kes yang lain tidak disebut dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang definisi syarikat pegangan pelaburan, tidak termasuk pendapatan daripada sewa yang dianggap sebagai pendapatan daripada perniagaan dan Yang Berhormat bagi Kepong mahu penjelasan lanjut tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat pemegang pelaburan ataupun *holding company* adalah syarikat yang hanya menerima pendapatan daripada pelaburan dan tidak dianggap sebagai pendapatan perniagaan. Pendapatan daripada pelaburan akan diberi layanan khas mengikut peruntukan seksyen 60F atau seksyen 60F(a). Walau bagaimanapun, penentuan sama ada sesuatu syarikat itu merupakan *holding company*, tidak mengambil kira pendapatan sewa yang dianggap sebagai pendapatan perniagaan. Oleh itu, syarikat ini walaupun menerima pendapatan daripada sewa, syarikat bukan *holding company*, dan pendapatan sewa dianggap pendapatan perniagaan. Ini nampak *confusing* sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sudah *confuse*.

Makna, syarikat *holding company* menerima pendapatan, dia adalah akan dilayan di bawah seksyen 60F dan 60F(a) Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, *treatment* nya adalah berbeza sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ada menanyakan, adakah akauntan bertauliah perlu dilantik untuk menjadi agen cukai. Akauntan bertauliah perlulah dilantik oleh Menteri Kewangan sebelum menjadi agen cukai. Makna, dia mestilah ada pelbagai syarat-syarat yang mesti diikuti sebelum menjadi agen cukai walaupun dia seorang akauntan Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 26, *advance ruling*, di mana peruntukan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk keluar *advance ruling*. Kuasa Ketua Pengarah untuk keluar *advance ruling* tertakluk kepada kaedah cukai pendapatan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 154, 1(*eb*) dan (*ec*) juga kuasa Ketua Pengarah hanya tertakluk kepada pemakaian peruntukan Akta Cukai Pendapatan kepada transaksi yang bakal dilakukan oleh pembayar cukai, supaya pembayar cukai tahu layanan cukai sebelum sesuatu urusan niaga dilaksanakan. Ini adalah untuk memberi *certainty* dengan izin, kepada pelabur yang ingin melabur dalam sesuatu projek iaitu *certainty* mengenai liabiliti cukai kelak.

Makna Tuan Yang di-Pertua, setiap pelabur yang baru hendak melabur di Malaysia, mereka boleh mendapatkan *ruling*, mendapatkan ketetapan daripada Ketua Pengarah tentang cukai-cukai yang bakal akan dikenakan. Maknanya, kalau pihak pelabur ini bersetuju, maka

mereka akan terus melabur. Kalau mereka tidak setuju maka mungkin mereka tidak akan melabur dan *ruling* yang dikeluarkan peringkat awal ini, sebelum pelaburan dibuat, adalah terpakai untuk syarikat yang berkenaan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Makna dia tahu *advance notice* tentang cukai yang bakal dikenakan ke atas syarikat yang akan melabur itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga bangkit tentang kuasa Menteri untuk me *remit* kan duti di bawah Akta Setem dan kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan taksiran selepas tempoh enam tahun.

Fasal 95 dan Fasal 20, sama ada terdapat pengagihan kuasa Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tidak akan wujud pertindihan kuasa kerana ianya melibatkan perkara yang berbeza dan kuasa menteri adalah untuk me *remit* kan duti setem sekiranya terdapat alasan yang difikirkan wajar. Manakala kuasa Ketua Pengarah pula adalah untuk me *remit* kan taksiran selepas tempoh enam tahun bagi tujuan mematuhi keputusan mahkamah Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada pertindihan dan kuasa menteri adalah berkenaan dengan Cukai Setem. Pada hal kuasa Ketua Pengarah adalah kena mengena dengan hukuman mahkamah.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bangkitkan tentang anugerah khidmat yang ditetapkan, atau anugerah perkhidmatan, yang ditetapkan maksimum RM1000, kenapa ditetapkan RM1000?

Tuan Yang di-Pertua, had maksimum ditetapkan demi mengelakkan salah guna oleh majikan. Kiranya majikan membayar lebih daripada RM1000, penerimanya akan menikmati pengecualian cukai sehingga RM1000 dan apa-apa yang lebihnya akan dikenakan cukai. Ini pun juga Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan salah guna kuasa, majikan mungkin hendak bayar lebih kepada pekerjanya, kalau tidak ada had maka dia akan bayar mungkin RM10,000 RM20,000 sebagai imbuhan, dan ini dia akan mengelakkan cukai. Ini caranya untuk kita mengelakkan salah guna kuasa oleh majikan Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, timbul majikan salah guna dan bayar lebih kepada pekerja dan tidak kena cukai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan tentang Pindaan Duti Setem berkaitan dengan IKS. Pindaan yang dicadangkan ialah untuk memberi definisi yang jelas bagi IKS untuk tujuan pengenaan Duti Setem. Dengan pindaan ini, IKS yang telah ditakrifkan di bawah Akta Setem akan dikenakan kadar cukai yang khas iaitu 50% pengecualian ataupun kadar biasa untuk dokumen yang berkaitan dengan dokumen pinjaman. Ini cara kerajaan untuk membantu menggalakkan IKS dan kurangkan beban duti setem.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya tentang Fasal 28, definisi "*agen cukai*". Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kelulusan agen cukai diberi seperti berikut. Mana-mana akauntan profesional yang diberi kelulusan sebagai juru audit, akauntan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, mana-mana orang yang luluskan oleh Menteri Kewangan atas sokongan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Mulai 1 Januari 2006, akauntan profesional yang diberi lesen audit tidak lagi diberi kelulusan sebagai agen cukai dan mereka perlu mendapatkan lesen agen cukai secara berasingan. Cadangan pindaan ini pula ialah untuk menyelaraskan bahawa kesemua kelulusan agen cukai adalah melalui Menteri Kewangan. Permohonan perlulah mempunyai kelulusan dalam bidang tertentu seperti bidang kewangan yang berkaitan perakaunan dan mereka juga mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang percukaian, kena ada peraturan baru yang telah pun ditetapkan untuk melantik agen cukai oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga menanyakan tentang bayaran cukai melalui *internet, e-payment*. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kemudahan bayaran cukai melalui *internet* boleh dibuat bagi pemilik akaun seperti melalui bank-bank yang berikut; melalui CIMB Bank, ataupun BCB Bhd dan Public Bank Bhd Tuan Yang di-Pertua, makna sudah ada sistem tetapi tidak menyeluruh lagi.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. *E-payment* ini, bayaran 'e' ini, memang akan menjadi lebih penting. Setakat ini bolehkah Yang Berhormat sebutkan, peratusan pembayar cukai yang menggunakan *e-payment* ini. Ini akan menjadi satu perkara yang penting pada masa kelak.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, *e-payment* ini sekarang ini cuma melalui dua bank, saya tidak ada maklumat yang tepat, tetapi saya yakin peratusannya adalah kecil kerana baru hendak mula, dua bank sahaja baru, belum ada bank-bank lain yang terlibat. Jadi, bagi pendapat saya adalah kecil bilangannya kalau dibandingkan dengan sistem yang lain.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya tentang kenapa pindaan aset daripada aset tetap ke stok dagangan dikenakan cukai. Tuan Yang di-Pertua, bagi syarikat yang telah memiliki aset tetap dan kemudian telah dipindahkan aset tersebut kepada stok dagangan, nilai yang diambil kira sebagai nilai stok dagangan adalah nilai pasaran yang biasanya lebih tinggi daripada kos sebenar yang dibayar oleh syarikat. Oleh itu, perbezaan antara nilai pasaran dan kos sebenar yang akan dikenakan cukai keuntungan hartanah, dan ini jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebelum Yang Berhormat pergi ke soalan Kubang Kerian. Iaitu mengenai Fasa 7 yang bertujuan untuk memasukkan kepada subseksyen baru 22(1E) dan (1F) ke dalam Akta 543 ini mengenai sumbangan sukan yang dikecualikan. Subseksyen baru yang dicadangkan itu mengadakan peruntukan bagi suatu potongan yang bersamaan dengan apa-apa pemberian wang atau kos sumbangan yang dibuat oleh orang yang boleh dikenakan cukai bagi apa-apa aktiviti sukan atau projek yang mempunyai kepentingan negara, yang diluluskan oleh menteri atau pada mana-

mana badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun potongan yang dibenarkan menurut subseksyen itu dan subseksyen (1) tidak boleh melebihi 7% pada pendapatan *statutory* orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini bukan sahaja Fasal 47, ada dua, tiga fasal lagi yang kena-mengena dengan sukan. Jadi ketika kita menggalakkan sukan dan ketika kita menumpukan perhatian Sukan Asia, bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana kita berjaya untuk mengeluarkan di dalam bidang sukan ini dengan pengecualian kepada pembayar cukai yang dicadangkan di dalam fasal-fasal ini, kerana ini memang satu perkara yang penting bahawa negara ini mesti menumpukan perhatian kepada sukan yang merupakan salah satu bidang yang kita masih mempunyai kelemahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tindakan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan kepada syarikat-syarikat untuk memberi sokongan kepada kegiatan sukan kita. Sebelum ini boleh diberikan bantuan ataupun derma sehingga 5% daripada pendapatan agregat. Sekarang sudah ditingkatkan kepada 7%. Maksudnya syarikat boleh menambahkan lagi sumbangan mereka sehingga 7% daripada pendapatan agregat sebelum cukai, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu angka yang tinggi.

Jadi ini satu cara untuk kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat menyokong kesukanan di negara kita ini. Jadi dahulu 5% daripada pendapatan agregat sekarang ditambah kepada 7% daripada pendapatan agregat, maksudnya pendapatan yang dikenakan cukai. Jadi ini satu angka yang saya kira tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, tak ada kuasa untuk jawab perkara yang saya bangkitkan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya akan pergi selepas ini kepada soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang definisi takrif "*partnership*" tidak termasuk persatuan yang ditubuhkan di bawah skim pembiayaan mengikut prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah prinsip syariah cara pembiayaan di bawah mengikut prinsip Musyarakah dan 'Mutakhisah' iaitu prinsip perkongsian dan pembahagian untung terpakai. Walaupun prinsip pembiayaan secara Islam bukanlah perkongsian di dalam erti kata sebenarnya. Oleh itu, jika pembiayaan secara Islam adalah berkonsepkan perkongsian, maka perkongsian tidak dianggap perkongsian bagi tujuan cukai pendapatan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat ini jelas Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi sama ada syarikat luar pesisir tidak diberi galakan untuk mengeluarkan zakat. Tuan Yang di-Pertua, syarikat luar pesisir mendapat rebet cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, iaitu mengenai perkara spesifik yang telah pun dibangkitkan ada dua surat, yang ini saya tidak ada maklumat dan saya tidak bercadang

untuk bercakap tentang perkara-perkara yang saya tidak ada maklumat tentang perkara ini. Saya harap pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Kerja Raya boleh menjawab perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu sahaja terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidakkah Yang Berhormat menghadiri mesyuarat *pre-council UMNO meeting* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai RM600 juta diberi kepada Ketua Bahagian UMNO Semenanjung dan Sabah sahaja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya tahu, yang saya tahu tidak timbul masalah peruntukan ini akan dikendalikan oleh Ketua Bahagian. Tidak timbul. Yang difahamkan ialah bahawa Perdana Menteri telah pun meletakkan supaya wang ini diagihkan seperti biasa melalui pejabat-pejabat daerah dan tak timbul Ketua Bahagian boleh menentukan projek ataupun syarikat. Tidak timbul. Itu yang saya tahu. Diberitahu kemudian bahawa mesti melalui proses biasa Tuan Yang di-Pertua, tidak lari daripada biasa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat, sebagai Ketua Bahagian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** .....saya pun tidak ada arahan sebagai Ketua Bahagian, tak ada arahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sri Gading ada orang tanya Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya hendak membantu apa yang dijawab oleh Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia bijaklah Yang Berhormat. Sudah habis?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 18** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 19 (Pindaan) -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 19 dalam teks bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris Rang Undang-undang dipinda. Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan Fasal 19 dengan fasal yang berikut Tuan Yang di-Pertua, fasal Seksyen 61A.

19. *Akta itu dipinda dengan menggantikan subseksyen 61A(1) dengan subseksyen yang berikut:*

*“(1) Where in the basis period for a year of assessment ninety per cent or more of the total income of the unit trust is distributed to the unit holder, the total income of the unit trust for that year of assessment shall be exempt from tax.”*

Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa semua pendapatan unit amanah adalah dikecualikan cukai jika 90% atau lebih daripada pendapatannya diagihkan kepada pemegang unit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah pindaan seperti mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan tadi terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

19. *Akta itu dipinda dengan menggantikan subseksyen 61A(1) dengan subseksyen yang berikut:*

*“(1) Where in the basis period for a year of assessment ninety per cent or more of the total income of the unit trust is distributed to the unit holder, the total income of the unit trust for that year of assessment shall be exempt from tax.”*

**The English translation is as follows:**

19. *The principal Act is amended by substituting for subsection 61A(1) the following subsection:*

*“(1) Where in the basis period for a year of assessment ninety per cent or more of the total income of the unit trust is distributed to the unit holder, the total income of the unit trust for that year of assessment shall be exempt from tax.”*

**Fasal 19** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 20 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Subfasal 30(b) (Pindaan) -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa subfasal 30(b) dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris Rang Undang-undang dipinda.

*Rang Undang-undang ini dipinda dalam subfasal 30(b) dengan menggantikan perenggan 1(c) Bahagian X Jadual 1 dengan perenggan yang berikut:*

*“(c) and income tax shall be charged for a year of assessment on the income of a unit holder which is a foreign institutional investor consisting of income distributed to the unit holder referred to in section 109D which is derived from Malaysia at the rate of 20% of gross.”*

Pindaan kepada subfasal 30(b) bertujuan untuk menjelaskan bahawa pelabur institusi asing seperti mana yang tersebut dalam Seksyen 109D dikenakan cukai pada kadar 20% Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah pindaan seperti mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan tadi terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

*Rang Undang-undang ini dipinda dalam subfasal 30(b) dengan menggantikan perenggan 1(c) Bahagian X Jadual 1 dengan perenggan yang berikut:*

*“(c) and income tax shall be charged for a year of assessment on the income of a unit holder which is a foreign institutional investor consisting of income distributed to the unit holder referred to in section 109D which is derived from Malaysia at the rate of 20% of gross.”*

**The English translation is as follows:**

*The Bill is amended in subclause 30(b) by substituting for paragraph 1(c) of Part X of Schedule 1 the following paragraph:*

*“(c) and income tax shall be charged for a year of assessment on the income of a unit holder which is a foreign institutional investor consisting of income distributed to the unit holder referred to in section 109D which is derived from Malaysia at the rate of 20% of gross.”*

**Subfasal 30(b)** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 31 hingga 40** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 41 (Pindaan) –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 41 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris Rang Undang-undang dipinda. Rang Undang-undang ini dipinda dengan menggantikan Fasal 41 dengan fasal yang berikut:

*“Pemotongan seksyen 5A*

*41. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 5A”.*

Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa pinjaman kepada sesuatu perusahaan kecil dan sederhana tidak perlu di *endorse* oleh suatu pihak yang diluluskan oleh Menteri Kewangan memandangkan perindustrian kecil dan sederhana telah ditakrifkan dengan jelas dalam Fasal 40 Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah pindaan seperti mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan tadi terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong, apa hendak bahas?

**12.30 tgh**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, memang, memang iaitu IKS.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan sahaja seorang, orang lain pun boleh bahas juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, terpulang hendak beri peluang kepada Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya, ya. Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]* Hendak beri syarahan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pun tidak begitu faham mengapa kita perlu adakan satu pindaan lagi kepada Seksyen 5A ini dan memang tidak boleh faham, itu Yang Berhormat bagi Ledang pun tidak faham juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak faham, macam mana hendak bahas?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebab kita tidak faham, kita hendak tanya kepada Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat hendak bertanya bukan hendak bahas?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Setiausaha Parlimen untuk menerangkan ke mana kita perlukan satu pindaan ke atas Seksyen 5A ini. Kita tidak seperti Ledang, Ledang tidak ada projek, projek Johor-Selatan tidak sampai ke Tangkak, itulah masalah dia sekarang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu di bawah Rang Undang-Undang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Lain, itulah lain kita bangkitkan, kita tolong dia juga. Kesian, dia tidak ada projek. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, sebenarnya tafsiran ke atas IKS ini, tafsiran itu IKS memang dia ada buat berdaftar dengan pihak kementerian dengan tarafnya, tarafnya dia ada buat IKS kementerian dan sebab apa kita perlu buat dengan begitu pindaan-pindaan untuk IKS ini, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila.

**12.34 tgh**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kepong, kalau kita hendak perjelaskan lagi kita kena baca Fasal 40. Tuan Yang di-Pertua, Akta Stamp 1949 yang disebut oleh akta ibu dalam bab ini di pinda.....saya ingat saya tidak payah bacalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat pun tidak faham?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya? Tidak ada, saya sendiri pun jadi *confuse* Tuan Pengerusi, diconfusedkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Ketawa]* Hah? Jadi apa yang dikatakan oleh Kepong benarlah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Mula-mula saya tidak *confuse* tetapi bila Kepong cakap saya mula *confuse*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong yang *confuse*kan Setiausaha Parlimenlah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa pinjaman pada suatu perusahaan kecil dan sederhana tidak perlu di *endorse* oleh suatu pihak berkuasa yang diluluskan oleh Menteri Kewangan memandangkan perusahaan kecil dan sederhana telah ditarik dengan jelas pada Fasal 40. Bermakna ini hendak mengurangkan peraturan Tuan Pengerusi, tidak payah hendak pergi *endorse* pada menteri dan sebagainya itu lambat. Jadi dengan cara ini, kita dapat mengurangkan dan mempercepatkan proses Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui,

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan.

*Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan fasal 41 dengan fasal yang berikut:*

**“Pemotongan seksyen 5A**

*41. The principal Act is amended by deleting section 5A”.*

***The English translation is as follows:***

***This Bill is amendmend by substituting for clause 41 the following clause:***

*41. The principal Act is amended by deleting section 5A”.*

**Fasal 41** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi Rang Undang-undang.

**Fasal 42 hingga 45** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 46 - Pindaan**

**Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 46 Rang Undang-undang dipinda. Rang Undang-undang ini dipinda dengan menggantikan fasal 46 dengan fasal yang berikut:

**“Pindaan Jadual Pertama**

**46.** Butiran 27 kepada Jadual Pertama akta ibu dipinda dengan menggantikan subbutiran (a)(i) dengan subbutiran yang berikut:

“(i) where the loan is to a small and medium enterprise or financing provided to a small and medium enterprise according to the syariah –

For an amount not exceeding RM250,000 of the aggregate loans or of the aggregate financing under the Syariah in a calendar year

- RM0.50 for every RM1,000 or fractional thereof

For each additional RM1,000 not exceeding RM1,000,000

- RM2.50 for every RM1,000 of fractional thereof

For each additional RM1,000 or part thereof

- RM5.00”.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendaklah bahas? Yang Berhormat saya ingat you sudah faham?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, saya tahu. Saya ingat Yang Berhormat tidak bahas, jadi Yang Berhormat tidak bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bangun, saya akan panggil. Sudah cukup? Sudah bersetujukah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Setuju kah tidak setuju sama sahaja, boleh bahas?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, boleh bahas Yang Berhormat, kita boleh ulang semula. Buka mikrofon.

**12.37 ptg**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya ini memang satu perkara yang rumit kerana kalau kita baca butiran 27 ini kepada jadual pertama akta itu, yang pindaan yang dahulu yang sangat rumit dengan ikut syariah dan sebagainya. Sekarang ini sudah pinda lagi. Yang pertama itu kita sudah merumitkan keadaan dan kita akan pindah lagi dan merumitkan lagi keadaan. Jadi saya berharap Yang Berhormat lain kali kita hendak pinda, kita pinda dan kita mempertimbangkan dengan lebih terperinci kemudian kita pindahkan satu undang-undang. Dia ada pinda kalau hendak pinda lagi dan sebagainya, ini menurut syariah dan ini memang satu perkara. Yang Berhormat pun kurang faham, saya lebih tidak faham, ini masalah kita. *[Ketawa]*

Pasir Puteh itu. Tidak apa, macam mana kita hendak selesai masalah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu soalan lah?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]* Mesti kena beritahu, penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawab soalan.

**12.38 ptg**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kepong, tujuan dan pindaan ini adalah untuk memperjelaskan dan memperbaiki lagi undang-undang kita Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini memang diterangkan bahawa sekali gus pindaan ini kerana kalau tidak kita kena pergi dan sekali lagi buat persidangan dan masukkan lagi undang-undang ini.

Selepas itu kita kena elok dan buat sekali gus dan mempercepatkan lagi. Saya rasa pindaan ini adalah jelas dan saya ingat tidak perlu saya perjelaskan lagi Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong, faham hah? Ini buang masa saya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Buang masa? *[Ketawa]* Mana ada buang masa, tidak buang masa langsung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang Dicapang dalam kertas pindaan hendaklah disetujui, Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan.

**“Pindaan Jadual Pertama**

**46.** Butiran 27 kepada Jadual Pertama akta itu dipinda dengan menggantikan subbutiran (a)(i) dengan subbutiran yang berikut:

“(i) where the loan is to a small and medium enterprise or financing provided to a small and medium enterprise according to the syariah –

For an amount not exceeding RM250,000 of the aggregate loans or of the aggregate financing under the Syariah in a calendar year

- RM0.50 for every RM1,000 or fractional thereof

For each additional RM1,000 not exceeding RM1,000,000

- RM2.50 for every RM1,000 of fractional thereof

For each additional RM1,000 or part thereof

- RM5.00”.

**Fasal 46** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 47 hingga 51** jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

12.41 tgh.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Akta Kastam Pindaan (No.2) 2006 untuk meminda Akta Kastam 1967. Rang undang-undang ini adalah bertujuan melaksanakan cadangan Bajet 2007 bagi memperkenalkan ketetapan kastam menubuhkan Tribunal-tribunal Rayuan Kastam dan mengkaji semula denda bagi kes kurang ikrar dan penyeludupan barangan yang berduti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan Fasal 1 hingga 10 di dalam rang undang-undang ini seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 235 bagi memasukkan *tariff customs ruling* atau ketetapan kastam di dalam seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIA ke dalam Akta 235 bagi memperuntukkan:

- a) seksyen 10A - tentang permohonan untuk ketetapan kastam;
- b) seksyen 10B - pembuatan ketetapan kastam dan pemakaiannya;
- c) seksyen 10C - membenarkan kuasa Ketua Pengarah meminda, mengubahsuai atau membatalkan sesuatu ketetapan kastam;
- d) seksyen 10D - Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam sebagai batal, tidak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu diperoleh dengan cara *fraud*, salah kenyataan atau pemalsuan fakta; dan
- e) seksyen 10E - seorang pemohon tidak dibenarkan untuk menerima dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal perkara yang sama.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 22A bagi membenarkan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berhubung dengan ketetapan kastam diterima sebagai keterangan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 135, Akta 235 bagi menyatakan denda minimum yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen itu.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru XIVA ke dalam Akta 235 antara lain Fasal ini memperuntukkan seksyen 141A, 141B, 141C, 141D, 141E, 141F, 141G, 141H dan 141I, bagi penubuhan tribunal rayuan tadi yang disebut sebagai tribunal dalam pelantikan anggotanya. Dan seksyen 141J, 141K, 141L, 141M, 141N, 141O, 141P, 141Q, 141R, 141S, 141T, 141U,

141V, 141W, 141X, 141Y, 141Z, 141AA dan 141AB bagi bidang kuasa persidangan dan kuasa tribunal.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 142, Akta 235 bagi memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan berhubung dengan ketetapan kastam.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 143, Akta 235 bagi membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah selain keputusan yang berhubungan dengan kompaun untuk merayu kepada tribunal.

Fasal 9 adalah bertujuan membatalkan seksyen 143A supaya rayuan ke atas keputusan Ketua Pengarah berhubung dengan penilaian barang-barang import dikemukakan kepada tribunal dan tidak lagi kepada mahkamah.

Fasal 10 pula adalah pindaan-pindaan lain yang merupakan pindaan yang kecil atau yang berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa *Speaker* Yang Berhormat? Siapa? Yalah, siapa *Speaker*? Siapa *Speaker*? Yang Berhormat bagi Kepong berucap. Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum sedia ke Yang Berhormat bagi Kepong? Kalau belum...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, iaitu rang undang-undang ini *consequential* daripada cadangan bajet tahun depan kerana kita hendakkan satu pentadbiran cukai yang cekap dan juga penting untuk menjamin kelancaran dan keberkesanan segala dasar dan strategi pembangunan negara. Memang satu tribunal seumpama ini patut ditubuhkan awal lagi, bukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya ada baca mengenai cadangan menubuhkan tribunal ini. Kerana setakat ini, kalau kita tidak ada tribunal, orang-orang yang terkilan atau tidak setuju dengan cukai yang dikenakan itu tidak ada saluran yang tertentu untuk membuat rayuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini perbincangan tahun yang lepas. Tahun-tahun yang lepas adakah sama tentang kastam ini? Samalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan, tak sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Samalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini tak sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sekarang ini dicadangkan untuk adakan satu tribunal yang akan berkuat kuasa pada 1 Mac tahun depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan, ini bukan cadangan samalah setiap tahun?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak samakah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak sama. Ia tak sama. Ini satu perkara yang baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab setiap tahun hanya Yang Berhormat bagi Kepong berucap sahajalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ia tak sama, tak sama. Memang ada satu cadangan seperti ini semasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan bajet ini. Beliau kata yang Tribunal Kastam akan ditubuhkan untuk mempertimbangkan rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam. Dan itu daripada Bajet 2007.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan tak sedia. Memangnya ada sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada. Yang Berhormat sudah tunggu dari semalam?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya. Saya tunggu dari semalam. Yang pertama, walaupun ada usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan di kementerian, kita masih lihat ada kelemahan-kelemahan kerana pada masa hadapan kita memerlukan satu perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Dan yang kita masih kurang hanya garis panduan-garis panduan yang mudah difahami, tepat dan jelas yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pihak kastam. Di sini kita perlukan satu bantuan profesional untuk menjadikan perkhidmatan kutipan cukai dan kastam ini lebih lancar. Dari segi tribunal ini, saya berharaplah apabila dikuatkuasakan pada 1 Mac tahun depan, itu boleh membantu orang-orang yang tidak puas hati dengan penalti-penalti yang dikenakan oleh pihak kastam.

Di sini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak tanya Yang Berhormat apabila seseorang itu menghadapi masalah kerana dalam keadaan yang tertentu dia dikenakan penalti. Mungkin kerana dia memberi maklumat yang salah ataupun tidak memberitahu kepada pihak kastam ataupun lembaga keadaan dia atau suasana sudah berubah dia tidak memberitahu dengan cepat ataupun dia ada kecuaiian dan dengan demikian dikenakan penalti.

Pertama saya hendak tahu apabila seseorang membayar cukai ataupun menjadi pelanggan kastam adakah badan-badan yang boleh membantunya. Yang pertama mesti ada badan yang membantu dia ataupun pusat-pusat yang tertentu yang memberi garis panduan yang membantunya iaitu mengisikan borang dan sebagainya. Saya sebutkan hal ini kerana kalau dia

isikan borang yang salah, mungkin ini menjadi satu sebab dia dikenakan penalti. Dan saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberitahu kepada Dewan ini sama ada kita ada saluran yang sedemikian untuk pembayar cukai.

Yang kedua apabila dikenakan penalti dan dia tidak puas hati sekarang, kepada siapa dia buat rayuan? Dan dengan adakan tribunal ini, kalau dia tidak puas hati dengan tribunal kepada siapa lagi dia boleh membuat aduan ataupun rayuan? Ini memang penting daripada pusat-pusat yang memberi garis panduan, yang memberi kaunseling ataupun bantuan kemudian dia tidak puas hati kerana dikenakan penalti dia pergi kepada tribunal. Kalau keputusan tribunal memang dia mempertimbangkan sama ada penalti ini munasabah dan kalau munasabah apakah amaun yang perlu dibayar, sama ada amaun yang ditetapkan oleh pihak kastam itu terlalu tinggi. Kalau terlalu tinggi tribunal boleh kurangkan dan sebagainya. Kalau dengan keputusan tribunal ini seseorang itu tidak puas hati lagi apakah saluran? Mungkin kita perlukan satu lagi suruhanjaya ataupun apa sahajalah dia boleh buat aduan ataupun rayuan. Ini satu perkara yang penting Tuan Yang di-Pertua cuma kita hendak memastikan semua pembayar cukai sama ada dengan kastam ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita hendak galakkan dia memberi memastikan semua tuntutan itu tepat. Dan kalau tidak puas hati macam mana dia dapat memperbetulkan keadaannya.

Dan di sini dengan adanya pindaan seperti ini saya berharap sedikit sebanyak kita boleh kurangkan ketidakpuasan ataupun orang-orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh pihak kastam ini. Dan mudah-mudahan kita dapat luluskan dan kuatkuasakan dengan baik untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dengan lebih berkesan. Sekian terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin hendak berucap? Baik sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua mengapa Yang Berhormat bagi Kepong ketawa bila saya hendak sama-sama membahaskan tentang Akta Kastam.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang sebenarnya saya banyak benda yang boleh perkatakan kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang berbahagia ini, saya menjadi *forwarding agent*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perlu ada berkaitan dengan pindaan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ada Tuan Yang di-Pertua. Saya menjadi *forwarding agent* lebih 15 tahun dan kerja saya hari-hari dengan kastam. Dan bagaimana yang

disebut oleh Yang terhormat bagi Kepong tadi dengan adanya tribunal ini, menyelesaikan banyak masalah sebenarnya. Kerana kalau dengan cara lama mereka yang tidak berpuas hati dengan apa yang telah ditentukan oleh pihak kastam kita tidak boleh hendak ke mana. Dan biasanya apabila ada kes-kes tertentu kita akan berjumpa balik kastam kita cuba *negotiate*, *negotiate* denda-denda yang dikenakan. Yang ini akan menimbulkan syak wasangka di antara kita pelanggan dengan pihak kastam. Contoh macam satu kes yang mana sehinggakan kompaun ini pun boleh *negotiate*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*][*Keluar*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang terhormat bagi Kepong apa hal? Hendak tanya ke apa? Oh hendak bangun. [*Ketawa*] Sehinggakan kompaun itu boleh *negotiate* Tuan Yang di-Pertua. Jadi bila kompaun itu boleh *negotiate*, maka timbul macam-macam tohmahan, timbul macam-macam benda. Dan saya kira tribunal ini amat penting sekali lebih-lebih lagi pada hari ini negara menjadi *trading Malaysian*. Tahun sudah mengikut daripada perangkaan daripada Jabatan MITI kita telah mencapai RM967 bilion import eksport.

Dan tahun ini dijangkakan lebih daripada satu trilion bermakna banyak barang-barang yang dibawa masuk, banyak barang-barang yang dieksport dan barang-barang ini kebanyakannya dikenakan cukai. Dan pada hari ini kita lihat kadangkala oleh kerana terlampau banyak barang, taksiran kepada kastam terhadap barang-barang tertentu ini kod-kod yang ditentukan dalam buku cukai boleh dipertikaikan. Sebagai contoh kayu. Kalau kayu gergaji cukai dia lain, kalau kayu itu sudah menjadi bahan jadi ataupun ada boleh dibuat pintu dan tingkap cukai dia lain. Dan selalunya *importer* akan bermain dalam kod *tariff* ini. Kadang-kadang dia bawa kayu gergaji tetapi dia akan *declare* kepada kastam sebagai bahan yang - dia bawa benda yang sudah siap dia kata masih bawa *raw material*. Ini selalu banyak berlaku dan banyak praktis.

Itulah sebabnya pada hari ini kadang kala pula dalam segi kastam pula. Kuasa daripada kastam menentukan. Dia kata barang ini you tidak boleh masuk dalam kod yang sedemikian jenis atau kenegerian, *you* kena masuk dalam jenis ini. Jadi dengan adanya tribunal ini orang-orang yang tidak puas hati dia boleh kemukakan kepada tribunal. Dan benda ini sekurang-kurangnya pengimport dan pengeksport ada sedikit pembelaan. Sebagai contoh baru-baru ini yang berlaku di Melaka Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Linggi yang mana seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum kayu yang dibawa dari Indonesia terbesar sedikit. Dimasukkan di atas barang-barang yang terlarang, walhal kayu ini dibenarkan masuk.

Tetapi oleh kerana lebihan satu dua inci diklasifikasikan sebagai barang-barang yang terlarang. Bila barang-barang yang terlarang maka orang-orang yang tersabit dengan membawa masuk ini dikenakan hukuman yang amat keras. Yang mana di dalam akta ini pun ada dikatakan bahawa sepuluh kali ganda daripada cukai ataupun taksiran yang ada. Itulah sebabnya baru-baru ini perkara ini telah saya bawa ke dalam Dewan ini saya juga telah menghantar surat

kepada Menteri Kewangan, saya juga telah menghantar surat kepada Menteri Undang-undang. Disebabkan oleh 229 kayu yang dibawa masuk 21.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Belum Tuan Yang di-Pertua, belum habis Tuan Yang di-Pertua belum *touch* lagi pun macam mana hendak gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau dengan ini Yang Berhormat boleh sambunglah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat bagi Jasin untuk menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung balik apa yang saya perkatakan tadi, kerana kadang-kadang dalam tafsiran berkenaan dengan cukai barang-barang dan benda-benda yang diimport pelanggan ataupun pengimport tidak ada tempat untuk mengadu. Banyak di antara mereka mengatakan bahawa seolah-olah jawatan kastam ini ibarat, 'Beraja di mata bersultan di hati' dan benda ini tidak dapat dibincangkan. Dengan adanya akta ini, rang undang-undang ini paling tidak peluang lagi kepada pengimport-pengimport untuk merayu ataupun mempertikaikan ketetapan yang dibuat oleh pihak kastam. Ini berkenaan dengan cukai.

Saya juga ada berjumpa dengan satu rakan iaitu orang yang terlibat dengan industri. Masalah yang berlaku pada hari ini barang-barang yang diimport untuk barang-barang industri didapati bahawa lepasan kontena-kontena mereka daripada pihak kastam mengambil masa yang lama. Ada mereka ini mempunyai kontrak hadapan yang patut dipenuhi, tetapi sekiranya barang-barang yang diimport ini kadang-kadang memakan masa lebih daripada 21 hari untuk dilepaskan oleh pihak kastam.

Maka ini akan mengganggu-gugat pengimport-pengimport dan juga industri. Jadi pada saya tribunal ini jangan sebut ketetapan cukai sahaja, tetapi cara pelaksanaan undang-undang ini juga diberi peluang untuk orang mengadu pada tribunal, kerana ini akan membebaskan pengimport-pengimport lebih-lebih lagi pada hari ini benda-benda yang melibatkan fesyen. Fesyen ini benda yang cepat bertukar.

Kalau pengimport memakan masa yang begitu lama untuk dapat mengeluarkan kontena-kontena mereka dekat pelabuhan ataupun di lapangan terbang, maka apabila memakan masa lebih dari 21 hari fesyen itu sudah terlepas. Jadi itu yang menjadi masalah pada hari ini, mereka tiada tempat hendak mengadu. Hendak mengadu dengan siapa? Jadi saya berharap supaya rang undang-undang ini apabila diluluskan bukan sahaja dalam segi penetapan cukai yang dipertikaikan oleh pengimport, tetapi cara pelaksanaannya juga harus dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rayuan ini memang tadi dipertikaikan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, tetapi dalam ini sudah termasuk dah. Kalau tidak selesai di tribunal orang-orang yang tidak berpuas hati boleh membawa benda ini ke mahkamah. Sekarang ini semua barang ataupun yang tidak dipersetujui bergantung kepada keputusan mahkamah. Jadi kita berharap dengan tribunal ini masalah mahkamah ini, kareh mahkamah ini dapat kita kurangkan dan kes-kes ini dapat diselesaikan dengan cepat. Kerana kalau bawa ke mahkamah kadangkala barang-barang yang dipertikaikan ini menjadi bahan bukti mahkamah, bawa ke mahkamah selepas itu dekat mahkamah tidak dapat diselesaikan bawa balik, jadi memakan masa yang begitu panjang dan belanja yang besar dengan harapan, dengan rang undang-undang ini, dengan pindaan ini ada suruhanjaya yang akan memutuskan ini, maka masalah-masalah ini dapat kita selesaikan dengan secepat mungkin. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**2.36 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan dua soalan iaitu *custom ruling*. Apa tafsiran itu *custom ruling* sama ada ia hanya menentukan harga barangan import atau kod butiran kastam atau barangan larangan import atau barang itu, sama ada ia kena duti atau tidak atau yang lain-lain tafsiran?

Yang kedua, Ketua Pengarah perlu membuat satu *custom ruling*, tetapi tiada dikenakan satu had tempoh sama ada satu permohonan dibuat, ketua pengarah perlu membuat *custom ruling* ini dalam tempoh berapa lama? Kadangkala mungkin beberapa bulan.

Saya pernah membangkitkan satu masalah yang dihadapi oleh pelanggan terhadap kastam, iaitu seorang ahli peniaga yang berniaga dalam bidang farmasi. Beliau import *tongue depressing stick*, satu kayu untuk menekan lidah iaitu digunakan untuk *medical use*, tetapi kastam kata ini *ice-cream stick*. *Ice cream stick* ini kena duti, tetapi kalau digunakan *medical* ia tidak kena duti, walau bagaimanapun oleh kerana hendak melepaskan barangan import ini dari kastam *clearance*, maka beliau terpaksa membayar duti. Dan selepas dipaksa bayar duti beliau baru membuat rayuan kepada pihak berkenaan, tetapi ia ambil beberapa bulan sebelum ia diselesaikan. Hanya ini dua perkara sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sebelum saya panggil siapa lagi hendak berucap pihak menteri ada satu usul. Silakan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.41 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari esok Selasa 12 Disember 2006”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**2.43 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Ahli Yang Berhormat bagi Jasin dan Ahli Yang Berhormat bagi Bagan yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Jasin sebenarnya menyokong cadangan ini untuk menubuhkan satu Tribunal Kastam untuk merujuk kes-kes yang ada pertelingkahan, yang dipertikaikan oleh pembayar-pembayar cukai. Memangnya ada *provision* dengan izin Tuan Yang di-Pertua bahawa selepas dirujuk kepada tribunal, dahulunya tidak ada tribunal, maka semua kes-kes dirujuk kepada mahkamah.

Seperti kata Yang Berhormat bagi Jasin, memang kes mengambil masa yang panjang kerana *back log* begitu banyak. Bahan bukti terpaksa disimpan dan ini merugikan semua pihak. Sebab itu diwujudkan tribunal dan tribunal ini bersidang bila-bila masa yang ditentukan dan kes-kes diputuskan adalah muktamad. Tetapi kalau ada lagi pertikaian, oleh sebab peraturan undang-undang dan sebagainya, boleh dirujuk kepada mahkamah. Ini sudah ada *provision*

dengan izin dalam undang-undang ini. Jadi maknanya Tuan Yang di-Pertua, tempat mengadu sekarang ialah..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di masa dahulu kerana kes-kes yang dipertikaikan dibawa ke mahkamah. Ini memang mengambil masa yang panjang dan menjejaskan perniagaan dan sebagainya. Sekarang, lebih baik kita ada tribunal. Sekiranya seseorang itu tidak puas hati dengan keputusan tribunal, kalau dia masih pergi ke mahkamah, itu sudah mengambil masa. Patut kita ada agensi lain yang boleh mengendalikan, yang boleh menangani masalah seumpama ini. Misalnya, mungkin satu Pesuruhjaya Sumber Manusia dan sebagainya untuk menangani masalah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting dan setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai kaedah yang berkesan untuk menanganinya. Sekarang, walaupun langkah betul tetapi kita perlu menyempurnakan masalah ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan ke arah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong itu. Maknanya apa Yang Berhormat bagi Kepong mahu ialah kita wujudkan satu lagi badan di atas tribunal sebelum mahkamah. *Is that so?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Jadi, ini satu perkara yang belum ada cadangan. Tetapi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, di bawah tribunal ini, pihak pengadu dia boleh berhadapan dan buat representasi beliau kepada tribunal ini. Mereka boleh berbincang dan boleh dengan izin, boleh *argue* di dalam tribunal itu dan mendapat kata putus. Saya ingat setakat ini, sudah cukup. Tetapi kalau selepas tribunal ini ditubuhkan, masih ada lagi pertikaian, mungkin pada masa itu boleh dipertimbangkan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin saya ingat, itulah jawapan tadi. iaitu sudah ada tempat mengadu sekarang ini iaitu pihak tribunal. Dahulu memang tidak ada, terpaksa semua pergi ke mahkamah, sekarang sudah ada.

Yang Berhormat Bagan tentang *customs ruling*, berkenaan dengan cukai dan beliau juga mahu supaya dalam *ruling* ini juga dimasukkan tempoh kuat kuasa atau tempoh laku *ruling* tersebut. Jadi perkara ini, saya berharap pihak kastam akan dapat mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua,..

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Bukan... penjelasan. Bukan..bukan sah tempoh lakunya perintah itu, tetapi kalau ada satu permohonan untuk meminta Ketua Pengarah membuat satu *customs ruling*, Ketua Pengarah ini mengambil berapa lama untuk membuat satu pengisytiharan itu?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, itu termasuk dalam kaedah-kaedah membuat *ruling*. Sudah ada dan saya yakin akan dipatuhi dengan sebaiknya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah habis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 10 –**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Fasal 3 ada kena mengena dengan penubuhan. Fasal ini membenarkan Ketua Pengarah, meminda, mengubah suai dan membatalkan ketetapan kastam. Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam tu sebagai batal, tidak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu diperolehi dengan cara *fraud*, salah penyataan atau pemalsuan akta. Seseorang pemohon tidak dibenarkan untuk memegang dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal, perkara yang sama.

Tuan Pengerusi, ini kita ada, yang pertama, Ketua Pengarah dan yang dapat begitu besar kuasanya untuk membuat ketetapan dan sementara itu kita hendak memasukkan di dalam seksyen 2 itu, Akta 235 bagi memasukkan takrif *customs ruling* dan ketetapan kastam ke dalam seksyen itu. Saya pun tidak faham macam mana kita buat? Sebelah sini kita hendak ada satu *customs ruling* masukkan satu takrif *customs ruling* dan yang sebelah sini kita bagi Ketua Pengarah begitu banyak kuasa untuk meminda, mengubahsuai dan membatalkan sesuatu ketetapan dan sebagainya. Memang saya bangkitkan hal ini kerana saya takutlah kuasa yang begitu besar itu boleh disalahgunakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada jawapan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Pengerusi, memang di dalam Rang Undang-undang ini memang sudah ada ketetapan begitu bahawa Ketua Pengarah Kastam diberi kuasa untuk membuat *ruling* dan sudah tentulah dengan pelbagai kajian laporan yang dipertimbangkan sebelum membuat *ruling* itu Tuan Pengerusi. Dia tidak boleh dengan sendirinya, tanpa beberapa maklumat untuk membuat *ruling*. Jadi saya yakin, *ruling-ruling* yang akan dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam akan dibuat dengan secara saksama, Tuan Pengerusi.

**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006 untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan melaksanakan cadangan Bajet 2007 bagi memperkenalkan ketetapan kastam dan menubuhkan Tribunal Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan fasal 1 hingga 7 di dalam Rang Undang-undang ini seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 64 bagi memasukkan takrif "ketetapan kastam" dan "Tribunal Rayuan Kastam" di dalam seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IVA ke dalam Akta 64 bagi memperuntukkan:-

- (i) seksyen 11A, permohonan untuk ketetapan kastam berhubung dengan penjenisan barang-barang atau prinsip-prinsip yang diguna pakai bagi maksud menentukan nilai sesuatu barang atau atas perkara lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;
- (ii) seksyen 11B, berhubung pembuatan ketetapan kastam dan pemakaiannya;
- (iii) seksyen 11C membenarkan Ketua Pengarah meminda, mengubahsuai atau membatalkan sesuatu ketetapan kastam;
- (iv) seksyen 11D Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam itu sebagai batal, tidak sah, dan tiada kesan jika ketetapan itu diperolehi secara fraud, salah kenyataan atau pemalsuan fakta; dan
- (v) seksyen 11E seseorang tidak dibenarkan untuk menerima dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal perkara yang sama.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, 12B ke atas Akta 64 bagi menjadikan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berhubung dengan ketetapan kastam hendaklah diterima sebagai keterangan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 61 untuk Akta 64 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan ketetapan kastam. Pada masa ini mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah boleh merayu kepada Menteri.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 68, Akta 64 bagi membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah selain dari keputusan yang berhubung dengan kompaun merayu kepada Tribunal. Pindaan ini juga bertujuan supaya semua peruntukan yang berhubung dengan Tribunal di bawah Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai bagi akta ini.

Fasal 7 adalah pindaan-pindaan lain yang merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Jasin.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha! Baik, baik...

**Datuk Mohd Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tan Sri, duduklah Kepong sekejap.

Kita menyokong pindaan yang dibuat ini, Akta Cukai Jualan, tetapi kita nak mempersoalkan pelaksanaannya, pelaksanaannya. Kerana kita dapati bahawa, apabila pegawai-pegawai pergi melawat kilang, pergi melawat tempat-tempat untuk menyelesaikan masalah cukai jualan ini, didapati rungutan daripada Pegawai-pegawai Kastam mengatakan bahawa kenderaan jabatan tak cukup untuk membawa mereka pergi melawat kilang dan nak menentukan cukai jualan ini dikutip. Lebih-lebih lagi di Bandar Raya Kuala Lumpur ini, yang terkenal dengan dia punya kesesakan, *jam* nya dan sebagainya.

Apa yang berlaku pada hari ini, mengikut daripada apa yang saya dengar, kebanyakan orang atau pun tuan punya-tuan punya kilang dan juga tempat-tempat menjual, dia datang mengambil Pegawai Kastam. Datang ke Ibu Pejabat Kastam, datang ke Pejabat Kastam, membawa Pegawai Kastam pergi ke kilangnya. Bila dia bawa Pegawai Kastam pergi ke kilangnya, macam-macam boleh berlaku dalam perjalanan. Saya tidak menuduh. Tetapi kalau

Kastam mempunyai kenderaan yang cukup, pegawai boleh pergi sendiri dengan kereta-kereta kerajaan ini, dan dia terus dapat memeriksa buku dan perkara-perkara yang ada di kilang itu untuk kita melaksanakan kutipan cukai jualan. Tetapi kalau dah tuan punya kilang mengambil pegawai di pejabat untuk melawat kilangnya, macam-macam perkara boleh timbul dan macam-macam perkara boleh berlaku dalam perjalanan.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya kementerian memandangkan soal ini, tidak guna kita luluskan Akta Cukai Jualan dengan harapan bahawa kerajaan dapat kutip cukai tambahan untuk membangun negara tetapi tidak dapat dilaksanakan dengan cekap, tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang di kehendaki. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *Bangun.*

**Yang di-Pertua:** Kepong nak berucap?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya nak berucap Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Walau pun daripada ucapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dia katakan ini satu *consequential* sahaja daripada dua-dua pindaan yang telah diluluskan di dalam Dewan tadi, dan ini mengenai Cukai Jualan. Nak pinda untuk menyesuaikan rang undang-undang ini dengan Akta Kastam dan Akta Kewangan tadi.

Di sini saya hendak menggunakan kesempatan ini untuk menanyakan beberapa pertanyaan dan teguran mengenai Cukai Jualan kita.

Sebenarnya Akta Cukai Jualan semenjak tahun 1972 dan di sini puratanya kita nampak kadar percukaian ialah daripada 5% sampai 25% peratus, di sini saya hendak menanya mengenai itu *manufacturers* dan pengimport, untuk maksud Cukai Jualan ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada saya atau pun Dewan yang mulia ini, mengenai golongan yang perlu mendapat lesen daripada pihak kementerian, *Manufacturer* dan pengimport, dan juga, adakah benar bahawa syarikat-syarikat dengan *turn-over* jualan itu kurang daripada RM100.000 dan syarikat-syarikat dengan lesen *licensed manufacturing warehouse* atau LMW dikecualikan daripada lesen untuk Cukai Jualan dan kalau ia dikecualikan, apakah hendak kita buat, dia mestilah meminta satu sijil atau pun satu surat daripada pihak kementerian yang menyatakan mereka dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan.

Di sini memang penting terutamanya bagi industri kecil dan sederhana (IKS). Ia ada import barang-barang pembinaan, barang-barang makanan dan sebagainya. Bagaimana pihak kementerian dapat membezakan barang-barang ini, ada yang dikenakan cukai dan ada yang tidak dikenakan. Saya faham kalau minuman keras dikenakan 20% dan rokok dikenakan 25%. Walaupun dikenakan 25% kita masih nampak di kalangan Ahli-ahli Parlimen itu memang masih merokok. Di dalam Dewan, di belakang kita walaupun dilarang merokok, dia masuk, dia merokok

juga. [Disampuk] Ya. Walaupun cukai jualan itu 25% tetapi dia merokok juga. Kalau dia nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun dia tidak kisah. [Memandang ke arah Yang Amat Berhormat TPM] [Ketawa] Memang tidak kisah. [Disampuk] Permission? Dia tidak bagi permission. Tengok begitu hebat dengan pertandingan amal itu. [Ketawa] Memang dia tidak merokok.

Saya hendak mengetahui setakat mana input bagi IKS itu perlu membayar cukai jualan dan di sini dengan tribunalnya - sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu oleh sesetengah Ahli Parlimen supaya saya boleh membahaskan dengan panjang lebar. Tetapi susahlah ini *consequential* sahaja. Macam mana hendak bahas dengan panjang lebar pula.

Tetapi walau bagaimanapun ini satu rang undang-undang yang penting. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kerana saya tidak nampak petroleum ataupun bahan-bahan produk petroleum. Bagaimana cukai jualan dikenakan kepada petroleum dan produk kita ini sebab biasanya kita tidak nampak dan peratusannya pun tinggi untuk petroleum dan petroleum kita ini. Boleh Yang Berhormat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana bahan-bahan petroleum ini dapat membayar cukai jualan di mana mereka mesti membayar sekurang-kurangnya 10% daripada cukai jualan kita ini.

Mengenai bahan-bahan mentah dan mesin-mesin untuk membuat bahan-bahan dan barang-barang yang boleh dikenakan cukai itu, saya harap Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan kepada kita bahan-bahan yang tidak perlu dibayar cukai jaluannya kerana kita hendak menggalakkan sesetengah industri dan dengan demikian ada bahan-bahan mentah yang tidak dikenakan cukai jaluannya. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Pihak menteri menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Kepong. Nampaknya kedua-duanya begitu aktif dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin memang dalam hal ini beliau menyokong penubuhan tribunal ini. Berkenaan dengan beliau bertanya tentang kemudahan oleh pegawai-pegawai Kastam untuk melawat premis-premis, ada kalanya pihak pegawai pengilang sendiri membawa pegawai-pegawai Kastam ke kilang masing-masing dan mungkin berlaku berbagai-bagai dalam perjalanan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sepatutnya tidak berlaku. Keadaan tidak timbul dalam masalah ini kerana dalam hal ketetapan *Custom ruling* ini dibuat melalui permohonan yang bertulis dan pihak Ketua Pengarah dengan maklumat yang ada akan membuat ketetapan kecuali kalau beliau tidak yakin dengan laporan itu, maka barulah pergi melawat ke premis yang berkenaan.

Tentang apa Yang Berhormat bagi Kepong bangkitkan, sebenarnya pihak Kastam telah ada buku yang besar itu, yang semuanya ada maklumat tentang produk-produk yang akan dikenakan cukai dan kadar cukai. Kodnya masing-masing sudah ada, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, tidak timbul masalah sama ada jenis barangan yang dikenakan atau jumlah cukai yang akan dikenakan dan sebagainya. Ia sudah ada ketetapan, sudah ada kod masing-masing. Jadi, tidak timbul sebarang masalah. Saya ingat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diluluskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.09 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006 untuk meminda Akta Eksais 1976.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan melaksanakan cadangan Bajet 2007 bagi memperkenalkan ketetapan Kastam menubuhkan Tribunal Rayuan Kastam dan mengkaji semula denda bagi kes kurang ikrar dan penyeludupan barangan yang berduti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan Fasal 1 hingga Fasal 9 dalam rang undang-undang ini seperti berikut:

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan yang tetap iaitu tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda Seksyen 2, Akta 176 bagi memasukkan tarif “ketetapan kastam” dan “Tribunal Rayuan Kastam” di dalam seksyen itu.

Fasal 3, bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIA yang baru lagi dalam Akta 176 bagi memperuntukkan:

- Seksyen 5A, tentang penetapan kastam berhubung dengan penjenisan barang-barang ataupun prinsip-prinsip yang diguna pakai bagi maksud

menentukan nilai sesuatu barangan atau atas perkara lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

- Seksyen 5B, berhubung pembuatan penetapan kastam.
- Seksyen 5C, membenarkan Ketua Pengarah meminda, mengubahsuai ataupun membatalkan sesuatu ketetapan kastam.
- Seksyen 5D, membenarkan Ketua Pengarah untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam itu sebagai batal, tidak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu diperolehi dengan cara *fraud*, salah kenyataan atau pemalsuan fakta.
- Seksyen 5E pula, seseorang pemohon tidak dibenarkan untuk menerima dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal perkara yang sama.

Fasal 4, bertujuan meminda seksyen 18A, bagi membenarkan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berhubung dengan ketetapan kastam diterima sebagai keterangan. Pada masa ini, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah, boleh merayu kepada Menteri.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda seksyen 47, Akta 176 bagi membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah selain keputusan yang berhubungan dengan kompaun, boleh merayu kepada Tribunal. Pindaan ini juga bertujuan supaya semua peruntukan yang berhubungan dengan Tribunal di bawah Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai di bawah akta ini.

Fasal 6, adalah bertujuan membatalkan seksyen 47A supaya rayuan ke atas keputusan Ketua Pengarah berhubung dengan penilaian barang-barang import dikemukakan kepada tribunal dan tidak lagi ke mahkamah.

Fasal 7, bertujuan untuk meminda seksyen 74, Akta 176 bagi menyatakan denda minimum yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini.

Fasal 8, bertujuan untuk meminda seksyen 85, Akta 176 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berhubung dengan ketetapan kastam.

Fasal 9, adalah pindaan-pindaan lain yang merupakan pindaan yang kecil dan atau yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**3.15 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu dua perkara dalam rang undang-undang meminda Akta Eksais 1976 ini. Pertamanya, saya sentiasa menyebut dan membangkitkan hal ini, iaitu masih lagi saya lihat bahawa dalam akta ini, akta ibunya adalah saya rasa masih lagi dalam bahasa Inggeris yang saya lihat tadi. Kalaulah ia dipinda dan ditukar ke bahasa Malaysia saya harap itu akan dapat dilakukan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen sama ada ini yang mewujudkan Tribunal Rayuan Kastam ini melibatkan isu-isu seperti bantahan rakyat terhadap cukai yang dikenakan terhadap pengimportan kereta daripada luar negara, yang mana semua golongan rakyat merasakan kadar cukai yang dikenakan terhadap pengimportan kereta adalah terlalu tinggi untuk rakyat keseluruhannya yang menjadikan sebenarnya harga pasaran kereta dalam negara kita antara yang tertinggi di dunia.

Perkara ini sudah berlaku sebegitu lama sehinggakan ia mempunyai kesan yang amat teruk kepada masyarakat dan ia sebenarnya tidak memberi apa-apa keuntungan yang jelas kepada negara. Kalau alasan yang dibawa dalam sekitar sepuluh tahun yang lalu ialah ia untuk mempertahankan industri kereta tempatan, tetapi nampaknya tokoh yang terlibat dalam industri kereta itu sendiri pun merasakan kadar cukai pengimportan kereta dan cara pengendalian industri motor dalam negara termasuk AP itu sudah tidak lagi menguntungkan negara.

Akhirnya oleh sebab dasar dan oleh sebab penyelewengan dasar juga, maka terdapat keadaan yang mana industri kereta negara menghadapi masalah dan hingga ke hari ini, walaupun Dasar Auto Negara sudah pun diisytiharkan selama beberapa bulan, tetapi kesan buruk terhadap industri kereta dalam negara dan perasaan tidak puas hati rakyat terhadap harga kereta yang tinggi masih lagi berterusan.

Jadi dalam konteks tribunal rayuan ini, adakah ia terbuka kepada tribunal ini berkuasa untuk menimbang, menilai dan memberikan keputusan-keputusan tentang misalnya mengapa harga kereta yang disebabkan oleh urusan kastam telah menjadi begitu tinggi dan adakah ini boleh membenarkan misalnya tribunal ini membuat keputusan untuk membantu rakyat dan menukar kadar cukai terhadap eksais. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangun.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Mahu tanya. Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan lagi? Okey.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat. Oleh sebab duti eksais di negara kita boleh dikatakan satu cukai eksais yang tertinggi di rantau ini, saya beri satu contoh kereta tempatan seperti di Thailand, kereta Honda City dijual di Thailand hanya

RM50,000 sahaja. Tidak sepatutnya kereta Honda City dijual di negara kita, di Malaysia hampir RM90,000.

Oleh sebab duti eksais yang sangat tinggi dan akan membebankan rakyat jelata sebab ramai rakyat tidak boleh menikmati manfaat dari penurunan cukai. Walaupun duti eksais boleh dikatakan tinggi seperti Toyota Fortuna, yang dijual di Thailand hanya RM100,000 tetapi dijual di sini RM180,000. 80% tinggi daripada harga sepatutnya. Oleh sebab rakyat biasa terpaksa membeli kereta dengan harga yang begitu tinggi, dan ini tidak menguntungkan khususnya rakyat jelata. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kerajaan haruslah menghapuskan duti eksais kereta import supaya kita boleh bersaing dengan harga pasaran kereta seperti yang dinikmati di negara jiran iaitu Thailand. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, yang saya iktiraf sebagai salah seorang yang amat mengetahui tentang industri motor khususnya tentang harga-harga kereta dalam negara kita berbanding dengan keadaan harga kereta serantau. Inilah masalahnya dan ini bukan sahaja dikenakan terhadap kereta-kereta kelas mahal untuk misalnya mengadakan suasana yang mana orang kaya yang membeli kereta yang besar dan mahal ditinggikan cukai kepada mereka, tetapi akhirnya ia terkena kepada seluruh rakyat. Sebab itu pegawai-pegawai kerajaan misalnya, dalam akhbar hari ini menuntut kenaikan gaji sebanyak 40% sebabnya kadar gaji pegawai kerajaan hari ini memang tidak sesuai dengan kos, perkara-perkara asas yang diperlukan oleh rakyat termasuk pegawai kerajaan yang mana salah satu di antaranya termasuklah kereta motor.

Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, mengalami hal ini di masa kita awal-awal bekerja dalam perkhidmatan kerajaan lebih kurang 30 tahun yang lalu. Saya masih ingat bahawa gaji awal kita sebagai pemegang ijazah pertama ialah sekitar RM750, tetapi kereta yang agak sederhana dan sesuai ketika itu seperti Ford Escort ataupun Opel Cadet harganya hanya sekitar RM7,000. Maknanya sepuluh bulan gaji ataupun sembilan bulan gaji cukup untuk sebuah kereta yang sederhana sesuai dengan pegawai kerajaan kelas satu ketika itu.

Hari ini harga kereta melebihi RM30 ribu yang sederhana. Gaji pegawai kerajaan yang berijazah yang sederhana sekitar RM1600 sebulan. Yang mana ianya memerlukan agaknya hampir dua setengah tahun gaji untuk mampu ianya mempunyai sama nilai dengan sebuah kereta yang sesuai dengannya. Oleh sebab itulah saya berharap bahawa kerajaan akan menggunakan apa cara sekalipun termasuklah melalui tribunal ini untuk membenarkan rakyat menyatakan perasaan tidak puas hati mereka dan oleh itu mengambil tindakan untuk menjadikan cukai-cukai khususnya cukai untuk kereta yang diimport itu menjadi lebih rendah daripada yang ada. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**3.21 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini satu rang undang-undang berbangkit kerana pindaan-pindaan ke atas tiga rang undang-undang yang lepas. Mengenai cukai eksais, saya berharap walaupun satu tribunal kita perlu untuk menyelesaikan pelbagai masalah terutamanya dengan pembayar eksais yang tidak puas hati. Di sini saya bangkitkan masalah eksais kita, bukan sahaja apa yang diujahkan Yang Berhormat bagi Tumpat tadi. Kita ini di dalam ASEAN. ASEAN ini kita hendak tubuhkan satu ASEAN Free Trade Area (AFTA). Dengan AFTA ini, kita adakan Common Effective Preferential Tariff (CEPT). Di sini beberapa barang, terutamanya kenderaan menimbulkan masalah. Setakat mana kadar eksais kita ini cocok dengan perjanjian yang kita ada untuk CEPT di dalam AFTA.

Adakah anggota-anggota ASEAN yang lain sudah membuat bantahan yang kuat setiap tahun kerana kita tidak mengurangkan eksais kita? Misalnya dengan *passenger car* kita itu untuk CKD (*Completely Knock Down*) dan CBU, eksais itu sekarang nampaknya 30% hingga 90%. Sama ada daripada ASEAN ataupun bukan ASEAN, ia serupa sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kadar eksais sama ada kenderaan daripada ASEAN ataupun bukan ASEAN itu ia serupa sahaja iaitu 30% hingga 90%. Saya pun hairan juga, kalau macam itu apa gunanya kita berada dalam ASEAN? Serupa sahaja, itu untuk *passenger car*. Untuk MPV dan van begitu juga bagi CKD dan CBU ialah 30% hingga 90% dan ia berdasarkan kepada kapasiti enjin juga.

Untuk *four wheel drive*, sama ada daripada ASEAN ataupun bukan ASEAN, untuk eksais CKD dan CBU ialah 50% hingga 90% dan seterusnya. Ini memang satu perkara yang dipertikaikan kerana bagi kita tidak begitu munasabah bukan sahaja rakyat Malaysia membeli kereta import yang mahal. Bahkan juga Yang Berhormat bagi Sungai Siput walaupun baru masuk, dia pun tidak puas hati juga saya nampak dengan cukai eksais yang terlalu tinggi untuk kenderaan. Sama ada daripada anggota ASEAN ataupun bukan ASEAN.

Memanglah di dalam Dewan ini kita pun tidak berpuas hati kerana terlalu tinggi. Apakah dasar dan juga langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ketidakpuasan anggota-anggota ASEAN kerana eksais ke atas sesetengah barang terutamanya kenderaan yang tidak begitu munasabah dan tidak mengikut perjanjian untuk CEPT. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**3.26 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat percakapan daripada rakan-rakan saya, mungkin dia tidak tahu masalah rantau ini. Yang sebenarnya yang mengikut peraturan AFTA baik, ASEAN baik, Malaysia sahaja. Sedarkah Yang Berhormat bagi Kepong bahawa kita menghadapi masalah untuk mengeksportkan kereta Proton kita di Indonesia? Sedarkah Yang Berhormat bagi Kepong bahawa kita hendak mengeksport

kereta Proton kita di Singapura yang mana dikenakan eksais lebih tinggi daripada apa yang kita buat? Masalah! Hanya sekarang ini yang menjadi masalah negara kita macam mana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi. Antara ASEAN dengan bukan ASEAN. Yang sedihnya takrifan itu tidak sama. Sepatutnya apa yang kita harus buat mengikut cc kereta.

Sebagai contoh, ada di antara pengimport-pengimport kita contohnya Fiat. Fiat dikenakan cukai eksais cukup tinggi. Kalau hendak dibandingkan kereta yang sama cc daripada Korea, Fiat 'Marea' tiga kali ganda. Itulah sebabnya kereta Fiat kurang laku dalam negara kita kerana harga terlampau tinggi kalau hendak dibandingkan dengan kereta Korea. Jadi, saya kira sudah sampai masa dan ketikanya yang eksais duti ini perlu ada, tetapi diseragamkan mengikut daripada cc kereta yang kita import. Jadi, sekurang-kurangnya lebih banyak pilihan jenis jenama kereta, untuk rakyat mereka boleh pilih. Dia suka kereta Fiat, dia ambil kereta Fiat dan harganya lebih kurang. Tetapi pada hari ini, didapati bahawa kereta Fiat ini lebih tinggi daripada kereta yang sekelas dengannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab.

**3.28 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Jasin. Kali ini Yang Berhormat bagi Jasin menyokong saya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau saya boleh bagi pendapat tentang perbahasan tadi iaitu sebenarnya terkeluar sedikit daripada perbahasan tribunal tadi. Walau bagaimanapun, saya cuba jawab.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian AFTA sebenarnya terlibat dengan duti import dan sekatan tarif. Ia tidak terikat dengan eksais duti. Jadi, maknanya setiap negara dalam ASEAN boleh dikenakan duti eksais. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, memanglah negeri masing-masing mengenakan cukai eksais ikut selera masing-masing. Kita di Malaysia adalah sebuah negara *manufacturer* Tuan Yang di-Pertua. Kita ada kereta nasional yang perlu kita jaga, kalau kita tidak *protect* Tuan Yang di-Pertua, Proton akan lebih rugi. Sekarang sudah rugi dan yang masalahnya akan melibatkan beratus-ratusan ribu pekerja. Kita ada Proton, kita ada Perodua dan sebagainya akan melibatkan beratus ribu pekerja. Ini kita kena jaga. Maknanya kereta-kereta import kenakan eksais duti dan tentulah harganya akan lebih tinggi sedikit daripada harga kereta-kereta keluaran kita sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun pada lebih dua dekad dahulu kita sudah dengan terus-terang mengatakan di dalam Dewan, saya di sini, pasaran kita terhad dengan adanya kereta nasional kita akan menghadapi masalah yang kita

hadapi sekarang. Walau bagaimanapun, beribu-ribu pekerja dan syarikat yang terlibat dengan Proton ini memang kita mesti pelihara kerana mereka rakyat kita.

Walaupun bagaimanapun, kita mesti ada jangka waktu, *timetable* bilakah kita boleh menyesuaikan kadar cukai dan kadar-kadar eksais kita ini untuk semua jenis kenderaan yang setimpal dengan Proton kita. Kita mesti ada *timetable* walaupun kita mesti melindungi kereta kita. Kalau kita buat demikian, ada keluaran daripada Thailand misalnya dikenakan cukai eksais yang lebih tinggi kepada kita. Bukankah keadaan sedemikian. Saya berharap supaya Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bagaimana pihak kementerian dapat menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah eksais untuk kenderaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang perjanjian AFTA memang ada *timetable*. Akhirnya kita akan menjadi turun sehingga 5% dan turun hingga *zero* Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam hal eksais duti tidak ada *timetable*, kerana kita kenakan eksais duti mengikut keadaan semasa. Saya difahamkan *manufacturer* dengan izin macam Korea misalnya tidak ada saya dengar *timetable* yang telah ditetapkan untuk eksais duti. Mereka sentiasa *protect* kenderaan masing-masing. Jadi dalam hal ini yang paling utama kita perlulah jaga industri ini supaya jangan gagal. Kalau gagal yang saya sebut tadi akan terlibat iaitu ratusan ribu pekerja termasuklah vendor-vendor dan sebagainya. Jadi setakat ini saya difahamkan tidak ada *timetable* bagi kita hendak menyesuaikan seperti hendak kurangkan duti eksais yang akan dikenakan, Tuan Yang di-Pertua.

Pegawai kerajaan Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu pun pegawai kerajaan juga, walaupun harga kereta tinggi tapi kerajaan bagi pinjaman kenderaan dan dahulu tak banyak dalam RM30,000. Sekarang sudah naik sampai RM72,000 dan seterusnya dan kadar yang paling rendah dengan '*monthly trading skill*' dan sebagainya. Jadi memang satu kemudahan kepada pegawai-pegawai kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Memang sudah ada. Kerajaan memang prihatin tentang pegawai-pegawai kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, saya sebut sekali lagi bahawa itu adalah kena-mengena dengan sudah ada sebenarnya kadar-kadar yang telah ditetapkan di bawah dalam hal eksais duti ini yang akan berubah dari semasa ke semasa. Sehingga itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbincangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.34 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006 untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan melaksanakan cadangan Bajet 2007 bagi mengenakan ketetapan kastam dan menubuhkan tribunal rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap Fasal 1 hingga 7 di dalam Rang Undang-undang ini seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 - Akta 151 bagi memasukkan takrif ketetapan kastam dan tribunal rayuan kastam ke dalam seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIA ke dalam Akta 151 bagi memperuntukkan:

- seksyen 6A tentang permohonan untuk ketetapan kastam berhubung dengan penentuan perkhidmatan bercukai, prinsip yang diguna pakai bagi maksud penentuan nilai sesuatu perkhidmatan atau apa-apa perkara lain yang ditetapkan oleh ketua pengarah.
- Seksyen 6B pembuatan ketetapan kastam dan pemakaiannya.
- Seksyen 6C membenarkan ketua pengarah meminda, mengubahsuai atau membatalkan sesuatu ketetapan kastam.

- Seksyen 6D ketua pengarah diberi kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam itu sebagai batal, tidak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu diperolehi dengan cara *fraud*, salah kenyataan atau pemalsuan fakta; dan
- Seksyen 6E seseorang pemohon tidak dibenarkan untuk menerima dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal perkara yang sama.

Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baru 7B ke dalam Akta 151 bagi menjadikan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh ketua pengarah berhubung dengan ketetapan kastam hendaklah diterima sebagai keterangan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 41 - Akta 151 bagi memberikan kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan ketetapan kastam

Pada masa ini mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan ketua pengarah boleh merayu kepada menteri.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 50 - Akta 151 bagi membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan ketua pengarah selain keputusan yang berhubung dengan kompaun merayu kepada tribunal.

Pindaan ini juga bertujuan supaya semua peruntukan yang berhubung dengan tribunal di bawah Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai bagi akta ini.

Fasal 7 pula adalah pindaan-pindaan lain yang merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

3.41 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ringkaskan sahaja Yang Berhormat ya, tidak payah panjanglah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang, memang, kalau hendak panjang pun boleh. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Ketawa]* Tidak perlulah, tiap-tiap tahun pun sama juga Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak sama, sebab cukai perkhidmatan tidak sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak sama langsung, tidak sama langsung.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak sama ya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya.... ini satu cukai yang dikenakan kepada sesetengah perkhidmatan dan barang-barang termasuk barang makanan, minuman, rokok dan industri perhotelan, konvensyen dan pertunjukan fesyen, kebudayaan dan sebagainya. Tidak serupa, termasuk perkhidmatan di hospital swasta juga, ini masuk di situ dan di sini walaupun untuk menubuhkan tribunal itu, kita sudah cakap pada pagi lagi, tetapi yang penting sekali iaitu saya menggunakan kesempatan ini untuk membahar mengenai cukai perkhidmatan VAT, *Value Added Text*.

*Value added* ini sebenarnya *Value Added Text* tidak dapat dikuatkuasakan setakat ini, tidak dapat dikuatkuasakan kerana faktor-faktor yang tertentu dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, sebab apa kita tidak dapat menguatkuasakan cadangan lebih awal lagi, beberapa tahun yang lepas terutamanya bajet yang pertama dibentangkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk Bajet 2004 untuk cukai perkhidmatan tetapi tidak dapat dikuatkuasakan.

Saya hendak Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan ini mengapa kita tidak dapat menguatkuasakan, besar kemungkinan ada halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang tertentu dan termasuklah mungkin rakyat Malaysia tidak begitu biasa dengan cukai perkhidmatan. Dia biasa dengan tol sahaja, jalan tol itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sahajakah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak lagi, banyak lagi. *[Ketawa]* Biasa dengan tol tanya dengan Yang Berhormat bagi Sungai Siput, memang tol ini dia biasa tetapi cukai perkhidmatan dia kurang faham dan ini satu percukaian yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah Yang Berhormat cadangkan yang ini tol juga masukkan cukai perkhidmatan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tol itu kita sudah minta Yang Berhormat bagi Sungai Siput jangan naikan begitu banyak.....

**Seorang Ahli:** Tol tidak naik, tidak naik!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak naikkah? Tidak naik, tidak akan.....kalau tidak naik *[Ketawa]* dia hendak rakyat Malaysia bayar, itulah yang saya .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Habiskah? Bukan, bukan lebih satu dekad yang dahulu saya pernah bangun di sini membahaskan mengenai cukai tidak langsung. Cukai yang tidak langsung, ini termasuklah cukai perkhidmatan, apa yang disebutkan sebagai *Value Added Text* (VAT). *Value Added Text* itu memang penting kerana perubahan sistem percukaian mesti

diadakan untuk menghadapi masa yang terkini dengan dunia globalisasi, kita perlu mengkaji sistem pencukai kita dengan lebih mendalam. Ini terutamanya cukai perkhidmatan dan Tuan Yang di-Pertua, perlu kita membahaskan dengan panjang lebar tetapi hari ini saya tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sekarang hendak minta Yang Berhormat gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Gulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana hendak gulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cukai yang tidak langsung itu penting dan cukai perkhidmatan, maksud saya ini untuk sesiapa sahaja yang menggunakan perkhidmatan itu dia bayar, itu sebagai VAT cukai perkhidmatan dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita setakat mana di dalam perubahan sistem percukaian kita ini, pihak kementerian dapat membuat ketetapan untuk menguatkuasakan sistem cukai perkhidmatan ataupun VAT di Malaysia ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Kuala Langat.

**3.48 ptg.**

**Datuk Seri Dr Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau boleh ringkaskan kalau boleh.

**Datuk Seri Dr Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Saya hendak memandang dari segi keseluruhan tentang Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006 tadi itu, eksais, cukai perkhidmatan ini sekarang ini *service tax*.

Pertamanya bagaimana kita hendak mengutip cukai, kalau boleh kita *upgrade service* kita, kalau boleh pihak kastam misalnya *scanning machine* yang kita selalu *order* daripada Amerika. Semasa saya Timbalan Menteri Kewangan dahulu banyak *scanning machine* itu rosak, dan kita harap boleh kita ambil daripada China kerana China sekarang ini mempunyai teknologi yang begitu tinggi sehinggakan dapat menembusi pasaran Amerika Syarikat dan pasaran Eropah, sehinggakan negara-negara Eropah, Australia, New Zealand minta China supaya dapat dan berkongsi dengan mereka.

Yang keduanya tentang GIS ini, kalau boleh nanti kita ada *green lane* di tempat-tempat kastam ini. Jadi kita harapkan kalau boleh dan selalunya kita menggunakan gerak hati, dia tengok sahaja lori itu tergerak hati kita, kita check walaupun mereka kata dia tidak ada cukai, barang-barang yang boleh dicukai tetapi ada barang-barang yang boleh cukai. Tetapi kalau kita pasang pesawat dalam lori itu sendiri jadi bila lori itu lepas daripada *checking* kastam, selalunya kadang-kadang dia buat U-Turn dan dia pergi hantar ke dalam negeri daripada dieksport, jadi kita tahu bila ada *beep-beep* itu, kita ada monitor dan kita tahu bahawa lori ini tidak pergi ke port,

tetapi dia pergi patah balik untuk membuat perniagaan dalam negeri. Jadi kalau ini dapat kita lakukan maka barulah cukai kastam ini dapat ditingkatkan.

Mengenai cukai perkhidmatan, kalau boleh seperti yang dinyatakan tadi, kita mempunyai teknologi yang canggih, kita harapkan apabila kita pergi ke hotel *service tax 5 per cent* pergi ke tempat lain, *service tax 5 per cent* itu dimasukkan dalam resit kita pun tidak tahu sama ada mereka itu memberikan pulangan kepada kerajaan khususnya kepada kastam, tetapi kalau kita ada satu mesin yang canggih dan peralatan yang canggih, masuk sahaja terus sahaja *online* kepada kastam. Jadi dengan cara ini saya rasakan kastam akan dapat meningkatkan cukai untuk kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jaslin.

**3.48 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jaslin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang disebut oleh sahabat saya Kuala Langat tadi kerana pada hari ini kita waswas kerana cukai perkhidmatan ini sampailah atau tidak dalam kantung kerajaan. Kalau ditengok di semua tempat, semua tempat, dia kata dia tambah *5 per cent* untuk dibayar pada kerajaan, tetapi yang sampai pada kerajaan kita tidak tahu.

Jadi, saya ingin ambil petikan daripada ucapan Ketua Pengarah Kastam pada kakitangannya, dia telah mengatakan bahawa dalam soal kedai makan yang beroperasi 24 jam. Kedai-kedai nasi kandar yang kita tahu pada hari ini tengah laku dan cukup laku, tetapi masih lagi membayar cukai perkhidmatan hanya RM50. Begitu juga dengan kedai-kedai yang lain. Yang jadi masalah saya minta supaya pihak kastam *outreach*, selama ini Tuan Yang di-Pertua dia menunggu, dia menunggu orang datang untuk daftar untuk membayar cukai perkhidmatan, tetapi dia tidak pergi mencari orang yang tidak membayar.

Sebagai contoh di kawasan saya, kedai ikan bakar dekat Umbai. Yang setahu saya, hanya satu kedai sahaja yang mengutip cukai perkhidmatan. Yang lain tidak dikutip. Jadi, saya memikirkan *unfair*lah, tidak adil. Kerana kedai yang ini oleh kerana terpaksa mengutip cukai perkhidmatan, dia terpaksa mengenakan harga lebih daripada 5%. Walhal kedai sebelah-sebelah dia ini tidak dikutip cukai perkhidmatan, maknanya harga dia lebih murah daripada kedai yang ini. ini menunjukkan tidak adil. Oleh demikian, kita minta pihak kastam supaya pergi *outreach* kepada kedai-kedai ini untuk memastikan mereka ini membayar cukai perkhidmatan dan akan bersikap adil kepada mereka yang membayar cukai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pontian.

**3.50 ptg.**

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada cukai perkhidmatan yang dibayar oleh firma-firma profesional ini di

mana kerajaan mungkin boleh menimbangkan supaya tempoh untuk membuat pembayaran bagi setiap perkhidmatan syarikat-syarikat profesional ini dilihat semula. Kerana pada hari ini misal kata sesebuah syarikat profesional itu terlibat dengan khidmat untuk sektor pembinaan. Kadangkala projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual waktu. Kadang-kadang ianya berlanjutan bertahun-tahun lamanya.

Tetapi syarat yang dikenakan oleh kerajaan bahawa setiap kali firma profesional ini menerima bayaran, mereka perlulah menjelaskan cukai perkhidmatan dalam tempoh kalau tidak silap saya 30 hari daripada setiap kali mereka menerima bayaran bagi perkhidmatan. Tetapi itu adalah dalam bentuk berskala. Maka, apabila sesuatu projek itu dilanjutkan, ini akan memberi tekanan kepada firma-firma profesional tersebut untuk menanggung kos bagi membiayai tenaga-tenaga perkhidmatan yang perlu ada oleh sesebuah firma itu.

Jadi mungkin agaknya firma ini juga boleh diberi peluang atau pilihan untuk membayar dalam tempoh 30 hari secara berperingkat-peringkat atau pun sebaik sahaja selesai untuk membayar keseluruhan cukai perkhidmatan berdasarkan yuran atau pun *fee* yang mereka terima. Buat masa sekarang ini tiap-tiap 30 hari sebaik sahaja menerima, mereka perlu membayar. Itu kalau projek itu siap dalam tempoh yang dijangkakan. Tapi kalau projek itu berlanjutan dua tahun, tiga tahun, mereka masih lagi perlu mengekalkan jumlah tenaga profesional yang ada.

Jadi ini akan memberi bebanan tanggungjawab yang kadangkala tidak terpikul oleh syarikat-syarikat sederhana dan kecil ini. Maka, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat menimbangkan semula kaedah atau pun tempoh bagi membuat pembayaran bagi cukai perkhidmatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tumpat.  
**3.53 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara mungkin untuk disebutkan dalam cadangan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Tuan Yang di-Pertua, tahun 2007 ini kita tahu telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia. Maka oleh sebab itu, dikatakan dan dirancang supaya agar pelawat-pelawat ke negara kita akan meningkat kepada kadar yang amat tinggi pada tahun hadapan ini. Dan sudah tentulah mereka akan menggunakan selain daripada membeli belah yang membawa cukai-cukai yang pelbagai, mereka juga akan menginap di hotel-hotel dan ini sudah tentu akan meningkatkan lagi pendapatan dan perolehan kerajaan hasil daripada cukai perkhidmatan untuk hotel-hotel.

Jadi saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah andaian peningkatan itu tahun depan memandangkan jumlah pelancong yang begitu ramai yang akan datang ke negara kita dalam tahun 2007 ini. Berkaitan dengan itu juga, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya menimbangkan agar dalam bidang perniagaan

perhotelan ini, cukai perkhidmatan itu diletak kepada dua tahap iaitu cukai perkhidmatan kepada warga negara asing ditinggikan, manakala cukai perkhidmatan hotel untuk warga negara Malaysia dikurangkan atau pun disifarkan sahaja.

Ini Tuan Yang di-Pertua, kerana rakyat Malaysia, pendapatan mereka rendah. Pegawai-pegawai kerajaan melalui kesatuan mereka hari ini dalam akhbar, menuntut kenaikan gaji sebanyak 40%. Jadi, bagi rakyat Malaysia, bagi pegawai kerajaan, harga hotel yang agak sederhana di Malaysia hari ini seperti RM140++ sehari atau pun sebagainya sudah cukup tinggi bagi seorang pegawai kerajaan yang biasa. Pada mereka, untuk bawa keluarga bercuti di musim cuti seperti ini, dua tiga hari di Kuala Lumpur atau di Port Dickson, kalau hotelnya RM160++ misalnya, ianya hampir memakan separuh bulan gaji bagi pegawai-pegawai kerajaan kita yang bergaji sederhana yang mula bekerja, yang ada keluarga anak-anak kecil dan sebagainya.

Jadi, bagi pelancong asing pula, saya akui kadar harga bilik hotel di Malaysia ini dianggap rendah. Antara yang termurah di dunia. Hotel-hotel di Malaysia ini. Jadi, oleh sebab itu, kenapa tidak kita naikkan sedikit kadar cukai perkhidmatan untuk hotel kepada warganegara asing dan ini bukan amalan yang saya cadangkan tidak pernah dilakukan. Ada beberapa negara dalam dunia ini yang kenakan dua kadar itu, kadar untuk warganegara dan kadar untuk bukan warganegara.

Jadi untuk membantu rakyat kita yang kurang mampu untuk membayar kadar hotel kerana pendapatan kita rendah berbanding dengan rakyat asing, maka saya cadangkan mungkin kerajaan ingin menimbang supaya kadar cukai perkhidmatan hotel untuk rakyat Malaysia dikosongkan, disifarkan, manakala untuk warganegara asing ditambah lagi dan memandangkan tahun hadapan Tahun Melawat Malaysia, pelancong ramai, pendapatan kita tentu jauh lebih banyak daripada yang pernah kita peroleh daripada tahun-tahun yang lalu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan cukai perkhidmatan bagi hiburan-hiburan. Kita negara Islam Hadhari kita ini agak longgar dari segi hiburan-hiburan. Ahli-ahli penghibur, pemuzik, penari dan sebagainya dari negara luar agak bebas untuk datang ke Malaysia dan mengadakan persembahan-persembahan dan pertunjukan-pertunjukan mereka. Oleh kerana jelas nampaknya kerajaan kita tidak bercadang untuk menghalang aktiviti ini pada masa-masa yang akan datang, terutama sekali di Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan, saya ingin mencadangkan supaya kadar cukai perkhidmatan kepada persembahan-persembahan ini ditingkatkan.

Kalau strategi kepada rokok dan strategi kepada minuman keras, cukai dinaikkan untuk mengurangkan minat mereka terhadap rokok dan minuman keras, maka kalau cukai perkhidmatan untuk persembahan-persembahan hiburan yang tidak sesuai sebenarnya dengan nilai-nilai timur ini, kita tidak mampu untuk haramkan seterusnya, maka ada agaknya baik untuk cukainya ditingkatkan supaya ianya merupakan suatu daripada strategi kita untuk mengurangkan terutama sekali rakyat yang kurang berupaya itu untuk menghabiskan masa mereka dengan

bentuk-bentuk hiburan yang mungkin tidak membawa apa-apa manfaat kepada mereka sebenarnya. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun].*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi dua Ahli Yang Berhormat berucap, lepas itu Setiausaha Parlimen boleh jawab. Yang Berhormat bagi Bagan.

**3.59 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, cuma satu soalan. Apakah rasional gerai-gerai R&R iaitu di tepi lebuhraya, di mana kedai-kedai yang menjual minuman, makanan pun kena cukai perkhidmatan sebanyak 5%. Sedangkan pelanggan-pelanggan perlu pergi ke depan gerai untuk menerima barang-barang minuman, makanan dan sudu-sudu, *chopstick-chopstick* pun semua jenis plastik. Sekali pakai dan buang. Ini langsung tidak ada perkhidmatan langsung. Jadi bolehkah Yang Berhormat menimbang supaya Cukai Perkhidmatan di R&R iaitu gerai-gerai R&R dihapuskan sama sekali. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ledang.

**4.00 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini, saya ada beberapa perkara pertamanya saya, kami, kita banyak menerima rungutan daripada perunding-perunding.

Seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pontian iaitu ramai di kalangan perunding yang terpaksa membayar cukai perkhidmatan sebelum bayaran diterima. Dalam erti kata yang lain mereka diminta untuk membayar cukai perkhidmatan berdasarkan kepada tuntutan bayaran yang dikemukakan bukannya berdasarkan kepada bayaran yang diterima. Kerana umumnya, bayaran diterima lewat kadang-kadang menjangkau tahun berikutnya. Perkara ini biasa berlaku di luar dengan sebab itulah saya membawa perkara ini supaya dilihat semula oleh Kementerian Kewangan, mungkin terlepas pandang dan sebagainya kerana kesannya ialah syarikat-syarikat tersebut menerima kesan negatif daripada pusingan modal mereka untuk terus berniaga.

Tuan Yang di-Pertua dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah ditekankan bahawa banyak bidang perkhidmatan yang akan dibangunkan di dalam negara kita. Jadi saya bersetuju sangat dengan saranan daripada rakan-rakan yang terdahulu bahawa sistem atau kaedah pungutan tukar perkhidmatan ini hendaklah lebih kemas supaya negara Malaysia menerima impak yang besar daripada Cukai Perkhidmatan daripada projek pembangunan yang dibangunkan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah, walaupun ini kali pertama saranan atau pandangan daripada Yang Berhormat Bagan..., ini bukan usul ya. Setuju dengan pandangannya.

Banyak perkhidmatan yang kita terima walaupun dikenakan cukai perkhidmatan tetapi kita tidak menerima perkhidmatan tersebut. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi, banyak cukai perkhidmatan yang dikenakan tetapi sewajarnya dikenakan terhadap kita. Misalnya kalau kita tuang minyak di Shell, di Petronas ataupun di mana-mana *petrol kiosk* dengan izin.

Walaupun kita tuang sendiri tetapi kita masih dikenakan Cukai Perkhidmatan. Mungkin cukainya agaknya walaupun dikenakan atas sebab perkhidmatan lain tetapi dikurangkan kerana kita terpaksa *serve* sendiri, dengan izin. Begitu juga di R&R dan sebagainya. Saya kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, sistem layan diri di tol ini, di R&R ini, Yang Berhormat bagi Sungai Siput mungkin suka perkara ini dihapuskan sekali. Kerana tidak logik, kita mengambil makanan, kemudian beratur semula mengambil air di gerai yang lain. Dan kedua-dua ini, ambil air kena Cukai Perkhidmatan, ambil makanan pun kena Cukai Perkhidmatan. Menyusahkan! Kadang-kadang kena ganggu burung, lalat dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sepatutnya diberi perhatian. Saya menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

#### 4.06 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Saya hendak jawab satu persatu saya cubalah menjawab satu persatu. Yang Berhormat bagi Kepong, tentang Cukai Perkhidmatan atau VAT iaitu *Value Added Tax* ataupun GST. Memang pelaksanaan GST ditangguhkan sementara Tuan Yang di-Pertua kerana kerajaan ingin memberi masa yang lebih panjang sedikit kepada peniaga-peniaga ataupun semua yang terlibat dalam GST ini supaya mereka bersedia dengan peralatan mereka. Dan juga supaya kerajaan beri lebih masa kepada mereka untuk memahami konsep GST ini termasuklah *the general public* Tuan Yang di-Pertua. Kalau rakyat tidak faham maka GST ini akan susah hendak dilaksanakan. Jadi sebab itu kerajaan bagi masa lebih sedikit untuk mereka memahami konsep ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Langat....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita bagi tempoh sedikit, masa untuk mereka memahami keadaan tetapi langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian terutama Lembaga Hasil Dalam Negeri yang saya nampak kurang sedikit. Macam

mana kita sebarkan maklumat dan sebagainya. Apakah peratusan peniaga di negara ini memahami apa yang hendak dibuat oleh pihak kerajaan mengenai GST ini. Mungkin langkah yang diambil oleh pihak kementerian itu dapat dipertingkatkan supaya lebih ramai peniaga yang faham apa yang hendak dibuat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Memang pihak Kementerian Kewangan memang sentiasa secara berterusan mengadakan berbagai-bagai cara untuk menyampaikan maklumat ini kepada seluruh rakyat di pelbagai sektor. Dan memang program ini memang berjalan dan mungkin tidak menyeluruh lagilah. Saya yakin kalau bersedia semuanya, kita boleh melaksanakan program ini. Memang ada program-program untuk berjumpa dengan berbagai kumpulan untuk memberi penjelasan penerangan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Langat, tentang cara mengutip cukai ini, memang *scanning machine*, pihak Kastam ada empat buah. Dua sudah pasang dan dua belum lagi dan insya-Allah, Jabatan Kastam akan sentiasa melihat keberkesanan mesin-mesin seperti ini dan jika didapati memang sesuai, memang berguna maka kerajaan akan beli mesin-mesin tambahan untuk kerja-kerja Kastam Tuan Yang di-Pertua. Tentang cadangan untuk hendak..., ini cadangan-cadangan barulah, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Langat tentang meletakkan *monitoring system* ke lori-lori. Ini pun satu perkara yang harus dilihat jugalah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin. Ini tentang pelaksanaan Cukai Perkhidmatan. Memang Cukai Perkhidmatan, lesen untuk dikenakan kepada Cukai Perkhidmatan ini akan dikeluarkan oleh pihak Kastam. Dan cukai ini dibayar dua bulan sekali. Ya lah memang pihak peniaga akan sampaikan, bawa rekod itu kepada pihak Kastam dan pihak Kastam akan kenakan cukai yang sepatutnya. Tetapi memanglah, mungkin boleh berlaku penyelewengan di sini. Ini adalah cara yang sedia ada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi cadangan oleh pihak Yang Berhormat bagi Kuala Langat, saya tengok tadi ialah mengadakan sistem *online*. Ini satu perkara yang boleh juga dilihat sebenarnya. Jadi sekarang sudah ada pelbagai sistem moden dan ya lah memang cadangan kepada Kastam ialah untuk menggunakan kaedah-kaedah moden ini seperti kaedah *online*. Kerana tiap-tiap kutipan yang dibuat oleh pihak peniaga boleh diikuti oleh pihak Kastam secara *online*. Ini satu cadangan baru yang telah pun dibuat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada kedai-kedai sebelah menyebelah, kadang-kadang memang tidak kena cukai, ada yang sebelah ini kena cukai, sebelah ini tidak kena cukai perkhidmatan. Ini kerana *threshold* yang telah pun dikenakan iaitu RM500,000 jualan setahun. Jadi ini, kalau jualan itu tidak sampai RM500,000 maka dia tidak dilesenkan untuk mengutip Cukai Perkhidmatan. Tetapi kalau jualannya lebih daripada RM500,000 setahun maka akan dilesenkan dan mereka boleh kutip Cukai Perkhidmatan dan mestilah bayar kepada kerajaan. Dan pihak Kastam memang sentiasa monitor mereka ini kalau didapati membuat perakuan yang

tidak betul, mereka akan diambil tindakan. Tindakan akan diambil oleh pihak Kastam ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pontian menanyakan tentang *fee* yang dikutip oleh pihak konsultan. Ini memang. Saya faham sangatlah. Saya pernah terlibat dalam hal ini. Memang konsultan, kadang-kadang setahun tidak dapat bayaran. Tetapi dia dikenakan juga Cukai Perkhidmatan walaupun dia tidak terima bayaran daripada *client* dia tetapi dia mesti bayar Cukai Perkhidmatan yang patutnya diterima.

Dalam hal ini ada sedikit *relief* Tuan Yang di-Pertua. Dahulu pihak konsultan dia kena tunggu setahun. Tetapi sekarang ini dengan peraturan baru pihak konsultan yang telah membayar cukai walaupun dia tidak terima bayaran *consultancy*, dia dalam masa enam bulan, boleh pohon bayar untuk bayaran balik Cukai Perkhidmatan yang telah dibayar kepada Kastam. Makna sudah ada sedikit kelonggaranlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat *Visit Malaysia Year* mencadangkan supaya diadakan dua *tier* tentang cukai perkhidmatan ini *local* direndahkan dan untuk *foreigner* ditinggikan ditambahkan lagi. Yang ini kita kena kaji betul-betul sama ada kesannya pada pelawat kita jangan terlalu tinggi sangat sehingga mereka tidak mahu datang pula. Jadi kena pertimbangan betul-betul. Cukai perkhidmatan untuk hiburan ini pihak negeri Tuan Yang di-Pertua bukan pihak *federal*. Jadi terpulang kepada negeri masing-masing untuk kenakan hendak tinggi hendak rendah itu terpulang kepada negeri masing. Yang Berhormat bagi Bagan saya sudah sebut tadi ada bahawa treshold, maknanya ada gerai-gerai di R&R memanglah saya ingat di Tapah ada kes-kes di mana kena bayar 5% tambahan kerana cukai perkhidmatan. Ada. Yang Berhormat bagi Ledang sudah sebut tadi dan kedai juga tentang kedai R&R kena cukai perkhidmatan sudah saya sudah jawab tadi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda Jalan Parit dan Bangunan 1974 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak digubal Akta Jalan, Parit dan Bangunan dalam tahun 1974 yang akan saya rujuk sebagai Akta 133, negara telah mengalami pelbagai perubahan dan perkembangan dalam sektor pembinaan dan pemajuan tanah. Pindaan kepada akta ini telah dibuat secara berterusan di antaranya pada tahun 1978, 1994 dan 1995 terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kestabilan bangunan. Pindaan-pindaan yang telah dibuat masing-masing telah dapat dipertingkatkan dan menambahbaikkan proses dan prosedur, pelaksanaan sesuatu projek pembangunan bagi memenuhi kehendak perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sekali lagi kerajaan dalam kesediaan menerima perubahan dengan sikap yang terbuka dan positif membentangkan dalam Dewan yang mulia ini cadangan pindaan kepada Akta 133. Sebahagian besar daripada pindaan ini tertumpu kepada sistem pengeluaran, perakuan siap dan pematuhan dengan izin *certificate of completion* dan *compliance* atau CCC oleh para profesional bagi menggantikan perakuan kelayakan menduduki iaitu *certificate of fitness for occupation* atau CFO yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan PBT. Sebagaimana yang umum telah maklum bahawa terdapat pelbagai masalah dari segi kelewatan PBT mengeluarkan CFO dan beban tugas yang ditanggung oleh PBT dalam proses mengeluarkan CFO tersebut. Dalam masa yang sama kerajaan memang berhasrat untuk menggalakkan pendekatan *self-regulation* seperti yang terkandung dalam langkah 70(d) dalam strategi baru merancang pertumbuhan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu sistem CCC yang diperkenalkan kerajaan sebenarnya merupakan satu langkah yang wajar bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan sekali gus menarik pelabur asing ke negara. Tuan Yang di-Pertua, sistem CCC yang telah dipersetujui ini merupakan perluasan sistem CCC yang sedia ada kepada bangunan-bangunan kategori lain yang lebih kompleks dan tidak terhad kepada banglo yang dibina berasingan. Berbanding dengan sistem yang sedia ada sistem CCC yang dicadang ini menetapkan dengan khusus bahawa hanya arkitek profesional, jurutera profesional atau pelukis

pelan bangunan yang menyelia pendirian dan pembangunan sesuatu bangunan dan yang dikenali sebagai orang utama yang mengemukakan ataupun *principal submitting person (PSP)*. Juga merupakan orang yang akan mengeluarkan CCC bagi bangunan itu. Rang undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan pindaan 2006 mengandungi pindaan-pindaan utama yang melalui CCC dilaksanakan. Melalui Rang undang-undang ini sistem CFO digantikan kepada sistem CCC sementara Rang undang-undang yang berkaitan yang lain mengandungi pindaan bersifat berbangkit setakat yang berkaitan dengan CCC.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan tentang pemakaian dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 3 Akta 133 menggantikan takrif perakuan kelayakan menduduki dengan takrif perakuan siap dan pematuhan. Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan takrif baru yang berikut berbangkit daripada pengenalan sistem perakuan yang baru iaitu:

- (a) pelan bangunan untuk merujuk kepada pelan yang hendak dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan.
- (b) perakuan siap dan pematuhan sebahagian untuk menggantikan takrif perakuan kelayakan menduduki sebahagian
- (c) orang utama yang mengemukakan untuk merujuk kepada orang yang berkelayakan yang bertanggungjawab untuk mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT dan yang merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan di bawah sistem perakuan yang baru.
- (d) orang yang berkelayakan untuk merujuk kepada golongan orang yang berkelayakan diiktiraf di bawah Akta 133
- (e) orang yang mengemukakan untuk merujuk kepada orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan untuk kelulusan PBT atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3, 4, 6, 7, 8 dan 9 masing-masing bertujuan untuk meminda Seksyen 58, 65, 70A, 70B, 75 dan 85A, Akta 133 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 selaras dengan pengenalan sistem perakuan yang baru.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 70, Akta 133 untuk memasukkan antara lain peruntukan yang berhubungan dengan sistem perakuan yang baru oleh orang utama yang mengemukakan. Di bawah sistem perakuan yang ada sekarang, PBT mengeluarkan perakuan kelayakan menduduki sesuatu bangunan menurut Peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam yang dibuat di bawah akta ini. Sistem perakuan yang baru yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan orang utama yang mengemukakan mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan. Sebutan mengenai orang utama yang mengemukakan dibuat di dalam pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen (2), (4), (5), (8), (14), (18) dan (19). Cadangan pindaan

pada perenggan (2)(b) bertujuan untuk menghuraikan dengan jelas bahawa pelan dan penentuan yang dimaksudkan dalam perenggan ini merangkumi keperluan lain selain daripada sistem pembedungan. Pindaan kepada subseksyen (11) dan (12), bertujuan untuk menaikkan penalti kerana membuat perubahan kepada mana-mana bangunan dan kerana menggunakan bagi suatu maksud yang lain daripada maksud yang baginya bangunan itu telah dibina pada asalnya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan. Penalti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (13) juga dicadangkan untuk dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkenalkan sistem perakuan yang baru, lapan subseksyen baru telah dimasukkan seperti yang berikut:

- (i) subseksyen (20), berhubung dengan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan oleh orang utama yang mengemukakan;
- (ii) subseksyen (21) berhubung dengan kewajipan dan tanggung jawab orang utama yang mengemukakan;
- (iii) subseksyen (22) berhubung dengan kuasa PBT berkaitan dengan pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan. Berbanding keadaan semasa yang mana PBT dibenarkan membuat pemeriksaan pada mana-mana peringkat di tapak dan mengeluarkan notis sekiranya terdapat ketidakpatuhan dan berlaku kemungkinan sistem baru ini meningkatkan peranan dan tanggung jawab PBT dengan memberi PBT kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada orang utama yang mengemukakan supaya tidak mengeluarkan CCC sekiranya ketidakpatuhan dan kemungkinan tersebut tidak diperbetulkan oleh orang utama yang mengemukakan;
- (iv) subseksyen (23) memberi PBT kuasa untuk mengeluarkan notis bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk membetulkan apa-apa ketidakpatuhan peruntukan Akta 133 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan arahan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu diperbetulkan;
- (v) subseksyen (24) pula adalah berhubung dengan kuasa PBT untuk melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang dipatuhinya perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu. Jika arahan yang disebut di dalam perenggan (23)(b) tidak dipatuhi oleh orang utama yang mengemukakan;
- (vi) subseksyen (25) dan (26), membenarkan PBT mendapatkan apa-apa kos yang dilakukan olehnya di bawah subseksyen (24) daripada pemunya bangunan; dan

- (vii) subseksyen (27) ada berhubung dengan kesalahan di bawah sistem perakuan baru yang antara lainnya termasuk pengeluaran CCC oleh seseorang yang bukan orang utama yang mengemukakan. Pengeluaran CCC tanpa borang yang berkaitan. Pengeluaran CCC dengan melanggar arahan PBT yang menahan pengeluaran CCC dan buat atau menghasilkan atau menyebabkan dibuat apa-apa pengisytiharan, perakuan, permohonan ataupun representasi palsu atau *fraud*. Apa-apa borang yang ditetapkan. Hukuman bagi kesalahan di bawah subseksyen ini ialah denda tidak melebihi RM250,000.00 atau percaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 123, Akta 133 supaya selaras dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 133 untuk menaikkan penalti am di bawah akta ini. Denda maksimum dan denda tambahan masing-masing dinaikkan daripada RM2,000.00 kepada RM10,000.00 dan daripada RM100.00 kepada RM500.00. Pindaan ini selaras dengan tujuan memperbaharui dan menambah baik sistem perakuan sedia ada.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 133 juga berbangkit dengan pengenalan sistem perakuan yang baru.

Fasal 13 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua sebutan mengenai perakuan kelayakan menduduki atau perakuan kelayakan menduduki sebahagian dalam mana-mana undang bertulis atau dokumen hendaklah selepas akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa ditaksirkan sebagai sebutan mengenai perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian.

Fasal 14 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan. Di antara lainnya mengambil kira tanggung jawab PBT yang masih mengeluarkan CFO bagi projek-projek yang telah dikemukakan dan diluluskan sebelum kuat kuasa sistem CCC ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa orang? Saya hendak tahu, berapa? Satu, dua, tiga, empat, lima, enam. Jadi, boleh 20 minit seorang, cukupkah? Bolehkah? Cubalah ya. Yang Berhormat bagi Ledang dahulu.

**4.29 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan khususnya kementerian di bawah kepimpinan menteri yang berkenaan kerana telah pun berjaya membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Yang saya pasti dapat mempercepatkan lagi kelulusan CF, dahulunya CF lah dengan izin ataupun sekarang perakuan siap dan pematuhan ke atas bangunan-bangunan yang dibina terutamanya rumah-rumah kediaman yang menjadi idaman kepada seluruh rakyat Malaysia. Terutamanya rumah-rumah di taman-taman di mana rakyat masih lagi dibebani dengan hutang dan sebagainya. Mudah-mudahan apabila mereka cepat dapat izin untuk duduk di rumah tersebut mereka tidak lagi dibebani dengan membayar rumah sewa yang mereka sewa dan juga rumah yang telah siap tetapi selama ini belum siap ataupun tidak boleh duduk kerana kelewatan mengemukakan sijil perakuan tersebut.

Jadi ini pada saya adalah satu langkah yang sangat proaktif dalam usaha kita untuk melangkah masuk ke era sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Pada masa yang sama juga, saya yakin dengan pemakaian akta ini akan dapat mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam negara Malaysia khususnya berkaitan dengan bangunan-bangunan ataupun premis-premis tertentu yang mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya ialah pertamanya sama ada pegawai-pegawai di peringkat PBT ataupun perunding-perunding, termasuklah pegawai-pegawai yang bekerja dengan perunding-perunding ini, arkitek baik, jurutera baik, tidak akan mengambil kesempatan daripada akta ini untuk sama ada melewatkan sesuatu pengeluaran sijil ataupun untuk kepentingan peribadi. Di peringkat pegawai misalnya, saya mengharapkan supaya tidak ada lagi alasan yang boleh kita terima, tidak ada lagi alasan yang remeh-temeh yang bertujuan untuk melewatkan lagi pengeluaran CF. Mungkin mereka akan mencari jalan lagi selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita fikir buruk juga. Mungkin selepas ini, "Oh, aku sudah tidak ada kuasa ini bolehlah", Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kuasa sudah ada pada konsultan macam Yang Berhormat bagi Pontian ini. Ini kuasa sudah tidak ada pada saya, kita pula cari jalan. Kadang-kadang ada juga yang fikir begitu. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, harapan kami ialah dengan adanya akta ini, tidak alasan lagi kepada mana-mana pegawai pun untuk mencari alasan melewatkan pengeluaran-pengeluaran sijil tersebut.

Pada masa yang sama juga, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, perunding sama ada jurutera kah, arkitek kah ataupun pelukis pelan bangunan yang berdaftar, tidak mencari kesempatan untuk mengaut keuntungan dan akhirnya menyusahkan rakyat jelata. Tetapi pada masa sama Tuan Yang di-Pertua, isu saya ialah biarlah bayaran sesuatu perkhidmatan itu setimpal dengan upah. Sebab Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara ini akan dibincangkan dalam akta yang berikutnya iaitu tentang undang-undang arkitek, jurutera. Sebab sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bayaran yang diterima oleh perunding amatlah rendah. Jadi saya bimbang dengan sebab bayaran rendah, maka perkhidmatan tidak lagi setimpal dengan upah ataupun dalam erti kata yang lain, upah tidak setimpal dengan bayaran. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya bimbang ada persaingan di kalangan perunding-perunding ini, kerana hendak mencari perkhidmatan ini, mereka sanggup mengenakan upah yang rendah dan bayaran yang rendah kerana tidak dikawal tetapi mereka masih lagi menguasai bangunan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Ketawa]* Tidak bagi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat, nak bagi jalan? Hulu Langat, ya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sila lah.. sekejap. Bagi jalan sekejap saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Hulu Langat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya nampak daripada hujahan Yang Berhormat bagi Ledang nampaknya begitu yakin bahawa dengan terpindanya akta ini, kita seolah-olah tidak akan menghadapi masalah Sijil Layak Menduduki dan keluarlah sekarang CCC. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ledang, adakah setelah lulusnya nanti pindaan ini dan setelah berkuat kuasanya peraturan ini, kita tidak ada lagi masalah berkenaan dengan kawasan-kawasan perumahan yang tidak ada CF (Sijil Layak Menduduki)? Adakah akta ini nanti boleh menjamin tidak ada lagi pembeli-pembeli rumah yang masuk ke rumah tanpa menunggu CCC seperti yang berlaku selama ini. Dapat saja kunci daripada pemaju, terus masuk tanpa mempedulikan sama ada CCC sudah dikeluarkan atau tidak. Apakah cara atau kaedah yang diguna pakai bagi memastikan bahawa tanpa CCC, pemilikan kosong tidak boleh diserahkan dan tidak boleh dihuni rumah berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Pada saya, memang saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Cuma kekhuatiran tadi ialah sama ada dengan pemakaian rang undang-undang ini akan tidak berlaku lagi masalah-masalah yang timbul seperti yang lalu. Tetapi kepada saya Tuan Yang di-Pertua, dengan pemakaian rang undang-undang ini kita harapkan supaya tidak lagi berlaku perkara-perkara kelewatan seperti yang berlaku dahulu. Ini

kerana segala-galanya dari segi kelulusan adalah terletak di tangan atau pada kuasa perunding-perunding. Kerana perunding-perunding inilah Tuan Yang di-Pertua sebenarnya yang memperakukan sama ada sesuatu binaan itu siap semua atau tidak.

Yang berlaku selama ini Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kami yang lepas-lepaslah, yang mana yang terlibat ini, perunding sebenarnya menerima tekanan daripada pihak pemaju kerana bayarannya yang rendah untuk mengeluarkan perakuan kerja. Ini mungkin kerana dijanjikan bayaran yang tertentu pada masa yang tertentu tetapi akhirnya, bayaran tidak juga dibayar. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membangkitkan tentang bayaran. Ini kerana pada masa sekarang, masih lagi dipraktikkan di mana bayaran rendah berbanding dengan upah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan masih diberi dan perunding-perunding terpaksa bersaing di antara satu sama lain, mereka sanggup menerima kerja, mereka sanggup melaksanakan kerja, mereka sanggup mengeluarkan perakuan siap sesuatu kerja semata-mata kerana mereka nak kerja.

Kami harapkan supaya dengan pemakaian rang undang-undang ini, tidak lagi berlaku persaingan yang tidak sihat di mana kualiti sesuatu pengesahan binaan itu tidak lagi di tahap yang tinggi dan yang paling penting Tuan Yang di-Pertua ialah orang ramai terutamanya pembeli sesuatu bangunan, rumah kediaman dan sebagainya termasuklah pelabur-pelabur asing yakin dengan sesuatu bangunan yang dibina dan diperakui siap serta diberikan perakuan CCC ini oleh perunding-perunding.

Sebab itu saya tekan di sini supaya satu kaedah atau badan tertentu diwujudkan dalam usaha untuk memantau perunding-perunding supaya memberikan perkhidmatan yang sempurna kerana mereka telah pun diberikan amanah dan tanggungjawab besar. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak keterlaluan jika saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini seperti perkhidmatan kedokteran, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua seorang doktor, ada syarikat-syarikat GLC tertentu yang menyenaraikan panel-panel doktor kepada perkhidmatan perubatan, saya mencadangkan supaya diwujudkan panel jurutera ini atau perunding arkitek atau sebagainya di PBT tertentu kerana kalaulah perunding itu datang daripada Saabah, bukan kita kata orang Sabah tidak bagus, bagus juga, dia dilantik sebagai perunding untuk membina, untuk mengawasi kerja di Kepong misalnya, pada jarak yang jauh itu mungkin sukar bagi perunding dari Sabah untuk memberikan perkhidmatan di Kepong, tetapi oleh kerana mereka mengejar wang dan ringgit, mereka sanggup datang ke Kepong, tetapi yang menjadi masalah ialah PBT berkenaan. Begitu juga perunding dan arkitek dari Pulau Pinang tidak mungkin boleh memberi perkhidmatan yang baik di Johor kerana jarak Johor jauh dan sukar pihak PBT untuk memantau, miasnya di Muar, untuk menerima perkhidmatan yang sempurna daripada perunding di Pulau Pinang terutamanya apabila sesuatu CF itu telah dikeluarkan ataupun sijil perakuan siap dikeluarkan berlaku kecacatan yang kemudian terpaksa dicari perunding daripada Penang. Sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang. Saya perhatikan hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan tentang 'under cut' di kalangan profesional, mungkin jika kita melihat secara rasional CCC itu suatu yang baik untuk menggantikan CF kerana ia dapat mengikis apa jua kerenah birokrasi yang berlaku dan peluang untuk mengadakan korupsi mungkin dapat dihindar kerana adanya CCC. Soalan sekarang, saya hendak tanya Yang Berhormat, sebenarnya masalah under .. ini perlu dirujuk kepada lembaga yang ada dan saya rasa dalam konteks ini apa pandangan Yang Berhormat sebagai jurutera.

Sebelum ini pemaju mahukan mereka yang nak diberi tanggungjawab atau nak dilantik sebagai perunding itu menandatangani borang dahulu untuk *submission* CF. Sekarang kita khawatir kalau tidak ada mekanisme yang dapat mengikat perunding ini perkara yang sama akan berlaku.

Jadi, saya rasa mungkin kita dapatkan penjelasan daripada pihak Menteri bahawa apakah mekanisme, adakah CCC itu akan menjadi suatu perkara yang boleh bagi perunding untuk pegang kepada pemaju supaya perkara tidak berlaku dan mereka memerlukan perunding sebelum mereka mendapat CCC. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, ialah saya mengharapkan benarlah supaya reputasi perunding ini, arkitek atau jurutera benar-benar dapat ditingkatkan oleh mereka sendiri maksudnya kita tak mahu nanti pihak lain pula misalnya pihak PBT ataupun pihak-pihak orang ramai pula diminta orang ramai menjaga reputasi, sedangkan perunding ini mereka ada badan mereka sendiri dan sepatutnya mereka tidak sesekali seperti yang berlaku sekarang ini menandatangani dan kadang nak bercakap pun salah Tuan Yang di-Pertua, menandatangani borang siap kerja dulu, kadang-kadang ramai juga yang isi borang kosong, macam *sign* cek kosong, ini semua reputasi yang sebenarnya ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ..sangat negatif pada..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sila-sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Bagi, bagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang. Saya tengok Yang Berhormat ini cuba menengahkan sesuatu yang mungkin terlalu terpendil di dalam sistem pentadbiran kelulusan pelan bangunan, kelulusan CF di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Yang Berhormat, sebenarnya masalah yang timbul adalah masalah keterlaluannya masa yang terlalu panjang dan diambil oleh pihak PBT untuk meluluskan akhirnya, CF. Di peringkat awal dia ada

pelan kelulusan bangunan dan sebelum tu dia ada kelulusan *layout* dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, hari ini kita nampak salah satu daripada penyelesaiannya dengan mencadangkan tertubuhnya CCC ini. Kita pun tidak menyatakan bahawa selama ini wujud atau tidak profesionalisme di kalangan pengamal-pengamal *professional* ini. Tetapi, kita cuba cara yang terbaik bagaimana boleh mendatangkan suatu kaedah yang menyenangkan semua pihak termasuk pihak pembayar cukai ataupun pelanggan-pelanggan.

Yang Berhormat bagi Ledang, saya nak tanya dalam keadaan dunia hari ini, dunia tanpa sempadan, dunia ICT, IT yang canggih dan sebagainya. Jarak sebenarnya tidak memainkan peranan. Jarak sama ada mereka datang daripada London, Australia, Amerika, tidak menyumbang satu masalah yang besar. Kalau kita nakkan kemajuan bertaraf antarabangsa maka kita mungkin memerlukan perunding daripada luar negara untuk melaksanakan projek di Alor Gajah umpamanya.

Jadi, saya mungkin rasa, untuk syarat diperkenalkan supaya cuma *local consultant*, jururunding tempatan yang boleh untuk memajukan sesuatu cadangan pembangunan di daerah itu mungkin kita tak boleh ambil kira secara praktikal. Itu yang saya risau juga Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua , bagi saya lima minit, sekejap lagi saya berhentilah. Terlampau banyak sangat bercakap nanti banyak sangat *argument*. Tapi, yang penting Tuan Yang di-Pertua, ialah harapan kita, yang paling penting harapan ialah dengan menggunakan Rang Undang-undang ini ia akan memberi impak ataupun kesan yang besar dari segi pantasnyanya ataupun dari segi kecepatan. Dari segi lebih cepatlah sesuatu sijil itu dikeluarkan.

Cuma yang saya sebutkan tadi lebih kepada kebimbangan-kebimbangan yang mungkin juga kita boleh fikir sebagai suatu *signal* awal kemungkinan boleh berlaku kalau kita tidak berhati-hati daripada sekarang. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan wujudnya dan terpakainya undang-undang ini saya lebih yakin bahawa akhirnya industri perkhidmatan perunding akan lebih subur. Tanggungjawab yang diberikan kepada perunding-perunding lebih besar dan saya penuh yakin mereka-mereka yang selama ini mungkin diberikan peranan sedikit tapi menjadi besar, mereka akan lebih bertanggungjawab di dalam memberikan perkhidmatan mereka khususnya kepada pihak PBT.

Ini kerana mereka sebenarnya memberikan perkhidmatan kepada PBT. Mereka memberikan, mereka melaksanakan kerja bagi pihak PBT yang supaya PBT lebih mudah memberikan perkhidmatan kepada orang ramai keseluruhannya. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]**: Saya jemput Yang Berhormat bagi Pontian.

**4.45 ptg.**

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan terutamanya kerana telah dapat mengangkat martabat golongan profesional ini. Satu pengiktirafan yang saya kira dah *long overdue*, lebih-lebih lagi dalam suasana pembangunan negara yang melalui fasa dan proses pembangunan yang begitu cepat, maka profesionalisme di kalangan arkitek, jurutera dan badan-badan profesional lain itu harus diberi pengiktirafan dan juga peningkatan dari semasa ke semasa.

Kita semua yakin dan percaya bahawa dengan pengenalan CCC ini birokrasi akan dapat di atasi. Karenah untuk mengeluarkan sijil siap kerja ini melalui CCC ini tentunya akan dapat memberi satu berita baik kepada pembeli-pembeli rumah, ataupun bangunan yang mana ianya selama ini telah menimbulkan banyak persoalan dan permasalahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat..

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong..

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Sebentar Yang Berhormat bagi Kepong..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi, Yang Berhormat bagi Kepong, sila duduk.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Apabila..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]*.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** ...untuk menyiapkan suatu projek itu diperkenalkan sama ada dalam bentuk *design and build* dengan izin, maka kita dapat melihat bahawa bukan hanya wujud orang utama yang mengemukakan sebagai satu pihak. Tetapi juga, ada pihak-pihak lain juga yang terlibat untuk menentukan kesempurnaan siap kerja. Ini bererti bahawa kontraktor juga terlibat. Ini juga bererti bahawa pemaju juga terlibat.

Maka apabila berlaku ketidakbertanggungjawabannya golongan profesional ini mereka terdedah kepada denda ataupun hukuman sehingga RM250 ribu ataupun penjara 10 tahun. Betul Yang Berhormat, kita akui bahawa golongan profesional mereka daripada latihan awal mereka lagi telah meletakkan supaya mereka ini orang yang jujur, orang yang amanah.

Dalam dunia yang nyata ini keadaan perlu dilihat dalam satu keadaan kepada satu keadaan yang berbeza. Kalau hanya golongan orang yang utama yang mengemukakan pelan bangunan atau pelan pembangunan sahaja yang akan memikul tanggungjawab terhadap denda ataupun hukuman yang dikenakan, ini akan juga memberi tekanan ataupun ini perlu memberi suatu keadaan di mana orang utama itu juga harus dilindungi. Maka ini bererti bahawa perlindungan itu perlu dibuat bagi membolehkan mereka melaksanakan kewajiban..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Banyak lagi, Yang Berhormat bagi Kepong..

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** mereka ini dengan sempurna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Pontian, memang seorang yang bertanggungjawab. Yang Berhormat bagi Pontian sebagai Jurutera. Bukan ampu, kita kawan macam-macam mana nak ampu pulak [*Ketawa*]. Bodek, bukan bodek pulak [*Ketawa*]. Kawan saja ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat terus kepada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya nak penjelasan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau nak buat ucap tahniah kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat, boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat, sudah dah, fasal tadi tu [*Ketawa*]. Baru dapat sudah dah, tadi tu. Ya, sebab itu kata kawan tadi tu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun berharap dengan CCC ini, profesional seperti Yang Berhormat bagi Pontian itu dapat menunjukkan integriti - *honor and integrity itu*. Saya berharap dia akan tunjukkan macam itu. Soal jarak tidak timbul. Yang Berhormat bagi Ledang kata bahawa kalau dia ada di Pulau Pinang, tidak boleh memberi nasihat dan sebagainya, jarak tidak timbul bagi saya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana seseorang jurutera dapat menjalankan tugas dengan betul sebagai seorang yang mempunyai kehormatan - *honor and integrity*. Bagaimana kita dapat?

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Tuan Yang di-Pertua, *honor and integrity* ini seperti mana yang saya sudah perkatkan tadi daripada latihan di peringkat universiti lagi, ia menjadi satu daripada kurikulum untuk golongan profesional ini lulus dengan memahami seluas-luas mungkin erti dan makna *honor and integrity* ini. Tetapi berbalik kepada yang saya perkatkan tadi, di bumi yang nyata ini, dalam keadaan realitinya, usaha Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini sewajarnya dilihat oleh badan-badan profesional seperti lembaga arkitek, persatuan arkitek atau lembaga jurutera mahupun institusi jurutera sebagai suatu cabaran, kerana sewajarnya merekalah badan yang sepatutnya memainkan peranan untuk memperjuangkan *honor* dan *integrity* golongan profesional ini.

Pada hari ini, kerajaan telah memberi peluang kepada mereka supaya dapat mencari suatu pendekatan dan kaedah bagi memastikan setiap daripada ahli mereka ini melatih dan mengamalkan cara bidang masing-masing dengan begitu berdisiplin sekali, supaya hasrat kerajaan ini akhirnya akan beroleh kejayaan.

Yang Berhormat, dalam masa yang sama saya membangkitkan perkara ini kerana mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan supaya hukuman itu tidak hanya dikenakan kepada orang utama yang mengemukakan, tetapi juga pihak-pihak yang menyumbang sekiranya sesuatu kesalahan itu berlaku.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Seperti biasa, apabila kita melaksanakan sesuatu pembangunan, orang yang melantik itu mempunyai kuasa. Orang yang membayar itu dia mempunyai kuasa dan pengaruh yang begitu kuat. Lazimnya, dalam negara kita, seseorang perunding itu dilantik katakan oleh sebuah syarikat, maka kadang-kadang syarikat mempunyai pengaruh yang begitu kuat untuk menghalakan keputusan seseorang profesional itu kerana di dalam sesuatu keadaan pertimbangan acap kali diperlukan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Ini bererti bahawa tidak ada suatu yang khusus bagi membolehkan sesuatu keputusan itu dibuat. Tetapi akhirnya apabila berlaku kegagalan, ...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Sewajarnya pemaju dan pembina juga terlibat dalam menentukan hukuman apabila sesuatu masalah itu berlaku. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bagi Yang Berhormat bagi Puchong dulu. Yang lain sila duduk.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pontian. Mengenai integriti profesional-profesional, memang saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pontian. Tetapi pada masa yang sama kalau kita lihat secara lebih spesifik dalam seksyen yang ada di sini iaitu Seksyen 22, 23 dan 24 ini, seksyen yang dicadangkan ini kuasa penentunya akhirnya masih terletak di tangan PBT. Kerana kalau berlaku apa-apa *dispute*, dengan izin, pertikaian atau mengenai integriti dan juga kerja-kerja yang dibuat oleh profesional ini, PBTlah yang memberi kuasa akhirnya. Bukankah ini seperti kita kembali kepada keadaan yang lama, di mana PBT boleh juga memberikan pelbagai syarat - *hindrance*, dengan izin untuk melambat-lambatkan pengeluaran CCC ini.

Jadi, saya hendak mendapatkan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagaimana kita boleh mengatasi cara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, hendak beri jalan dahulu? Terpujang Yang Berhormat. Ya, Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pontian. Saya ingin bertanya, dahulu masalahnya adalah pemaju-pemaju tetapi sekarang tanggungjawab itu kita akan berikan kepada arkitek, *engineer* dan sebagainya. Sekiranya ada salah laku di pihak profesional ini kita ada *indemnity insurance* yang akan dipertanggungjawabkan untuk bayar ganti rugi dan menjaga tatacara profesionalisme di kalangan golongan profesional ini.

Sekarang ini sekiranya *certificate* itu diisu ataupun diberi tanggungjawab kepada mereka ini, saya rasa beberapa perkara berkaitan dengan profesionalisme dan *indemnity insurance* ini perlu juga dilihat semula, adakah kementerian juga akan memainkan peranan dalam memastikan bahawa mereka mempunyai kapasiti sekiranya mereka tidak bermoral dan telah menyebabkan mereka salah laku dan sebagainya mereka diberhentikan, apakah akan berlaku kepada projek-projek yang telah diberikan sijil sebegini dan apakah akan terjadi kepada pembeli-pembeli? Minta penjelasan.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita telah mengingatkan badan-badan profesional supaya mereka menjaga ahli-ahli mereka. Ini bererti bahawa apabila kementerian telah meletakkan kepercayaan dan keyakinan yang begitu tinggi kepada golongan profesional ini, maka mereka harus memperlengkapkan ahli-ahli mereka seperti cadangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi. Dengan adanya pemilikan oleh golongan profesional ini, insurans-insurans ataupun *indemnity coverage* dengan izin, yang sewajarnya supaya mereka akan dapat perlindungan, dan sekiranya berlaku sesuatu bencana dalam mereka melaksanakan kewajipan sebagai orang utama yang mengemukakan pelan-pelan pembangunan ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tujuan pindaan akta ini ialah kalau dulunya kita dari awal sehingga siapnya projek, kita menghadapi masalah di peringkat-peringkat yang tertentu, sama ada di peringkat pembukaan pelan pembangunan, peringkat mendapatkan kelulusan perancangan, dapat kelulusan di peringkat pembinaan secara berperingkat-peringkat sehinggalah kepada pengeluaran CFO. Tetapi pada pindaan yang kita lihat, saya percaya bahawa ia akan dapat mengatasi yang paling ketara ialah di peringkat perancangan itu sendiri. Segala syarat dan keperluan akta yang ada, Akta Parit, Jalan dan Bangunan, Akta Alam Sekitar dan akta-akta yang berkaitan dengan pembangunan dapat dipenuhi terlebih awal, maka pengeluaran CCC ini hanya untuk memastikan bahawa pematuhan kepada kelulusan awal itu dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, maka ini bererti bahawa pihak berkuasa tempatan juga perlulah mempunyai tenaga profesional yang setaraf. Kalaulah orang utama yang mengemukakan pelan-pelan ataupun yang mengemukakan cadangan pembangunan ini, mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang begitu luas tetapi sekiranya pihak berkuasa tempatan hanya mempunyai seorang juruteknik atau *technician* rendah untuk menilai dan juga untuk memberi

kelulusan atau kajian terhadap pelan yang dikemukakan, ini adalah suatu yang mungkin boleh diatasi dengan memberi peluang kepada majlis ataupun pihak berkuasa tempatan berhampiran di mana sesetengah rakan mengatakan bahawa dalam zaman siber, dalam zaman teknologi yang canggih ini soal jarak dekat, jauh tidak menjadi persoalan. Maka....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nak bagi jalan Yang Berhormat? Tangga Batu.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** ...sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan Pontianlah katakan, tidak memiliki arkitek di pihaknya, bagaimana dia boleh mempertikaikan atau pun perlu menyemak, atau perlu meluluskan suatu *submission* yang dibuat oleh seorang arkitek yang profesional, yang mungkin mempunyai berpuluh tahun pengalaman. Jadi pihak berkuasa tempatan perlulah terlebih dahulu atau pun pada masa yang sama mempunyai tenaga-tenaga profesional yang sewajarnya bagi memastikan sesuatu pendekatan itu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya ingin bercakap tentang perkara yang sama melalui pengalaman saya melihat apabila terpindanya akta ini seolah-olah pihak berkuasa tempatan akan menyerahkan satu tanggungjawab yang besar kepada pihak perunding. Perunding yang sama-sama berhasrat untuk memajukan sebuah pihak berkuasa tempatan. Adakah Yang Berhormat bagi Pontian ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mensyaratkan setiap jurutera dan arkitek yang terdapat di pihak berkuasa tempatan ini mestilah sekurang-kurangnya jadi ahli kepada badan-badan profesional ini supaya kewibawaan profesionalisme ini dapat ditingkatkan dan dikekalkan.

Tidaklah seperti rungutan daripada jurutera-jurutera profesional yang berpengalaman yang apabila pelan-pelan perancangan ataupun pelan-pelan bangunan mereka disahkan oleh seorang jurutera yang hanya baru enam bulan lepas daripada universiti-universiti tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju di atas pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu malah kita juga ingin bertanya dengan pihak kementerian, apabila industri pembinaan pembangunan di negara kita ini sudah menjadi satu profesion yang saya kira sudah begitu lama dan ia telah dapat melahirkan arkitek-arkitek yang bukan hanya diterima kemampuan dan kebolehan mereka di rantau ini, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Maka apabila akta kita juga memuatkan orang utama yang mengemukakan pelan ini juga pelukis pelan bangunan. Kenapa ia tidak hanya terhad kepada arkitek sahaja? Kerana waktu 20 tahun dahulu Yang Berhormat, kita mungkin kekurangan arkitek, kita kekurangan mereka yang mendapat kelulusan dalam bidang ini yang saya kira kalau dahulu dalam istilah '*part two architec't*' ini, samalah juga dengan pelukis pelan bangunan berdaftar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Kerai bangun Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tetapi hari ini kita sudah berlebih arkitek, yang saya kira bukan hanya mereka mempunyai harapan untuk mendapatkan kerja atau peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka tapi dengan adanya kita memuatkan pelukis pelan bangunan ini, seolah-olah kita masih lagi berada di tahap ketandusan golongan-golongan profesional seperti arkitek ini. Jadi apakah agaknya rasional kementerian yang masih lagi menggunakan khidmat ataupun rasional kerajaan untuk menggunakan khidmat pelukis pelan bangunan ini atau '*part two architect*' ini dalam keadaan negara telah pun mencapai satu tahap kemajuan dalam pembangunan ini yang saya kira diiktiraf, dihormati oleh negara jiran serantau.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya bila Ir. bercakap, dua tiga orang ini tertariklah dan tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dia kata pakar-pakar ini harus kita ketengahkan. Memang betul dan saya hendak kuatkan lagi hujah ini supaya bila mana diterima ini harus kita ada satu anggota yang terdiri daripada pakar-pakar ini kerana terdapat PBT-PBT di kawasan-kawasan ini bila ada satu ataupun dua bangunan yang hendak diperiksa atau diluluskan, dihantarnya itu kadang-kadang orang yang tidak pakar, ada sampai ke peringkat *office boy* pun ada dengan izin.

Jadi saya kira di negara kita yang rata-rata semua ada pakar, ada Ir., ada *engineer*, kepakaran ini maka harus kita kena beratkan supaya perkara ini tidak berlaku lagi di kawasan-kawasan tertentu ataupun di jajahan-jajahan agar perkara ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan tidak lagi menghantar tenaga yang tidak mahir ini. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Pontian mengenai perkara ini?

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Kita amat bersetuju dan kita meletakkan harapan yang tinggi agar usaha-usaha ini akhirnya berjaya. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah begitu bersungguh-sungguh dalam memperkenalkan sistem CCC ini dan akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dengan pengenalan CCC ini, ia sesuatu yang dapat mengurangkan birokrasi untuk membolehkan sijil siap kerja sesuatu projek dapat dikeluarkan dengan cepat. Dalam masa yang sama kita juga dapat mempertingkatkan profesionalisme golongan-golongan profesional di dalam negara kita dan dalam masa yang sama juga kita dapat melihat bahawa peranan PBT itu dengan adanya golongan-golongan profesional yang berpengalaman diletakkan di sana untuk mengawasi pematuhan kerja-kerja yang dikemukakan oleh golongan-golongan profesional ini, ia akan dapat mewujudkan satu suasana yang begitu kondusif khususnya dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di mana soalan pokok dalam pindaan ini adalah untuk memperkenalkan satu Sistem Perakuan Siap Tanpa Pematuhan yang baru ataupun CCC seperti

mana di hujahkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa pada pokoknya, kita boleh mengalu-alukan apa juga langkah-langkah yang baik untuk memperbaiki perjalanan sektor pembinaan khususnya perumahan untuk rakyat.

Saya rasa usaha pada kali ini sedikit sebanyak akan dapat membantu mengatasi masalah-masalah yang sekian lama dihadapi oleh para pembeli rumah di negara ini. Isu-isu berhubung dengan tidak adanya CF ataupun tidak memohon CF sebelum menyerahkan *vacant for session*, kerja-kerja yang tidak sempurna dan tidak mematuhi kualiti-kualiti yang ditetapkan dan sebagainya adalah masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah di negara ini.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah... nampaknya dengan membentangkan CCC ini telah dimenangi oleh lobi dari pihak profesional dan pemaju yang ingin memperlihatkan CCC sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah yang mereka boleh anggap boleh diatasi tetapi saya rasa, dengan wujudnya sistem yang baru ini, memang ia akan menimbulkan masalah yang baru.

Saya rasa inisiatif seperti ini adalah *piecemeal* sahaja yang tidak dapat memenuhi hasrat pembeli-pembeli rumah yang memperjuangkan sistem BTS iaitu *build* dan *sell* yang selama ini diheboh-hebohkan tetapi sehingga ini tidak dapat dilaksanakan ataupun *variant system 10/90* yang dikemukakan oleh pihak NGO untuk memperlihatkan untuk satu revolusi yang benar-benar dapat merevolusikan sektor perumahan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat, hasrat memperkenalkan CCC ini mengikut Yang Berhormat Menteri dan kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah untuk mengurangkan birokrasi, memperbaiki *delivery system* dalam *public sector*.

Tetapi, nampaknya dengan adanya CCC, usaha yang sepatutnya diambil untuk memperbaiki *delivery system* dalam *public sector*, sektor awam ini dipindahkan pula kepada badan profesional yang merupakan badan swasta. Apabila berlakunya masalah *delivery system* yang lemah, ada penyelewengan, korupsi dan sebagainya, sepatutnya usaha diambil untuk mengatasi soalan-soalan pokok yang wujud dalam *delivery system* dan bukan untuk meminda masalah ini kepada badan profesional melalui CCC ini sebagai satu cara keluar untuk mengatasi masalah berhubung dengan CF. Ini saya memperhatikan adalah satu pendekatan yang tidak begitu baik dan tidak berkesan dan sememangnya perhatian perlulah diberikan kepada *delivery system*.

Walaupun, adanya CCC, kita tidak cuai dan tidak boleh mengabaikan bahawa PBT-PBT perlulah dirombak semula untuk menaikkan prestasi mereka yang menjadi satu halangan yang besar kepada perusahaan perumahan di negara ini, khususnya dalam isu mengeluarkan CF dan memastikan kualiti rumah-rumah yang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa CFO merupakan satu perkara yang amat penting selama ini dalam sektor ini sebab tanpa CFO pembeli-pembeli rumah tidak dapat menduduki rumah mereka secara dengan sah ataupun apabila CFO tidak dikeluarkan, pembeli-pembeli

rumah pangsa dan kondominium tidak juga dapat memohon untuk mendapat *strata tittle* dan saya ingin tahu, masalah yang kita hadapi bahawa, pemaju memberi *vacant possession* sebelum memohon untuk mendapat CFO, apakah masalah sedemikian akan dapat diatasi dengan diperkenalkan sistem CCC ini.

Pada pokoknya, sistem CCC seperti mana diujjahkan oleh Yang Berhormat Menteri bergantung sangat kepada *self regulation*. Tetapi, adakah kementerian dan Menteri sedar bahawa selama ini, selain daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang menjadi *player* dalam sektor ini, di samping pemaju dan juga badan-badan profesional, ketiga-tiga badan ini pun nampaknya menjadi punca kepada masalah yang kita hadapi pada hari ini. Pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab, saya rasa kementerian cuba dengan sedaya upaya untuk mengawal mereka dan memastikan mereka menjadi pemaju yang beretika.

Tetapi, badan profesional selama ini juga didapati bersekongkol dengan pemaju-pemaju dalam menipu pembeli-pembeli rumah dengan mengeluarkan sijil-sijil yang sebenarnya tidak membayangkan kerja-kerja yang sudah dilakukan ditapak pembinaan. Itulah harapan ditaruh kepada badan profesional yang pada asasnya menjadi satu sumber kepada masalah yang kita hadapi pada masa ini. Jadi, saya rasa untuk sistem yang baru ini mencapai kejayaan, perhatian perlulah diberikan kepada badan profesional yang kononnya perlu mempunyai etika yang tertinggi sekali, yang dapat menghayati kepentingan orang-orang, pihak yang lain iaitu pembeli-pembeli rumah dan bukan sekadar untuk menjaga kepentingan tauke dia iaitu pemaju perumahan. Jadi, ini satu soalan yang pokok. Kalau tidak dapat ditangani akan menyebabkan CCC ini akan gagal pada akhirnya.

Walaupun, dalam rang undang-undang ini denda kepada pihak badan profesional ini amat berat juga sehingga RM250.000 dan penjara, tetapi kepada pembeli-pembeli yang akan menjadi mangsa akibat satu pengesahan persijilan yang palsu ataupun tidak menepati apa yang sudah dilakukan di tapak, langkah-langkah terhadap badan profesional ini tidak bermakna sama sekali kepada pembeli-pembeli. Lebih teruk lagi Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang ini apabila berlaku keadaan di mana PBT telah mengeluarkan notis kepada pemaju ataupun badan profesional itu untuk berhenti ataupun menghendaki pematuhan dan sebagainya, dan menjalankan kerja-kerja untuk memulihkan apa yang rosak, kos itu perlu ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah yang kemungkinan besar kerana kecuaiian dan ketidaktanggungjawaban sesetengah pihak, akan menyebabkan para pembeli menanggung satu kos pembaikan yang sepatutnya ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan CCC itu.

Tetapi, di rang undang-undang ini kita dapati di subseksyen yang baru 25 kepada seksyen 70, kos itu perlulah ditanggung oleh tuan punya bangunan. Itu satu perkara yang kita tidak dapat faham. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri memberi gambaran bahawa Menteri dan kerajaan adalah di pihak para pembeli, tetapi nampaknya dengan adanya klausa-klausa

seperti ini, tidak membayangkan sebenarnya hasrat kerajaan sebaliknya akan membebankan pembeli-pembeli rumah.

Apabila wujud masalah kelak, saya rasa walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri ingin memberi keyakinan kepada kita untuk terima *self regulation* sistem ini, tetapi saya rasa hujah-hujah yang diberikan dan juga dengan adanya seksyen-seksyen yang tertentu, kita tidak dapatlah menghayati keyakinan tersebut. Selama ini, Lembaga Jurutera dan Lembaga Arkitek juga mengesahkan terdapat aduan-aduan terhadap ahli-ahli mereka berhubung dengan penyelewengan yang wujud dalam sistem penyampaian, mengesahkan kerja-kerja yang dilakukan untuk membolehkan para pemaju untuk tuntutan bayaran daripada para pembeli melalui bank-bank.

Bank-bank selama ini juga tidak ada satu sistem kawalan mempunyai pakar tersendiri untuk mengesahkan sama ada apa yang disahkan oleh *consultant engineers* ataupun arkitek yang diupah oleh pemaju itu benar-benar melakukan satu perkara yang adil. Jadi saya rasa CCC pada konsepnya mempunyai beberapa kelebihan khususnya harapan untuk mempercepatkan proses ini. Tetapi kalau tanpa satu *check and balance* mekanisme untuk *check and balance* di mana ada prosedur-prosedur yang diletakkan saya rasa sistem yang baru ini akan di *abuse* oleh pihak-pihak yang ingin mendapat keuntungan dengan cepatnya.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ingin melihat para pembeli menjadi mangsa di dalam sistem CCC yang diperkenalkan. Sebab nampaknya tidak lain dan tidak bukan percanggahan kepentingan memang berlaku sebab badan profesional, *consultant engineers* dan arkitek ini akan mewakili tauke iaitu pemaju itu dan saya rasa percanggahan kepentingan ini akan menjejaskan kepentingan para pembeli dan perumahan dan *certification* ini merupakan satu perkara yang merupakan kepentingan awam (*public interest*) yang tidak ada ruang untuk wujud satu badan yang mungkin *biased* terhadap apa yang mereka lakukan.

Saya rasa akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berharap walaupun Yang Berhormat Menteri begitu yakin terhadap sistem ini sebagai satu ubat mujarab kepada masalah-masalah yang wujud sekarang, tetapi saya rasa tanpa satu *check and balance* masalah yang mungkin wujud di bawah sistem CCC tidak kurang sengit berbanding dengan sistem yang sedia dipakai pada hari ini.

Jadi saya berharap walaupun mungkin Rang Undang-undang ini dengan Rang Undang-undang yang lain akan diluluskan oleh Dewan Rakyat tetapi adalah harapan saya untuk mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan dalam ucapan saya. Semoga sistem CCC ini yang pada asalnya ingin membawa perubahan yang baik tidak diselewengkan ataupun tidak membawa masalah yang lebih besar kepada para pembeli di negara ini. sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**5.24 ptg.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan pindaan Akta 133 yang mana dengan terpendanya akta ini banyak perkara yang dapat kita beri kesan kepada kita dan juga negara kita dalam bidang pembinaan dan juga badan profesional. Dengan adanya akta pindaan ini mungkin badan-badan profesional akan lebih rasa mereka ini perlu beri perkhidmatan yang sebaik mungkin untuk memastikan struktur yang direka bentuk, struktur yang diselia terutamanya bangunan dan juga lain-lain kerja-kerja awam supaya struktur ini dapat kekal bertahan lama tidak ada kerosakan, tidak ada keretakan dan sebagainya. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat mengemukakan ataupun memperkenalkan *certificate of completion and compliance* (CCC) menggantikan CFO.

Walaupun begitu tujuan kementerian untuk memberi CCC satu kaedah yang lebih cepat supaya bangunan-bangunan yang telah siap dapat diduduki ataupun dapat diguna oleh sama ada agensi ataupun pembeli, pemilik dan sebagainya. Tetapi di sini kita perlu juga lihat dari segi keselamatan bangunan dari segi jaminan kepada struktur supaya tidak melibatkan kerosakan dan juga melibatkan apa-apa yang berlaku kesan daripada pembangunan yang dibuat.

Dalam skop ini kita lihat konteks di bawah kementerian iaitu pembinaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berkait rapat antara perumahan sebagai contoh perumahan awam dan juga bangunan-bangunan kerajaan, bangunan-bangunan industri yang dibina di bawah kerajaan tempatan. Melalui akta pindaan ini saya yakin satu lagi pendekatan dapat diambil supaya jurutera ataupun arkitek ataupun badan profesional ini dapat memberi perkhidmatan dengan terbaik dengan adanya kawalan-kawalan bagi reka bentuk dan juga pengiktirafan kepada projek yang telah dibuat ini.

Cuma di sini saya hendak sentuh berkenaan dengan pembangunan khususnya di lereng bukit dan juga tanah paya ataupun tanah lembut. Di sini perlu dilihat dari sudut keselamatan kepada bangunan yang dibina kerana banyak berlaku lereng-lereng bukit yang dipotong untuk pembinaan perumahan contohnya runtuh dan juga tanah-tanah paya yang ditimbus tanpa mengambil kira prosedur-prosedur yang telah pun diberi ataupun yang telah ditetapkan oleh jurutera maka berlakunya keretakan kepada bangunan ataupun rumah-rumah yang dibina ini. Ini mengakibatkan keselamatan dan kerugian kepada pembeli ataupun pemilik bangunan tersebut.

Di sini saya yakin di Malaysia ini badan profesional ini cukup baik dan cukup profesional dalam menjalankan tugas.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Tetapi kita kena ambil perhatian sekiranya bangunan ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** ....dibina di kawasan lereng bukit dan juga tanah paya yang ditimbus. Silakan.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebagai seorang *engineer* dan ada pengalaman saya tertarik mengenai lereng-lereng bukit dan tanah lembah ini di mana bangunan begitu banyak telah dibina di ibu kota ataupun di jajahan-jajahan di setiap negeri berlaku kerosakan, berlaku kemalangan dan sebagainya.

Jadi apakah ini sebagai seorang *engineer* di manakah letaknya kesalahan ini sebab kita tahu rata-rata bila hendak luluskan ini dihantar orang-orang yang tahu berkenaan perkara ini. Tetapi beberapa tahun lepas sehingga sekarang berlakunya tanah-tanah runtuh yang mengakibatkan kemalangan rumah dan tanah ini disebabkan bangunan-bangunan yang tersergam indah runtuh menyebabkan kemalangan hingga tercabut nyawa dan sebagainya.

Apa pendapat daripada Yang Berhormat bagi Tanah Merah selaku seorang *engineer* mengenai dengan ini? Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Sebenarnya pembangunan di kawasan yang disebutkan tadi banyak melibatkan kos yang tinggi apabila kita nak buat satu bangunan di kawasan lereng bukit dan juga di tanah paya. Kalau di lereng bukit, terpaksa kita potong bukit dan kita kena buat dengan izin *slope protection* kepada tanah yang dipotong. *Slope protection* ini ataupun pengadang ataupun kita panggil *retaining wall* yang dibina di kawasan-kawasan tertentu memakan kos yang tinggi. Daripada kos keseluruhan pembangunan ini, mungkin separuh daripada kos pembangunan digunakan untuk buat kerja-kerja penahanan bukit dan juga *protection* kepada tanah bukit yang dipotong.

Begitu juga tanah paya. Untuk tanah paya, kos pembinaan keseluruhan akan mengakibatkan sebahagiannya digunakan untuk menimbus. Kadang-kadang kawasan tertentu perlu menggunakan teknikal untuk mengeringkan air. Contohnya *vertical drain* dengan izin untuk mengeringkan air bawah tanah setelah ditimbus, maka tekanan daripada tanah ini menyebabkan air di bawah tanah dapat keluar ke atas dan seterusnya tanah itu kering. Ini mengakibatkan kos yang terlalu tinggi dan kemungkinan daripada kos yang tinggi ini, pemaju mengambil pendekatan untuk mengurangkan kos.

Maka daripada cadangan ataupun reka bentuk yang dibuat oleh pihak jurutera ataupun badan profesional ini, mereka ini cuba tidak patuhi apa yang telah direka bentuk ini. Ini mengakibatkan satu perundingan di antara pemaju dan juga konsultan supaya dapat memberi alternatif yang lain. Apabila beri alternatif yang mengakibatkan kos yang kurang, sudah pasti *protection* yang dibuat kepada cerun dan juga rawatan kepada tanah paya ini tidak memberi kesan yang begitu menjamin kepada struktur yang dibina di atas ataupun berhampiran dengan....

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Bagaimana dia dapat kelulusan?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]:** Ini bergantung kepada pihak berkuasa tempatan yang mengendalikan dan yang berkuasa ke atas pembinaan di kawasan masing-masing. Di sini saya hendak sarankan kepada kementerian, supaya mengambil berat tentang pembinaan di kawasan lereng bukit dan juga kawasan tanah lembut iaitu tanah paya supaya diteliti secara betul tentang reka bentuknya dan tentang cadangannya kerana apabila tanah paya, sudah pastinya pembinaan struktur asas bangunan ataupun *foundation* dengan izin, mengakibatkan kos yang tinggi.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Jadi pemaju tidak suka kepada pembinaan seumpama ini kerana melibatkan kos di mana harga rumah yang hendak dijual nanti tidak menguntungkan kepada pemaju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Tanah Merah, di kawasan saya ada satu kawasan perumahan di mana sungai telah ditambun dan dibuat *culvert*. Dan selepas itu, dibina rumah di atas sungai tersebut - anak sungai yang kecil. Jadi mungkin kesannya setelah bertahun-tahun *culvert* itu pun mungkin pecah dan sebagainya lalu berlaku hakisan dan runtuh. Jadi, kepada siapa agaknya pemilik rumah ini hendak mengadu? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Sebenarnya perkara inilah yang kita kena teliti. Apabila pembinaan dibuat di tepi sungai, ia juga kena mengambil kira laluan sungai. Kadang-kadang kita cuba ganggu arah aliran air. Ini juga mengakibatkan aliran semula jadi air ini terganggu dan sudah pastinya menyebabkan mendapan ataupun pergerakan air bawah tanah di kawasan tersebut dan lama-kelamaan mendapan berlaku. Tetapi sekiranya sungai ini dialih secara betul iaitu dengan mengambil kira pengaliran air, kawasan tadahan, jumlah air yang akan melaluinya, dengan kuantiti jumlah yang besar dan juga saiz yang sesuai dengan keadaan semula jadi ataupun lebih, maka sungai ini boleh dialih dan dibina struktur di atas sungai asal mengikut reka bentuk ataupun keperluan sebelum sungai ini diubah.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Saya yakin perkara ini perlulah penelitian yang begitu teliti oleh pihak berkuasa tempatan dan saya cadangkan pembangunan di kawasan-kawasan sebegini yang saya sebutkan tadi supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas untuk elakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini dan juga kerosakan kepada struktur bangunan yang dibina. Silakan Yang Berhormat bagi Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak bertanya, kadang-kadang kita sering mengeluh kemudian apabila berlakunya peristiwa tanah runtuh, bangunan runtuh di puncak bukit, rumah tenggelam dalam sungai dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Lipis tadi. Saya ingin bertanya, dalam jawatankuasa yang memikirkan perancangan pembangunan dalam kawasan-kawasan bandar ini, apakah tidak ada di antara mereka yang terdiri daripada profesional ini yang memikirkan nilai-nilai yang lain?

Nilai-nilai kemanusiaan, nilai-nilai semula jadi alam sekitar ini dan juga nilai-nilai yang ditentukan oleh Allah S.W.T, oleh tuhan itu sebagai kejadian alam ini. Kadang-kadang kita ada sungai, kita hendak tambun sungai. Ada bukit, kita hendak tebang bukit. Ada lurah, kita hendak tutup lurah. Ini kerana kita memikirkan bahawa di situ tempat yang berpotensi untuk kita mendapat keuntungan hasil daripada pembangunan yang kita buat. Jadi saya hendak tahu, apakah boleh Yang Berhormat mencadangkan supaya dalam jawatankuasa yang merancang untuk pembangunan di mana-mana kawasan ini, supaya mengambil kira nilai-nilai budaya dan nilai-nilai alam sekitar ini supaya jangan semua kita terlalu rakus.

Jangan manusia ini terlalu rakus kerana hendakkan pembangunan dan hendakkan keuntungan, kita sanggup melakukan apa sahaja sehingga sungai kita tutup, bukit kita tebas, sehingga kadang-kadang menyebabkan implikasi yang lebih besar di kemudian hari. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya, jiran saya. Saya cukup setujulah dengan cadangan dan saya ambil sebahagian daripada ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, tentang CCC dan juga CFO, saya hendak cadangkan di sini bagi kawasan-kawasan yang berisiko yang saya sebutkan tadi iaitu kawasan lereng bukit, kawasan tanah tambun ataupun tanah paya, mungkin pendekatan CCC ini tidak memberi jaminan kepada pemilik bangunan ataupun pembeli rumah di kawasan tersebut. Saya minta satu lagi Sijil Layak Menduduki secara penuh dikenakan kepada pembinaan di kawasan berkenaan untuk memastikan secara *detail*nya atau secara lebih terperinci tentang reka bentuk kepada kawasan sekitar seperti cerun, penambakan dan sebagainya diberi penelitian yang khas dan kelulusan khas sebelum rumah-rumah ini diduduki ataupun dihuni oleh pembeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, saya juga dapati satu pembangunan contohnya perumahan memerlukan perkara-perkara seperti *servicing* kepada kawasan berkenaan seperti longkang, longkang besar dan sebagainya. Ini juga perlu diambil berat supaya longkang-longkang ini air sentiasa dapat mengalir dan longkang kecil di hadapan rumah dapat mengalir ke longkang besar yang tersedia supaya longkang ini tidak bertakung dan mengakibatkan berbagai-bagai penyakit daripada pembiakan nyamuk dan sebagainya.

Dan di sini pihak berkuasa tempatan kenalah mengambil perhatian kerana setiap rumah yang diduduki perlu membayar cukai pintu dan memerlukan penghuni rumah, supaya memberi sumbangan kepada kerajaan dan pihak berkuasa tempatan juga hendaklah memberi perkhidmatan. Contohnya pembersihan longkang dan juga mengutip sampah di kawasan perumahan. Biarlah perkara ini dibuat secara betul. Kadang-kadang perkara ini hanya dibuat di kawasan bandar-bandar besar sahaja tetapi di luar bandar yang terpencil, maka perkhidmatan seumpama itu tidak dibuat dengan baik.

Jadi kepada pembangunan yang berhampiran dengan jalan utama, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya ikutilah garis panduan. Kalau di jalan persekutuan, jalan negeri biarlah *reserve* jalan ini tidak diambil oleh pemaju, tidak diberi kelulusan oleh kerajaan tempatan untuk pembinaan. Biarlah *reserve* ini mengikut apa yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri ada, supaya apabila sampai masanya jalan-jalan ini hendak dibesarkan maka laluan ataupun *reserve* jalan ini telah tersedia. Dan kerajaan sudah pasti dapat mengurangkan kos pengambilan tanah, pembayaran kepada struktur yang melalui kawasan-kawasan berkenaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya menyokong. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Langat.

**5.43 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kita tengah membincangkan berkenaan dasar. Cuma mungkin agaknya apa yang hendak saya katakan ini akan berkaitan juga dengan Akta Pemajuan Perumahan, Kawalan dan Pelesenan. Walau bagaimanapun saya ingin kemukakan sekarang. Pertamanya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berapakah '*threshold average*' yang patut dilakukan oleh pemaju supaya dapat kita menikmati *public facilities* dan *amenities* dengan izin. Selalunya apa yang dibuat oleh pemaju dia akan buat berperingkat-peringkat dengan cara itu *public amenities* dan *public facilities* tidak payah dikenakan untuk menyediakan padang, untuk menyediakan sekolah dan sebagainya.

Yang keduanya juga berkaitan dengan itu mengenai dengan CFO ini. Oleh kerana kadang-kadang terlalu lewat, jadi terutamanya orang yang meminjam duit, meminjam wang, *loan* daripada kerajaan terpaksa membayar dua kali. Pertamanya *loan* yang dibayar kepada kerajaan

dan keduanya sewa rumah yang terpaksa juga dibayar kepada tuan rumah. Jadi oleh kerana itu akan membebankan mereka dan kita harapkan perkara ini dapat kita selesaikan bersama.

Yang ketiganya badan-badan profesional mestilah tidak tunduk kepada pemaju, kerana kadang-kadang seperti mana yang dikatakan tadi profesional ini lambat dibayar. Oleh kerana itu pemaju *got the upper hand* dengan izin dan badan-badan profesional ini terpaksa tunduk kepada kehendak-kehendak pemaju dan melanggar etika-etika profesionalisme mereka.

Yang keempatnya ialah mengenai CFO tadi. PSP ini mereka yang bertanggungjawab mengeluarkan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan. Apa yang saya harapkan supaya kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan itu tidak akan terjejas. Jika CCC dikeluarkan kita harapkan supaya pihak berkuasa tempatan juga akan mengeluarkan bersama ataupun menandatangani *certificatenya* bersama sama ada *concurrent* ataupun selepas itu. Kalau tidak nanti banyak masalah-masalah yang timbul di masa akan datang.

Mengenai pembinaan perumahan di lereng bukit ini banyak kali sudah disentuh perbalahan di antara Jabatan Kerja Raya dan juga pihak berkuasa tempatan. Jabatan Kerja Raya mengatakan bahawa tidak ada lagi bangunan di lereng bukit kerana musim tengkujuh dan banyak cerun-cerun dan banyak rumah-rumah telah pun tergelincir dan ada juga mengorbankan nyawa tetapi pihak berkuasa tempatan mengatakan itu kuasa dia. Jadi kita harapkan bahawa tanah lereng bukit, memendapkan tanah untuk kawasan tapak rumah selalu berlaku Jerlun kerana tapak tanah yang ditimbun dan ditimbun tambah. Jadi kita harapkan bahawa kerjasama di antara Kementerian Kerja Raya dengan pihak berkuasa tempatan dapat kita selaraskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.  
**5.46 ptg.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana setelah sekian lama kita menunggu apakah hasil daripada hasrat kerajaan untuk mempercepatkan lagi perkhidmatannya di peringkat pegawai-pegawai pelaksana. Tuan Yang di-Pertua saya sedar bahawa di samping kerajaan meletakkan keutamaan kepada perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kerajaan juga perlu mengambil kira keputusan perniagaan ataupun *business result* kepada pihak-pihak yang berhubung kait dengannya seperti pihak pemaju dan juga pihak-pihak badan profesional ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam suatu kelulusan CFO yang dahulu kita kenali kemudian CCC ini, kita perlu ingat bahawa sekurang-kurangnya pihak kerajaan tempatan yang dianggotai tidak kurang daripada lima pihak yang mempunyai kaitan dengannya. Antaranya ialah Jabatan Bomba, Jabatan Polis, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Saliran yang akan mengadakan mesyuarat

pada setiap kali berlaku permohonan-permohonan tentang cadangan-cadangan pembangunan di sebuah kawasan.

Jadi apabila ini berlaku di dalam mesyuarat garis panduan telah disediakan. Dan pihak-pihak ini sebenarnya melalui ataupun meneliti setiap proses permohonan oleh pihak-pihak pemaju yang diwakili kepada badan-badan profesional ini untuk dihantar ke pihak berkuasa tempatan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang memusykilkan kita pada hari ini ialah pihak Menteri telah membayangkan penubuhan *one-stop centre* ataupun pusat sehenti akan membantu mengurangkan kerenah birokrasi. Dan sehingga kini kita dapat lihat bahawa 144 pihak berkuasa tempatan, rata-rata telah menyatakan sokongan kepada hasrat Menteri untuk melihat pusat sehenti beroperasi dengan secepat dan seberkesan yang mungkin. Dan hasilnya sepatutnya hari ini kita telah dapat melihat bahawa kesan pusat sehenti dapat mengurangkan rungutan daripada pihak pemaju dan juga pihak-pihak badan profesional yang terlibat dengan pembangunan di setiap tempat.

Tuan Yang di-Pertua sekarang ini apabila rang undang-undang pindaan kepada Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 mencadangkan supaya penubuhan satu unit sistem CCC bagi menggantikan sistem CFO. Dan saya percaya ia adalah merupakan satu langkah yang besar yang berupa seolah-olah pemindahan tanggungjawab, tetapi sebenarnya ia lebih memberikan tanggungjawab yang besar kepada pihak badan profesional ini untuk menanggung apa yang mereka telah rancang dan seterusnya luluskan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya setiap langkah pemrosesan kelulusan pelan di peringkat susun atur, di peringkat pelan bangunan hinggalah ke peringkat CFO melibatkan pihak berkuasa tempatan ini dengan mewakilkan sekurang-kurangnya seorang jurutera ataupun arkitek yang berdaftar sebagai ahli profesional kepada badan-badan profesional tersebut. Bersama-sama dengan pihak badan profesional ini untuk menandatangani sebagai tanda tanggungjawab bersama bagi memastikan pembangunan berlaku mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat, menyerahkan segala-galanya kepada pihak pemaju dan juga pihak badan profesional, kita akan menghadapi masalah perbezaan definisi. Mungkin pihak pemaju akan beranggapan siap terbinanya sebuah rumah dan dikeluarkan sijil CCC, maka pembangunan telah sempurna. Tetapi di kaca mata kementerian dan pihak berkuasa tempatan, selagi sesebuah rumah ataupun premis tidak diduduki oleh pembeli-pembeli ia masih lagi merupakan projek yang terbengkalai. Kerana jika kawasan perumahan yang tidak didiami oleh penduduk akan menyebabkan berlakunya masalah-masalah sosial yang lain, di samping timbulnya masalah rumput yang panjang, longkang yang tidak dikemas, jalan yang merekah dan sebagainya. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang boleh menjejaskan pembangunan bagi sebuah pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya kira amat penting diberi perhatian oleh pihak kementerian ialah, bagaimana kita boleh mengekalkan etika bangunan, *building code practices* yang telah diperkenalkan beratus-ratus tahun dahulu di negara kita. Di mana hari ini kita cuma dapat melihat bangunan-bangunan lama yang diukir indah di peringkat permukaan dan juga bumbung bangunan, tetapi hari ini kita dapat lihat pemaju-pemaju yang juga telah diluluskan oleh badan-badan profesional ini tidak mengetengahkan perkara-perkara atau elemen-elemen kreatif ini, yang boleh kita banggakan pada hari ini dan juga di masa hadapan. Cadangan saya supaya CCC juga menambah satu elemen di dalam prosiding mereka untuk nilai estetika bangunan-bangunan yang bakal dibina supaya dapat dibanggakan bersama oleh kita pada hari ini dan juga pewaris kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira di dalam proses untuk kita menyempurnakan sistem CCC ini bukan sahaja pihak kerajaan tempatan yang perlu diberi perhatian, tetapi pihak-pihak lain seperti Tenaga Nasional Berhad seperti Telekom Malaysia Berhad, seperti Jabatan Parit dan Saliran dan juga Jabatan Pembetungan perlu diberikan perhatian sama.

Saya ada satu kisah yang menarik, di mana sebuah kawasan pembangunan yang hanya mempunyai 20 buah rumah tetapi telah diminta oleh pihak Jabatan Pembetungan untuk membina sebuah STP, *Sewerage Treatment Plants* yang menelan belanja begitu besar. Bukan itu sahaja, ia memerlukan sebidang tanah yang besar. Jadi di sini sebenarnya pihak Jabatan Pembetungan ini tidak menampakkan ada kebijaksanaan di dalam mengatur cara pembangunan di kawasan tersebut. Saya mohon supaya pihak pemaju dan juga badan profesional ini memberikan perhatian kepada sifat-sifat kebijaksanaan di dalam mengatur cara pembangunan di sebuah kawasan supaya ia tidak terlalu menekan pembeli-pembeli, di mana keperluan tanah untuk sebuah *Sewerage Treatment Plants*, dan juga keperluan pembangunan tersebut perlu ditanggung oleh pembeli-pembeli yang akhirnya akan meningkatkan harga rumah yang akan dihadapi oleh pembeli-pembeli kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Tenaga Nasional Berhad mungkin kita akan menghadapi masalah kerana di setengah-setengah tempat Tenaga Nasional Berhad meletakkan CFO sebagai prasyarat kepada pembekalan tenaga elektrik kepada pengguna-pengguna. Di sini CCC perlulah mengambil kira apakah elemen yang perlu digariskan supaya pihak TNB tidak meletakkan mereka sebagai alasan apabila kelewatan membekalkan tenaga kepada pengguna-pengguna kelak.

Begitu juga CCC perlu mengambil kira bagaimanakah pihak syarikat-syarikat air bagi kerajaan-kerajaan negeri boleh bersama-sama di dalam memastikan bahawa, siap rumah nanti pahat tidak berbunyi. Jangan ada CCC lengkap pengesahan dengan pihak berkuasa tempatan tiba-tiba pengguna duduk rumah yang serba tidak sempurna. Tuan Yang di-Pertua dengan saranan-saranan saya tadi saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**5.56 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berucap panjang lebar oleh kerana rakan saya Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan pandangan-pandangan yang cukup relevan dan juga bimbangkan para pembeli rumah. Saya harap kerajaan haruslah mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang antara lain untuk menggantikan sistem perakuan bangunan masa kini *certificate of fitness for occupation*, dengan izin kepada satu sistem perakuan siap dan pematuhan yang dikendalikan sendiri oleh pihak swasta yang terdiri dari jurutera profesional, arkitek dan profesional dan juga pelukis pelan bangunan ada kelemahannya.

Atas dorongan untuk mendapatkan komisen lebih tinggi atau pihak jurutera dan arkitek mungkin dipengaruhi oleh pemaju-pemaju yang tamak dan tidak beretika, dengan memujuk mereka supaya meluluskan pelan dengan mengeluarkan sijil perakuan siap dan pematuhan yang tidak boleh dipertikaikan lagi oleh pihak berkuasa tempatan. Akibatnya pembinaan yang tidak menurut spesifikasi dan ciri asal sesuatu pelan pembinaan yang dirikan oleh pemaju dan kontraktor boleh tutup satu mata untuk diluluskan oleh jurutera dan arkitek dan PBT sendiri sebagai siap, dan boleh diduduki kerana telah mematuhi syarat-syarat. Para pembeli mungkin tertipu tanpa disedari oleh mereka, selang beberapa tempoh selepas itu jika berlaku keretakan, keruntuhan, tanah jerlus dan sebagainya mahukah pemaju atau jurutera atau arkitek yang mengeluarkan perakuan bertanggungjawab dan mengganti rugi ke atas pembeli-pembeli yang menjadi mangsa.

Insiden rumah yang dibeli mengalami pelbagai kecacatan atau *defect*. Sejak akhir-akhir ini yang menyebabkan para pembeli menghadapi kesusahan adalah contoh jelas bagaimana 'kotor' oleh pemaju ini boleh berlalu. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu hukuman yang diperkenalkan di bawah subseksyen 27 Seksyen 70, yang membawa denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-dua wajar dikaji semula dan menjadi lebih keras. Saya minta kerajaan oleh kerana pemaju boleh membayar apa-apa denda mereka, jika satu juta, dua juta tidak ada masalah. Inilah satu masalah yang dihadapi oleh para pembeli, oleh kerana jika pemaju yang tidak bertanggungjawab boleh menyusahkan para pembeli yang membeli rumah atau unit-unit kondominium yang mereka beli.

Jadi saya berharap kerajaan mengambil berat tentang denda ini dan jika tidak cukup boleh memperjelaskan lebih berat tentang perkara ini. Pemaju atau jurutera atau arkitek boleh memperjelas bayaran denda ini, tetapi kesalahan tidak cukup menjadi satu pengajaran untuk mereka.

Apa maknanya denda RM250 ribu jika projek perumahan yang mereka bina itu telah membawa keuntungan yang berjuta-juta ringgit? Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan (PBT) pula boleh mencuci tangan dan melepaskan dari tanggung jawab asal kerana kesalahan telah dipindah kepada pihak swasta. Walaupun sistem pengakuan diberikan tugas kepada swasta tetapi pemantauan tetap oleh PBT hendaklah dikekalkan. Saya beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua tidak berapa tahun yang lalu kerana ada kondominium *Highland Tower* runtuh.

Oleh sebab Majlis Perbandaran Ampang Jaya walaupun ada PBT, di dalam undang-undang mereka dikhabarkan mereka tidak memberi apa-apa pampasan kepada para pembeli rumah itu. Oleh sebab ini ramai para pembeli rumah rugi banyak. Bangunan mereka sudah runtuh, rumah tidak dapat, tetapi tidak mendapat apa-apa pampasan dari kerajaan. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh pertimbangkan hujah-hujah dan cadangan-cadangan serta pandangan saya dan rakan saya Yang Berhormat bagi Tanjong memberi jawapan yang lebih memuaskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan. Selepas itu Yang Berhormat bagi Kepong, dan menteri boleh jawab.

#### **6.02 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kami sedang menghadapi satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006 dan kami adalah dalam keadaan serba tidak kena. Dalam hal CFO, seperti yang diketahui umum bahawa CFO perlu melalui beberapa birokrasi, beberapa *red tape* dan mungkin melalui dua puluh agensi kerajaan dan akhirnya ia mengakibatkan kelewatan CFO dikeluarkan.

Dalam peperiksaan CFO, PBT hanya memeriksa sekeliling tapak dan luar bangunan sahaja. Dalam bangunan-bangunan atau dalam rumah, PBT selalunya tidak masuk ke rumah untuk meninjau mutu kerja atau apa-apa keretakan dalam bangunan itu.

Hanya apabila CFO dikeluarkan dan pemilik-pemilik bangunan atau pembeli-pembeli rumah, selepas menyambung paip air, paip bekalan elektrik dan selepas mendiami rumah itu beberapa hari, barulah mereka mendapati bahawa ada kebocoran paip air, ada kebocoran tenaga dan menjumpai keretakan-keretakan baik di dinding atau di lantai dan lain-lain kecacatan. Dalam hal CCC ini, kami juga khuatir bahawa konsultan iaitu arkitek, jurutera dan lain-lain profesional mungkin boleh bersubahat dengan pemaju dalam hal mengeluarkan CCC.

Dalam Fasal 23, dihadkan bahawa PBT boleh mengeluarkan kepada orang utama yang mengemukakan, sekiranya PBT mendapati ada ketidakpatuhan syarat-syarat seperti yang termaktub dalam pelan yang diluluskan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan kerana saya meragui sama ada PBT sudah siap sedia untuk mengikut jejak baru ini. Kerana PBT sekiranya mengikut Rang Undang-undang ini apabila diluluskan dan dijadikan akta, mereka perlu menjalani pengawasan di peringkat pembinaan. Sebelum itu mereka hanya boleh mengiktiraf atau

mendapati bangunan adalah selamat, adalah sempurna, barulah mereka tidak ada halangan untuk konsultan mengeluarkan CCC.

Seperti yang saya katakan tadi, kalau rumah itu belum dipakai, penghuni-penghuni belum masuk rumah, mana mereka tahu sama ada, ada kecacatan atau tidak dalam rumah itu? Malahan dalam satu tapak pembinaan, selalunya pemaju atau kontraktor akan memagar sekeliling tapak itu dan orang awam ataupun pembeli-pembeli rumah tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan itu kerana takut ada apa-apa kemalangan, maka mereka tidak mahu bertanggung jawab ke atas *accident-accident* yang dilakukan. Sebab itulah orang ramai atau pembeli-pembeli rumah tidak boleh masuk ke rumah itu untuk memeriksa.

Di sini dikatakan sekiranya PBT mendapati bahawa tiada pematuhan syarat-syarat, mereka boleh memberi notis kepada pengemuka pelan utama. Kalau masih tidak memperbaiki ketidakpatuhan itu, maka mereka boleh mengeluarkan satu arahan supaya pengemuka pelan utama tidak boleh mengeluarkan CCC. Sebab itu saya kata sebelum itu, siapa, siapa boleh tahu ada keretakan? Siapa boleh tahu ada kecacatan? Pegawai dari PBT? Mereka tidak masuk ke dalam rumah. Pembeli belum dapat masuk rumah. Jadi, tiada orang boleh halang CCC dikeluarkan. Kalau tiada orang boleh halang keluar CCC, maka CCC boleh dikeluarkan oleh konsultan. Selepas keluar CCC, baru dapat. Tetapi ini sudah terlambat. Pihak berkuasa sudah terlambat. Tiada kuasa lagi untuk menahan CCC itu.

Fasal 24 juga, kalau PBT mendapati bahawa pemaju tidak mematuhi syarat-syarat atau kurang menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan, maka PBT boleh menjalankan kerja-kerja itu dengan mengupah pekerja-pekerjanya untuk jalankan. Katalah sekiranya penutup *covered* sesebuah rumah itu tidak disiapkan. PBT menulis notis kepada pemaju baik atau pengemuka pelan utama supaya meminta mereka menyiapkan penutup *cover* itu. Tetapi mereka enggan, enggan berbuat demikian. PBT boleh menjalankan kerja ini dan seksyen 25, Fasal 25, siapa bayar? PBT boleh buat. Siapa bayar? Ditanggung oleh pemunya bangunan. Saya beli rumah, barang tidak siap, dikeluarkan CCC. Apabila PBT memanggil pemaju berbuat demikian, dia enggan berbuat demikian. PBT berbuat demikian, menyiapkan perkara-perkara yang belum siap, saya pembeli rumah pula kena tanggung jawab. Adakah ini munasabah? Ini langsung tidak boleh diterima.

Jadi dengan kesimpulannya, saya berkata di sini bahawa apabila hendak mengeluarkan CCC, perlu ada satu *joint inspection* oleh pengemuka pelan utama atau arkitek dan pemaju dan juga pegawai-pegawai PBT.

Semua ada satu *joint inspection*. Kalau tidak ada apa-apa bantahan, semua telah dipersetujui bahawa pembinaan telah siap, baru dikeluarkan CCC tetapi sekarang ini tidak dijalankan.

Saya juga ingin bertanya satu soalan. Pada masa sekarang, mengemukakan pelan untuk diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan bukan arkitek sahaja. Ia melibatkan arkitek,

jurutera sivil iaitu mengenai struktur rumah dan juga struktur parit dan jalan-jalan, jurutera ukur tanah iaitu *subdivision* atau lot-lot petak, jurutera MNE iaitu menanam kabel telefon, paip bomba dan lain-lain. Mereka ada beberapa *party* yang perlu *submit* pelan untuk kelulusan PBT.

Di sini dikatakan CCC dikeluarkan oleh pengemuka pelan utama. Siapa dia? Sama ada CCC dikeluarkan oleh arkitek perlu ada satu CCC, jurutera sivil ada satu CCC dan jurutera MNE ada satu CCC atau kesemuanya bergabung sekali dan perlu ditanggung, disain atau dikeluarkan oleh seorang sahaja iaitu mungkin arkitek atau jurutera?

Itulah beberapa soalan yang membuatkan kita dalam keadaan keliru dan harap dapat satu penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong hendak berucap lagi? Tidakkah letih enam kali berucap hari ini? Baiklah, sebagaimana yang telah saya putuskan, selepas Yang Berhormat bagi Kepong, menteri boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa dekad ini, saya memang seperti Ahli-ahli Parlimen yang lain menghadapi masalah mengenai CFO. Teruklah. Entah berapa kali kita pergi ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang merupakan rumah kedua bagi saya. Itulah masalah penguatkuasaan CFO.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya rang undang-undang ini dan juga rang undang-undang yang berkaitan dengan rang undang-undang sekarang, kita akan menyelesaikan masalah CFO ini.

Di sini, CCC itu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi bahasa saya ingat tidak begitu sesuai di kalangan orang Tionghua. Ia bermakna 'mati, mati, mati'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah, apa salahnya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak bolehlah begitu. Mati, mati, mati - CCC. Saya berharap dengan kelulusan hari ini bukan sahaja jadi CCC, tapi hidup, hidup, hidup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Kepong, ia CCC tapi kalau CC apa dia?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apa dia?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Macam Keponglah CC.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak, tidak. Bukan CC. Tidak boleh macam itu Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]* Saya berharaplah itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, C pun boleh dianggap '*happy*' dalam bahasa Mandarin.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau di Johor boleh *happy*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya kata ini bunyi. Bahasa Mandarin itu 'si huan'. C pun tidak semestinya bererti mati. Yang fikir mati itu yang mati, saya rasalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan. Kalau di Johor itu, Johor Selatan ada pembangunan. Di sekitar Johor Tengah dan Johor Utara tidak ada. Itulah masalahnya. Macam mana ada? Tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mengapa kita adakan pembangunan di Johor Selatan sahaja? *[Memandang ke arah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu terkeluar daripada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itulah yang dicakapkan dengan CCC itu. Saya berharap dengan kelulusan ini, hidup, hidup, hidup. Kita menyelesaikan semua masalah.

Di sini saya hendak membangkitkan beberapa perkara. Di Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lepas, kita meluluskan satu rang undang-undang yang mengatakan bahawa peguam tidak boleh memihak kepada pemaju dan pembeli dengan serentak. Tidak boleh. Dengan *simultaneous representation*, tidak boleh. Tetapi dengan kelulusan rang undang-undang kita dapati bahawa pihak pemaju menggunakan *loophole* - menggunakan kelemahan itu dan melantik peguam. Kononnya peguam itu mewakili pembeli tetapi pada hakikatnya peguam itu mewakili pemaju.

Saya pun pening kepala. Kita ada undang-undang. Seorang peguam tidak boleh mewakili kedua-dua pihak tetapi pada hakikatnya dia berbuat demikian di seluruh negara. Dengan CCC pun saya berharap... *[Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri keluar Dewan]*

Yang Amat Berhormat, kita mesti ambil perhatianlah....*[Ketawa]*

Apabila rang undang-undang diluluskan kelak tidak akan jadi masalah seperti kita hadapi dengan peguam. Peguam itu seorang profesional. Berapa peguam yang ada sekarang? *[Memerhati sekeliling]* Tidak kira, ya?

Oh, ada, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Yang Berhormat bagi Kota Melaka boleh mengesahkan dalam banyak projek peguam mewakili dua pihak. Tidak boleh kita terima hal seperti itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian supaya arkitek, jurutera, *surveyor* dan sebagainya tidak diserahkan kepada tekanan pemaju. Pemaju itu apabila melantik arkitek itu mesti ada syarat. Kalau tidak mematuhi kepada kehendak pemaju, jangan harap. Ya, apa dia?

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Menyampuk]*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya. *Paymaster*. Yang Berhormat bagi Parit, dia munasabah sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka hendak bertanya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Betullah dia ada *honor and integrity*.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Yang Berhormat, saya tidak bersetujulah apabila Yang Berhormat katakan bahawa pihak peguam tidak boleh mewakili kedua-dua pihak. Sebenarnya cuma dalam Jadual G dan juga Jadual H seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Perumahan ini, betullah, sebenarnya peguam hanya mewakili satu pihak sahaja. Isu yang mengatakan wujudnya penyelewengan itu sebenarnya dari segi proses penggubalan kandungan perjanjian itu sebenarnya ia tidak akan wujud kerana di bawah Akta Perumahan ini telah pun ditetapkan bahawa apabila wujudnya *housing accommodation*. Jadual G dan Jadual H memang telah diguna pakai. Jadi kekhuatiran yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi sebenarnya tidak wujud.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tetapi saya berharap Kota Melaka dapat meninjau keadaan yang sebenarnya. Sama ada peguam-peguam ini mewakili sesiapa sebab setiap kali apabila pembeli jumpa saya, saya lihat siapa peguam itu. Saya panggil mereka pergi cari peguam itu. Tetapi peguam itu tidak hairan. Itu masalah. Satu masalah bukan sahaja di Kepong, seluruh negara, Kota Melaka pun. Ini memang, saya berharap sama ada Jadual G atau Jadual H tidak boleh kita benarkan peguam mewakili dua pihak. Ini ada kelemahan. Saya setuju, kelemahan pembeli juga, kerana hendak jimatkan wang, yang pertama.

Yang kedua ialah pemaju sendiri tidak menggalakkan pembeli berbuat demikian, itu masalah kita. Dengan kita mengakui bahawa dengan adanya CCC ini sama ada arkitek, jurutera ataupun *surveyor*, mereka mesti ada *honour* dan integriti. Kalau tidak ada, kita habis. Tadi saya kata mungkin ada *honour* dan integriti, saya berharap semua profesional yang terlibat dengan projek-projek perumahan mempunyai *honour*, integriti, tanggungjawab untuk menjaga kepentingan bukan sahaja dengan profesion sendiri bahkan pembeli-pembeli. Itu memang suatu perkara yang penting, dan tidak akan wujud tekanan daripada pihak pemaju. Tidak akan wujud. Saya berharap demikian.

Sebelum ini saya pun ada nampak .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Amboi! Awat panjang sangat Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Mesti ada banyak kerana menghadapi masalah bertahun-tahun. Sebelum saya nampak ada CFO sementara. Saya pun pening kepala, CFO macam mana ada sementara. Tetapi di banyak tempat ada. Di dalam undang-undang tidak ada, tapi amalannya ada. CFO di Jerai pun mungkin ada sementara daripada pihak berkuasa tempatan. Saya pun hairan mengapa ada CFO sementara. Sebab itu hari ini, saya menekankan bahawa jangan kita membenarkan CCC sementara pula.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat kadang-kadang pihak berkuasa tempatan ini pun tertekan. Pada suatu ketika, bangunan-bangunan ini tidak mematuhi syarat, dan pada masa yang sama, ada pula pembeli-pembeli ini yang berkehendakkan menduduki tempat itu walaupun

tidak sempurna. Jadi sebab itulah dikeluarkan sijil-sijil menduduki sementara atas permintaan pembeli-pembeli. Kadang-kadang Yang Berhormat. Jadi ini menjadi satu masalah yang perlu diselesaikan segera seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Prinsip, memang perlu diselesaikan. Memang ada sesetengah pembeli itu, dia tidak begitu faham. Tekan pihak berkuasa tempatan sehingga pihak berkuasa tempatan pun menjadi lemah sedikit kerana tidak ada itu tujuan, sudah hilang arah tuju, tidak ada prinsip dan membenarkan. Adakah ini kesalahan pembeli? Apa sebab kita ada pihak berkuasa tempatan? Untuk kita menyetujui kepada pihak pembeli, bukan pihak berkuasa tempatan sebagai penjaga kepentingan rakyat. Itu memang penting. Di sinilah memang itu keberkesanan dan peranan dan integriti pihak berkuasa tempatan, 144 buah pihak berkuasa tempatan ini mestilah dipertingkatkan.

Kalau tidak, kelulusan rang undang-undang tidak akan berkesan. Pihak berkuasa tempatan mesti memainkan peranan sebagai penjaga kepentingan orang ramai sama ada di Jerai, Kepong ataupun di lain-lain tempat. Pihak berkuasa tempatan penting, perkhidmatan. Tak lari daripada tajuk. Kerana kelulusan rang undang-undang ini memerlukan pihak berkuasa tempatan lebih berkesan kerana pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan pelan, meluluskan pelan bangunan dan dengan demikian ia haruslah meningkatkan keberkesanan untuk memantau dan menjaga sepenuhnya kepentingan semua pihak. Ini memang penting, pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Banyak lagi ke Yang Berhormat bagi Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai! Sini... tanya sini. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tapi, Yang Berhormat bagi Jerai tak bangun tadi. Ini yang terakhir dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan akan dibuat oleh.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh! Ya...ya. Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi saya nasihatkan Yang Berhormat bagi Kepong, kalau boleh ringkaskan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ringkas? Tetapi kalau masalah begitu rumit, macam mana hendak ringkas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak yang telah dibangkitkan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tetapi tidak ada yang membangkitkan CFO sementara. Tidak ada. Saya tidak dengar. CCC sementara pun tidak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong tidak dengar, tidak boleh pasti. Mereka tidak....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pasti. Saya telah banyak kali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya ada di sini, kecuali bila kita keluar sementara sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa itulah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada langsung. Saya tidak dengar. Sebab ada CCTV di semua tempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ialah, tak kan Yang Berhormat bagi Kepong masuk bilik air pun boleh ikut CCTV.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mana ada CCTV dalam bilik air.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** CCTV mana ada dalam bilik air, nanti terkejut pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak...tidak...tidak....tidak. Saya ini mengenai CFO sementara, CCC sementara mesti dilarang....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Kepong, saya minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai. Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Adakah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan saya, supaya bukan setakat di peringkat meluluskan pelan bangunan dan sebagainya, tetapi di peringkat merancang sesuatu rancangan perumahan atau pembangunan sesuatu bandar baru dan sebagainya, harus mengambil kira faktor-faktor keselamatan, kesejahteraan, EIA yang tidak akan menyusahkan rakyat suatu hari nanti. Contoh kita lihat, apabila projek perumahan itu naik, kemudian hujan lebat, banjir disebabkan oleh mungkin pihak berkuasa tempatan juga tidak menghormati Kementerian Alam Sekitar yang menjaga. Kadang-kadang juga pihak berkuasa tempatan *overrule* pihak ataupun bangkangan daripada pihak alam sekitar. Ini banyak berlaku. Apakah Yang Berhormat juga berpendapat bahawa sesuatu perancangan perumahan ini harus mengambil kira keselamatan penduduk. Contohnya, Shah Alam yang dahulunya tidak banjir, tetapi sekarang ini berlaku banjir disebabkan oleh mungkin faktor-faktor tertentu yang tidak diambil kira oleh pihak yang merancang projek perumahan tersebut. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya memang bersetuju. Apabila kita adakah rancangan pembangunan,

kita mesti mengkaji semua aspek dengan menyeluruh dan kita tidak boleh benarkan pihak berkuasa tempatan melanggar peraturan. Sebenarnya pihak berkuasa tempatan kadang kala tidak EIA pun dia benarkan. Ini masalah kita sekarang. Saya berharap semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan kita mestilah mempunyai integriti. Ini perlu dibuat, kadang kala kita tengok dia di dalam jawatan-jawatan pihak berkuasa tempatan, dia ada perebutan jawatan dan sebagainya dari parti-parti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat bagi Kepong boleh gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baiklah saya hendak gulung juga, tetapi mengenai bagaimana kita meningkatkan integriti dan keberkesanan pihak berkuasa tempatan kita.

Kadang-kadang seolah-olah tidak ada kriteria langsung oleh PBT kita. Saya sebutkan di sini kerana apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, ketika ahli profesional itu buat salah atau keluarkan CCC yang tidak betul dan sebagainya. Di sini siapa yang akan mengambil tindakan? Sama ada PBT ataupun kementerian? Kerana saya nampak walaupun penguat kuasa di kementerian aktif juga, tetapi banyak kali tidak berkesan kerana bilangan penguat kuasa itu tidak cukup. Kadang-kadang kita rujuk kepada penguat kuasa di dalam kementerian, dia kata ini masalah kerajaan tempatan. Itu masalah kita sekarang. Jadi, dengan adanya rang undang-undang ini, adakah ini bermakna lain kali ada masalah kita rujuk kepada kementerian?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sama Kelantan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kepong, saya hendak tanya satu sahaja. Kita hendak menyalahkan siapa, PBT salah kah ataupun arkitek salah kah ataupun jurutera atau pemaju? Contohnya Highland Tower *collapse*, apakah sebab dia tidak kaji lebih awal kekuatan di bawah itu sama ada saluran air atau sungai di bawah bukit? Siapa kita hendak meletakkan dan saya hendak tanya pampasan sudah bayar atau tidak? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini memang satu perkara yang penting. Sehingga sekarang pun tidak selesai lagi, entah berapa tahun. Waktu Highland Tower dibangunkan, di sekitarnya projek-projek tidak ada. Kemudian soalnya dan pokoknya, mengapa PBT luluskan projek-projek di sekitarnya? Dan apabila diluluskan projek-projek di sekitarnya, apakah syarat yang dikenakan? Ini memang penting.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Kepong, boleh saya bagi satu cadangan yang baik untuk kerajaan? Iaitu kita hadapi sekarang bahawa EIA juga dirujuk tentang setiap permohonan sekarang ini terutama sekali bangunan di lereng-lereng bukit. Tetapi boleh atau tidak kita cadangkan kepada kerajaan supaya keputusan EIA

harus diambil kira dan diutamakan. Kalau EIA kata tidak sesuai dan tidak boleh, maka permohonan-permohonan pembangunan perumahan atau pembangunan itu harus ditolak kerana EIA telah membuat kajian risiko-risiko yang akan mendatang kalau sesuatu bangunan itu dibangunkan. Maknanya kalau mereka bersetuju, maka pihak ahli majlis yang meluluskan itu, bolehlah lulus. Tetapi kalau mereka membangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...dan tidak bersetuju, maka saya kira pihak majlis yang meluluskan itu patut menolak permohonan tersebut kerana bercanggah dengan laporan daripada EIA untuk menjaga keselamatan rakyat dan Yang Berhormat bagi Kepong. Setuju atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Peraturan dan kaedah yang ada sekarang mesti dikaji. Apabila kita terima EIA itu, tetapi Yang Berhormat kita mestilah memastikan EIA yang kita terima itu benar-benar membayangkan keadaan sebenar yang dibuat oleh orang-orang yang kita boleh percaya. Yang pertama, kita mesti memastikan EIA itu dibuat oleh orang-orang yang boleh dipercayai dan juga membayangkan keadaan yang sebenar. Kalau itulah yang kita sahkan, pihak PBT atau kementerian tidak sepatutnya menolak. Kaedah untuk mengkaji, mengambil kira EIA dan cadangan-cadangan yang lain mestilah dikaji supaya kaedah ini lebih sempurna. Yang ada sekarang ini tidak cukup sempurna, sehingga timbul masalah bukan sahaja di Highland Tower malah di banyak tempat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Masa cukup tetapi ada banyak lagi untuk kita sebutkan termasuklah percanggahan kepentingan penalti yang disebutkan. Saya memang bersetuju dengan penalti kerana kita perlu satu penalti yang berat untuk mencegah berlakunya penyelewengan. Saya bersetuju dan ini berlainan pendapat dengan Yang Berhormat bagi Pontian dan juga saya hendak mengakhiri ucapan. Saya akan tambahkan lagi, ada banyak rang undang-undang lagi. Esok saya akan tambahkan lagi, tetapi setakat ini untuk menjayakan CCC ini ataupun hidup-hidup ini, kita mestilah meningkatkan penyelarasan dari semua pihak. Penyelarasan dari semua pihak adalah penting sekali, kalau tidak susahlah kita dan rang undang-undang menjadi satu jenis kertas dan dokumen yang diluluskan, tetapi tidak akan membawa manfaatnya. Dengan itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji bagaimana kita dapat menjayakan wujudnya CCC untuk industri perumahan dan pembangunan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**6.37 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah prihatin dan ambil berat tentang isu berkaitan dengan CFO diganti dengan CCC. Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi banyak pandangan dan juga ada teguran, ada juga bangkitkan soalan untuk dapat penjelasan. Saya tidak bercadang untuk jawab satu persatu kerana ada banyak perkara yang disentuh itu ia di luar daripada rang undang-undang ini. Sebenarnya selepas rang undang-undang ini sampai ke giliran Akta Jurutera, Akta Arkitek, Akta Pemajuan, Akta Strata *Title* dan Akta Penyelenggaraan Pengurusan Harta Bersama. Ada banyak perkara yang dibangkitkan tadi sebenarnya adalah dalam bidang itu, bidang masing-masing.

Kalau saya cuba hendak jawab semua, maka ia lari daripada tajuk dan undang-undang yang lain itu, yang lebih spesifik itu sebenarnya sudah memberi peluang yang secukupnya nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ledang, Pontian, Tanjong, Tanah Merah, Kuala Langat, Tangga Batu, Bukit Bintang, Bagan dan Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan banyak isu. Saya cuba hendak menjawab secara menyeluruh untuk merangkumi perkara-perkara kalau saya sudah sentuh yang secara bersama, walaupun dikemukakan dengan *presentation* yang lain supaya saya tidak akan berulang setiap kali.

Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Pontian dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah sentuh bagaimana profesional yang diberi tugas ini akan betul menjalankan tugas ataupun Yang Berhormat bagi Pontian kata supaya jangan hanya *the principle submitting person*. Seorang sahaja yang dihukum kerana beberapa peringkat ada orang yang berlain termasuk kontraktor, termasuk juga profesional dan yang lain juga turut terlibat. Di bawah sistem ini, sebenarnya perunding orang utama yang mengemukakan pelan iaitu *principle submitting person*, dia merupakan orang yang mengemukakan pelan dan dia merupakan orang yang perlu menyelaras dan mengesahkan selepas semua pihak lain yang terlibat itu masing-masing memberi pengesahan dalam setiap peringkat masuk dalam bidang kuasa mereka.

Satu Borang G ataupun terdapat 21 borang akan menjadikan satu pakej yang menyeluruh di bawah Borang G ini perlu disempurnakan oleh semua pihak yang bertanggungjawab masing-masing dan *principal submitting person* tidak akan hanya seorang bertanggungjawab pada semua perkara yang dilakukan mungkin oleh orang lain. Dengan ada satu metrik di mana setiap peringkat terdapat orang yang bertanggungjawab itu mereka tetap perlu memegang tanggungjawab. Sebagai contoh kalau dia merupakan mengenai pengesahan dari segi struktur bangunan dan di bawah jurutera, walaupun arkitek merupakan orang yang *principal submitting person* kalau sesuatu sudah berlaku di bawah tanggungjawab jurutera, jurutera tetap akan memegang tanggungjawab dan bukan arkitek kena memikul semua beban.

Katakan sebagai contoh, satu projek arkitek merupakan *principal submitting person*, apabila projek itu sudah tamat arkitek itu katalah dia sudah tak ada sama ada meninggal dunia

ataupun dia tak dapat kita cari. Kita boleh *trace back* setiap peringkat siapa yang sahkan di peringkat itu. Kalau jurutera, kalau kontraktor *trace* setiap *level*, dapat kita *trace back* dan mereka juga akan dipegang. Jadi sistem ini telah kita bincang dengan panjang lebar.

Dalam dua tahun kebelakangan ini sudah banyak kita kaji. Apa yang orang lain buat, apa kelemahan dan apakah keadaan di Malaysia ini yang dikatakan lebih sesuai dan sudah banyak bincang dengan para profesional, bincang juga dengan semua pihak yang terlibat. Maka kita dapat hasilkan satu sistem ataupun satu cara mekanisme yang agak seimbang dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada perunding akan melewatkan pengeluaran sijil, kemungkinan ini akan jadi amat minimum kerana merekalah yang seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sudah kata lebih kuatir mereka ini mungkin lebih memihak kepada pemaju. Jadi kalau terdapat pandangan itu tak akan perunding ini akan cuba melewatkan. Akan tetapi oleh kerana ada *check and balance* PBT mempunyai kuasa *check and balance*, pemaju sendiri lagi lebih amat mementingkan sama ada tarikh serah rumah itu atau *vacant possession* itu *on time* atau tidak ada. Jadi ini ada banyak *sell regulation* dan *check and balance*. Pada akhirnya yang kata lewat itu yang disebabkan oleh *principal submitting person* itu peluang adalah amat minimum daripada kajian kami.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan. Yang Berhormat pernah mendengar bahawa ada pemaju berhutang profesional *fees* kepada perunding-perunding. Sekiranya ini berlaku maka mungkin perunding-perunding akan *hope the developer for ransom*, kalau tak bayar apa yang saya tuntutan saya tak mahu *sign* CCC. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sebenarnya saya sudah hendak sampai situ. Ada peranan yang penting dimainkan oleh lembaga profesional. Lembaga Arkitek dan Lembaga Jurutera dan ini akan dapat dijawab dengan lebih jelas lagi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang baru masuk ini. Kalau ada sesuatu yang tak kena, kalau profesional tidak ikut profesionalisme maka mereka boleh di lapor dan dirujuk kepada lembaga profesional yang berkaitan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya satu soalan yang mudah sahaja sebab saya pun tertanya-tanya daripada tadi. Sebenarnya siapa yang sepatutnya ataupun yang diberi tanggungjawab utama untuk mengemukakan pelan. Adakah jurutera, adakah arkitek ataupun PMC dan sebagainya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Melalui perbincangan dan juga amalan selama ini memang sudah ada senarai tetap bidang apa siapa kemukakan. Sebagai contoh, mengikut Lampiran A bidang tugas adalah arkitek menjadi orang yang mengemukakan biasanya mereka adalah

bertanggungjawab. Di sini ada senarai yang dapat saya, dia panjang. Perumahan biasa, pangsapuri, *apartment*, sebagai contoh bas terminal, *building* dan bangunan-bangunan biasa yang kita nampak itu adalah arkitek dan mengikut lampiran B adalah jurutera. Kalau jurutera dia lebih kepada projek yang amat struktur.

Sebagai contoh *airport runway*, *car parking areas*, *causeways* dan sebagainya ini merupakan banyak bergantung kepada struktural. Maka adalah arkitek. Juga terdapat senarai di mana arkitek dan jurutera, dua-dua boleh mana-mana satu pun boleh ada satu senarai C. Jadi ini adalah amat jelas dan telus. Tidak tergantung kepada *discretion* mana-mana. Ini tetap, Kementerian Kerja Raya lebih mahir dalam itu. Jadi saya memang ada senarainya.

Kemudian semasa berbahas tadi Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah bertanya. Walaupun banyak soal jawab telah dilakukan banyak jawapan telah diberi bagi pihak saya. Saya tak payah jawab, tapi ada satu soalnya mengenai kepentingan orang ramai. Dia kata akan jadikah tidak nanti, penghuni dapat rumah macam dahulu belum ada CFO. Jadi di bawah sistem ini akan terjadi atau tidak. Jawapannya ialah tidak. Sebenarnya sistem ini telah membetulkan dan akan mencegah kelemahan ini di mana CCC ia hanya boleh dikeluarkan kalau rumah itu telah pun selamat dan layak untuk diduduki baru dia boleh keluar. Apabila dia keluar baru dia serah kunci. Dahulunya dia boleh serah kunci dahulu. Sekarang dia kena buat secara serentak. Dia tidak boleh tunggu satu dahulu satu kemudian.

Sebenarnya kalau kita tengok dalam seksyen 70 subseksyen 27F, pindaan kita masukkan seksyen baru ini telah memastikan sesuatu bangunan yang boleh diduduki itu kena pastikan ada CCC ataupun CCC sebahagian. Yang Berhormat bagi Pontian merupakan seorang jurutera. Beliau telah mengemukakan perkara yang amat kena pada tempat. Memang ini adalah satu cabaran yang besar. *Real professional*. Ini *is a real test* dengan izin *the part of integrity*. Sebenarnya profesional pada mulanya telah amat berhati-hati. Mereka telah beri banyak pandangan dan maklum balas sehingga mekanisme ini seimbang. Baru mereka dapat terima tanggungjawab ini. Tadi saya telah jelaskan supaya semua yang bertanggungjawab itu dia tidak akan hanya seorang sahaja yang pegang tanggungjawabnya.

Satu soalan yang telah ditanya kalau mereka menyeleweng, kiranya ada *black sheep* kalau dia buat sesuatu yang tak betul, itulah tujuan pindaan ini yang utama. Apabila kewajipan itu telah diserahkan kepada profesional maka pada masa yang sama akta yang kita sedang bincang, Akta Profesional dan juga akta lain semuanya sekali gus dipinda supaya dia mempunyai *check and balance* secukupnya dan penalti adalah setimpal dan juga dia tidak akan mengabaikan kepentingan mana-mana satu pihak.

Ini telah di bincang agak lama. Jadi, saya ingin meyakinkan Dewan ini bahawa bukan sahaja penalti tinggi sehingga RM250 ribu, saya bersetuju Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kata RM250 ribu itu tidak ada apa bagi orang kaya. Tapi jangan lupa bersama-sama dengan RM250 ribu hukuman itu juga ada 10 tahun penjara. 10 tahun penjara itu bukan ringan dan

tambahan pada itu, sebenarnya saya tidak mahu sentuh tetapi untuk memperkuatkan lagi jawapan saya, apabila nanti kita bincang Akta Profesional selepas ini.

Kalau seseorang profesional dia digantung daripada pendaftaran, dia tak boleh lagi menggunakan profesionalismenya dan itu adalah juga satu hukuman yang berat. Jadi dia bukan sekadar hanya satu aspek sahaja dia kena hukum. Ada hukuman yang lain. Sebenarnya apabila sampai ke masa kementerian saya membentangkan Akta Pemajuan Perumahan, di situ juga ada beberapa pindaan yang juga memperketat akta itu sehingga pemaju pun tidak boleh dilepas dengan begitu senang. Jadi kalau kita tengok enam undang-undang yang telah disebut-sebut untuk membolehkan CCC ini jadi satu realiti dan supaya berjaya, semua akta itu, kesannya secara sama iaitu jumlah secara gabungan, kesan tiap-tiap satu akta itu kena diambil kira dan bukan kita tengok hanya satu akta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya memang kerajaan sedang menambah kakitangan di PBT iaitu teknikal staf. Ini adalah satu hasrat kerajaan supaya PBT mempunyai sumber tenaga yang cukup mahir walaupun perkara ini telah pun merupakan satu perubahan. Kita tetap akan terus meningkatkan keberkesanan atau pun sistem penyampaian di peringkat PBT.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Tanjong, dia sudah sebut mengenai cara Yang Berhormat bagi Tanjong memberi pandangan juga nampak agak *buyers*. Beliau sudah dengan awal-awal sekali kata ini akta telah lobi oleh siapa, lobi oleh siapa. Saya rasa perlulah kita lebih rasional, lebih objektif. Dia tidak benar sama sekali bahawa akta ini bertujuan untuk memindahkan beban atau sesuatu kelemahan yang tidak diatasi itu kepada badan profesional begitu sahaja. Kalau kita betul-betul faham apa yang kita pinda hari ini, akta ini adalah seimbang. Dan bukan kita kata tidak ada CFO lagi. Kesan CFO, fungsi CFO itu masih ada tetapi dia sudah diganti dengan CCC. Dan CCC itu masih memberi kesan yang baik untuk melindungi penghuni dan juga pembeli. Akta Strata Title kemudian akan menerangkan lebih lanjut hal-hal yang berkaitan dengan Strata Title. Jadi, sabarlah sedikit Yang Berhormat apabila sampai ke akta itu, beberapa soalan boleh dijawab.

Dakwaan bahawa profesional akan lebih menjaga tauke. Saya telah sebut tadi, profesional dia ada profesionalismenya. Kalau dia tidak ikut, dia sudah ada mekanisme, boleh rujuk mereka kepada Lembaga Profesional dan sebagainya. Banyak soalan ke arah itu, saya rasa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bila sampai giliran, mungkin boleh beri jawapan yang lebih profesional kerana itulah bidang profesionalnya. Dan di bawah pindaan ini, sesiapa kalau cuba memberi presentasi yang palsu, kalau sekiranya mereka buat sesuatu laporan yang menyebabkan pengeluaran CFO itu berdasarkan sesuatu maklumat atau presentasi yang palsu, tidak kira mereka siapa. Sama ada dia arkitek, *engineer*, pemaju, kontraktor, mereka boleh dikenakan tindakan dan penalti yang tinggi itu tetap akan juga boleh dikenakan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu salah faham...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan, penjelasan. Sekiranya seseorang profesional itu dia cuai dalam membentangkan dokumen-dokumen, siapa ada *right* atau ada kuasa untuk melaporkan hal ini? Sama ada pembeli rumah atau pihak berkuasa tempatan yang perlu mengambil inisiatif untuk melaporkan kelakuan yang curang ini?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bergantung pada apa kesalahan. Kalau kesalahan itu adalah di dalam bidang kuasa jagaan pihak berkuasa tempatan, maka pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan untuk mendakwa mereka atau bertindak terhadap mereka. Kalau dia berkaitan dengan profesionalisme, maka boleh rujuk kepada Lembaga. Kalau sekiranya kesalahan itu melibatkan Akta Pemajuan Perumahan, maka kementerian saya akan mengambil tindakan. Jadi, dia terpulang pada *the nature of the offence*. Itu kena kita tengok apa penyelewengan telah berlaku.

Saya ingin jelaskan, saya dengar apa yang telah di bahas tadi, telah dapat satu gambaran atau satu salah faham terhadap seksyen 70 subseksyen 25 dan 24 yang mengatakan kalau pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan, di sini kata seksyen 70(24) kata - jika arahan sebut dalam perenggan itu tidak dipatuhi, orang utama yang mengemukakan pihak PBT sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan dan subseksyen 25 kata, kos melaksanakan kerja atau mengambil langkah yang tersebut dalam subseksyen 24 hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.

Pemunya bangunan ini bukan pembeli rumah, bukan *house buyers* dengan izin. Dia adalah pemaju. Kerana pada peringkat itu, rumah atau bangunan itu belum serah lagi. Pada masa itu *intervention* telah dijalankan oleh PBT dan PBT tetap akan buat sesuatu dan kos ditanggung oleh pemunya. Pemunya adalah masih lagi pemaju. Dia belum serah hak milik dan juga rumah kepada pembeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih. Ya, memang pada peringkat awal sebelum rumah itu diserahkan kepada pembeli, ia dimiliki oleh pemaju. Tetapi, ada sesetengah *defect were surface* selepas beberapa tahun. Mungkin dua tahun, tiga tahun. Selepas rumah itu diserahkan kepada pembeli atau *ditransfers*, dipindah milik kepada pembeli, dalam keadaan ini, subseksyen 25 akan mengenakan kos melaksanakan kerja itu ke atas pembeli-pembeli rumah. Pembeli-pembeli rumah akan dikenakan untuk menanggung kecuai orang yang mengemukakan *application*. Apakah pendirian Yang Berhormat Menteri atas keadaan ini, iaitu selepas itu, *the defect of surface after the transfers of the house to the purchaser*, dalam keadaan ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya ingat kita kena faham apa dia syarat-syarat CCC atau pun syarat-syarat CFO. Syarat-syarat yang ditetapkan apabila sesuatu pelan bangunan

diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan syarat-syarat teknikal telah pun dikenakan oleh semua jabatan teknikal. Dan kemudian dari segi definisi keselamatan layak untuk menduduki semua telah dengan jelas dikenakan sebagai syarat. Apabila syarat-syarat ini telah memenuhi maka PSB (*Principle Submitting Person*) dia sah keluarkan. Dan kali ini dia bukan lagi macam dahulu pihak berkuasa tempatan kalau keluar CFO ada apa-apa kesalahan pihak berkuasa tempatan tidak boleh didakwa. Tidak orang boleh buat apa terhadap pihak berkuasa tempatan. Sekarang ini PSB kerana dia yang mengeluarkan dia telah pun dikenakan undang-undang yang begitu ketat dan mereka boleh didakwa kalau bukti itu cukup bahawa mereka telah mengesahkan sesuatu dengan tidak betul. Ataupun seseorang kontraktor itu telah beri *presentation* palsu sehingga PSB telah percaya pada mereka sudah sah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau bukti ini semua ada di bawah undang-undang yang sedang dipinda ini mereka boleh didakwa. Kalau sekiranya rumah itu bila serah kunci nampak semua elok tidak nampak apa pun. Selepas dia duduk untuk satu ketika baru dapat sesuatu kecacatan *defect liability*. Kalau dia masih dalam *defect liability period* maka di bawah Akta Pemajuan Perumahan ini juga akan dipinda selepas ini ialah untuk meningkatkan lagi kuasa tribunal tuntutan pembeli rumah. Tribunal tuntutan pembeli rumah saya akan mencadangkan ke Parlimen ini diberi kuasa lebih tinggi setiap klausa boleh dengar sampai RM50,000 *every cost* tuntutan. Dan di situ masih kita boleh pegang pemaju selain daripada akta ini masih ada kesan dan satu lagi akta untuk mengenakan pada pemaju. Jadi semua ini sudah kita dengar kerana penguat kuasa kementerian saya sudah terima begitu banyak aduan bagi beberapa tahun iaitu lima tahun kebelakangan ini selepas pindaan yang lalu. Maka elemen baru dan juga hukuman lebih berat, kuasa lebih tinggi semua itu telah pun diambil kira. Maka saya rasa apabila kita sampai ke Akta Pemajuan akan dapat satu gambaran yang lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua beberapa Ahli Yang Berhormat telah sentuh tentang kawasan bukit lereng, tanah paya dan semua. Ini sebenarnya semua di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa. Dia sudah ada garis panduan rancangan untuk tanah lereng bukit, tanah tinggi di kawasan sensitif *environment* saya rasa dia sebenarnya di luar daripada CCC ini. Perkara mengenai *servicing* parit, cukai pintu itu pun sebenarnya dia bukan di bawah tajuk CCC ini. Tadi beberapa soalan telah dijawab antara Yang Berhormat bangkit minta penjelasan. Tetapi saya tetap ambil kiralah banyak pandangan-pandangan yang prihatin tentang bagaimana kita boleh menjamin kepentingan orang ramai terutamanya pembeli-pembeli rumah. OFC memang kementerian sedang memantau. Konsep OFC ialah supaya jangan ada birokrasi jangan tiap-tiap peringkat perlu pergi pada satu bahagian atau jabatan. Dan CCC ini memang ialah untuk memendekkan birokrasi dan ini merupakan satu perkara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah

berulang kali bangkit sistem penyampaian awam untuk pihak berkuasa tempatan. Dan ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan keupayaan dan juga *competitiveness*.

Jadi apa-apa cara yang melibatkan terlalu banyak sangat pengesahan oleh pegawai dia tentulah akan bercanggah dengan semangat untuk kita mengenakan CCC ini. Dan banyak perkara lain mengenai etika profesionalisme itu saya serah kepada kementerian yang lain. Apa yang disyaratkan untuk CFO masih sama juga apa yang syarat teknikal kena pada CFO untuk sebelum dikeluarkan tetap akan dikenakan juga pada CCC termasuklah bekalan air, bekalan elektrik, pembetulan dan sebagainya. Dalam pada itu satu mekanisme garis panduan lebih jelas untuk mengkoordinasikan semua syarikat *public utility* ini tetap diadakan untuk melicinkan lagi. Dan kementerian saya akan buat satu *road show* selepas dapat kita pinda akta ini kepada untuk pihak berkuasa tempatan dan untuk semua *players* yang berkenaan supaya semua pihak mempunyai satu gambaran yang jelas mengikut satu prosedur yang seragam. Banyak perkara *overlapping* saya telah jawab. Mengenai Yang Berhormat bagi Bagan apa yang disebutkan saya sebenarnya sudah jawab tadi dalam masa saya menjawab soalan orang lain bagaimana pembeli rumah dapat terjamin dia punya kepentingan.

Yang Berhormat bagi Kepong telah bangkit beberapa perkara yang peguam itu telah dijawab oleh seorang peguam telah bantu dengan betul sebenarnya itu satu contoh yang bukan sesuai untuk banding dengan arkitek ini. Pihak berkuasa tempatan tetap mempunyai kewajipan yang berat juga masih dan semua akta yang akan dipinda sekali gus tetap memberikan kesan pada banyak soalan yang telah timbul tadi. Yang satu perkara dibangkit oleh Yang Berhormat Kepong ialah *temporary CF*. Di bawah pindaan ini kementerian saya telah mencadangkan mansuhkan CCC sementara kerana CCC sementara dahulu dia punya tujuan ialah untuk sementara iaitu syarat nampaknya sudah hampir mencukupi. Cuma kerana hanya sesuatu itu perlu sedikit masa lagi untuk dipenuhi akan diberi CF penuh tetapi DCF nampaknya kerap kali diguna sehingga lebih daripada tujuan yang sebenar. Jadi di bawah pindaan hari ini kita tidak lagi ada CCC sementara supaya penyimpangan tidak lagi berlaku. Memang adalah jadi hasrat kerajaan termasuk kementerian saya supaya semua YDP mempunyai integriti. Sebenarnya YDP yang berintegriti ini satu perkara yang disebut oleh Perdana Menteri awal-awal lagi itu sebabnya kita ada Pelan Integriti Nasional. Dan Pelan Integriti Nasional ini telah pun diamalkan dan pemimpin di peringkat pihak berkuasa tempatan, pegawai-pegawai kanan pihak berkuasa tempatan telah pun menyertai usaha kerajaan ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri saya hanya ingin tanya di bawah Fasal 2 (c) *Partial certificate of completion and compliance*. Kenapa dalam rang undang-undang ini kita masih ada *partial CCC*? Jadi macam mana ini dilakukan oleh seseorang profesional dari segi mengeluarkan *partial CCC*? Sama ada pembeli rumah boleh masuk rumah untuk duduk dalam rumah itu ataupun macam mana. Sila terangkan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang CCC sebahagian itu lain daripada CCC sementara. Tidak ada CCC sementara seperti saya kata dan *partial* CCC itu bukan untuk satu rumah yang sudah siap dapat dia dapat *partial*. Kalau dia dapat CCC dia dapat CCC penuh. Ini untuk projek kalau ada sebahagiannya telah memenuhi mungkin dia ada sebahagian lagi masih dalam perjalanan maka kita perlu mengeluarkan CCC bagi bahagian yang sudah selesai dalam satu projek besar dia ada campuran dan sebagainya kita kena timbang juga CCC sebahagian itu. Projek besar dia bukan satu rumah dia satu projek jadi dia membolehkan dalam pada itu. Yang Berhormat daripada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa memang kerja-kerja pembaikan telah dibuat dan memperkenalkan CCC itu sebagai satu cara dan ia disambut baik oleh industri. Soalan saya memandangkan sistem yang ada sekarang jurutera sendiri boleh mengemukakan pelan bangunan untuk bangunan tertentu seperti kilang-kilang adakah sistem ini masih dikekalkan ataupun mereka perlu mengemukakan bangunan pelan bangunan itu melalui arkitek kerana dalam soal ini kita belum dapat satu perkara yang melebihi satu ketetapan. Adakah sistem yang ada masih dikekalkan terima kasih?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Prinsip pengeluaran CCC ini ialah siapa yang mengemukakan pelan itu kepada PBT. Orang yang sama itu adalah orang keluaran CCC. Kalau dia arkitek dia arkitek, kalau dia jurutera yang mengemukakan jurutera itulah yang keluaran CCC. Kita tidak benarkan orang yang mengemukakan pelan kemudian orang lain pergi keluar CCC. Jadi dia bukan merupakan profesional yang betul-betul tahu seluruh projek itu dengan mendalam dan dengan mahir.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi yang saya telah secara ringkasnya jawab dan banyak perkara kita boleh bincang lagi dalam akta-akta lain. Di mana kita boleh masuk lebih *detail* dalam pembangunan perumahan. Jadi itu sahaja penggulungan saya terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob ]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob ] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 14 -**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 1 iaitu tujuan pindaan ini adalah untuk mencapai keseragaman undang-undang dan dasar untuk pihak kerajaan tempatan. Saya rujuk kepada Fasal 1(3) di mana akta ini boleh berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh menteri bagi satu-satu negeri. Maksudnya akta ini akan diguna pakai tidak seragam untuk setiap negeri dan juga bagi Fasal 4 walau apa pun subseksyen (3) pihak berkuasa negeri boleh mengambil tiga langkah yang didapati dalam Fasal ini iaitu (a), (b), dan (c) di mana menunjukkan bahawa PBT atau pun negeri mempunyai kuasa yang bolehlah mengecuali ataupun memperluaskan mana-mana peruntukkan akta ini kepada kawasan yang tidak di bawah mana-mana PBT. Jadi nampaknya wujud satu keadaan bahawa tidak keseragaman yang hendak dicapai melalui pindaan ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit ulasan mengenai perkara ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, oleh kerana hal kerajaan tempatan di bawah perlembagaan adalah di bawah pihak berkuasa negeri, maka undang-undang ini perlu mematuhi perlembagaan dan pihak kerajaan persekutuan perlu berunding dengan kerajaan negeri untuk menyeragamkan jadual untuk dimulakan selain daripada tarikh gazet dan sebagainya. Kementerian saya memang boleh menggunakan saluran Majlis Negara bagi kerajaan tempatan. Apabila majlis kerajaan bagi kerajaan tempatan bersidang maka semua wakil ketua-ketua ataupun menteri besar akan hadir. Di situ dapat kita menyeragamkan tarikh dan bagaimana kita boleh kita menjalankan undang-undang ini tetap adalah seragam untuk semua negeri. Kita akan cuba dapatkan tarikh keseragaman. Terdapat juga kawasan dalam sesuatu di sebuah negeri dia belum dirangkumi dalam pihak berkuasa tempatan. Jadi untuk pihak berkuasa tempatan menjalankan kuasa dan fungsinya ia perlu adalah kawasan itu sama ada sebagai kawasan kawalan atau kawasan operasi PBT. Jadi undang-undang ini perlu untuk memperuntukkan supaya aspek undang-undang itu kena dipatuhi. Walau bagaimanapun pada akhirnya keseragaman itu tetap akan dapat di selaraskan dengan baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Fasal 5 mengenai Pihak Berkuasa Tempatan seperti:

- (c) subseksyen (22) berhubung dengan kuasa pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan dan
- (d) subseksyen (23) memberi pihak berkuasa tempatan kuasa untuk mengeluarkan notis bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk membetulkan apa-apa ketidakpatuhan peruntukkan Akta 133 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan arahan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu diperbetulkan dan seterusnya
- (e) subseksyen (24) yang kena mengena dengan itu membetulkan ketidakpatuhan dan sebagainya.

Saya bangkitkan hal itu kerana tiap- tiap kali saya pergi ke pihak negeri dan pihak tempatan termasuklah Majlis Perbandaran di Selayang dan sebagainya. Tiap-tiap kali saya pergi mereka seolah-olah tidak ada kuasa untuk berbuat apa-apa untuk membetulkan keadaan. Ini merupakan satu perkara yang sering kali timbul. Saya tidak tahu dengan kelulusan ini seperti Fasal 5 Yang Berhormat Menteri bagaimana dapat mengerakkan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan? Ini memang tiap-tiap kali kita menghadapi masalah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya ada sebut tadi selepas akta ini dipinda, kementerian saya akan mengadakan taklimat kepada semua pihak berkuasa tempatan dan kementerian akan memantau sejauh mana undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kementerian saya juga akan dapat kerjasama dari pihak berkuasa negeri supaya kita sama-sama memantau kalau ada kelemahan kita akan cuba membetulkan berdasarkan maklumat yang akan kita dapat pada masa akan datang.

**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Majlis Mesyuarat bersidang semula. Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.20 ptg.**

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, ada yang menyokong?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, terus.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967, dibacakan kali yang kedua sekarang dan sejak diperbuat Akta Arkitek dalam tahun 1967 yang saya akan rujuk sebagai Akta 117, negara telah mengalami perubahan dan perkembangan kepada profesion seni bina melalui pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta 117 itu. Pindaan-pindaan yang telah dibuat, masing-masing mempunyai latar belakang yang tersendiri dengan pertimbangan dan kewajarannya yang tidak sekali-kali merencatkan malah memperkasakan keutuhan profesion

seni bina kerana berjaya memenuhi kehendak masyarakat dan negara. Sungguhpun demikian, kerajaan sentiasa prihatin dengan perubahan semasa yang sememangnya perlu dibuat dari masa ke semasa. Perubahan dan ubahsuai kepada pertimbangan dan kewajaran yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sekali lagi kerajaan dalam persediaannya menerima perubahan dengan sikap terbuka dan positif membentangkan dalam Dewan yang mulia ini cadangan pindaan kepada Akta 117. Pindaan kepada Akta 117 ini lebih merupakan pindaan berbangkit dalam memperkemaskan pelaksanaan kepada sistem pengeluaran, perakuan siap dan pematuhan dengan izin *Certificate of Completion and Compliance* atau dinamakan CCC oleh para profesional bagi menggantikan perakuan kelayakan menduduki *Certificate of Fitness for Occupation* yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sebahagian besar daripada pindaan ini tertumpu pada memperkemaskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada khususnya yang berhubung dengan prosedur, penyiasatan dan disiplin bagi memastikan profesional yang terlibat iaitu para arkitek profesional, arkitek graduan, pelukis pelan bangunan dan juga pereka bentuk dalaman dengan izin *interior designer*. Lebih *responsive* dan bertanggungjawab terhadap syarat-syarat teknikal, projek-projek dan tugas-tugas yang dikendalikan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal yang ke 2, bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 117 untuk memasukkan pereka bentuk dalaman sebagai kategori tambahan profesional yang memberikan perkhidmatan reka bentuk dalaman bangunan.

Fasal yang ke 3, bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi menggantikan takrif *registered architect* dengan izin, di mana-mana jua terdapat dengan perkataan *graduate architect* untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan orang awam yang menganggap *registered architect* sebagai arkitek profesional yang berkelayakan untuk memberikan perkhidmatan perunding seni bina. Ini adalah kerana arkitek *graduate* masih belum berkelayakan untuk mengemukakan pelan kepada PBT. Pihak berkuasa tempatan dengan pelaksanaan pengeluaran CCC oleh arkitek profesional. Dengan pindaan kepada takrif itu, ia akan dapat mengelakkan apa-apa kekeliruan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan untuk meminda Akta 2, Akta 117:-

- (i) dengan menggantikan perkataan *registered building draughtsman* di mana-mana jua terdapat dengan perkataan *building draughtsman*;
- (ii) dengan meminda takrif *building draughtsman* yang sedia ada dengan takrif yang berikut iaitu:

*“Building draughtsman” means any person  
dengan izin, whom the Board in its absolute discretion*

*may deem desirable to register under Part V having regard to his qualification and experience and to the requirements of any Building Authority;*

(iii) 4(3) dengan memasukkan takrif baru yang berikut:

*"Graduate architect" dengan izin, means a person registered under subsection 10(1);*

*"Interior designer" dengan izin, means a person registered under Part VA;*

*"Institut Pereka Bentuk Dalaman Malaysia" shall include any institute, body of society succeeding it and approved by the Minister;*

*"Malaysian Society of Interior Designers" dengan izin Tuan Yang di-Pertua, shall include any institute, body or society succeeding it and approved by the Minister.*

Untuk menyesuaikan dengan peruntukan-peruntukan yang lain, Fasal 5 dan 6 masing-masing bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian II dan seksyen 3, Akta 117 yang melibatkan perubahan Lembaga Arkitek kepada Lembaga Arkitek Malaysia dan keanggotaan Lembaga Arkitek Malaysia turut dipinda dalam Fasal 6. Rang Undang-undang Lembaga akan terdiri daripada antara lainnya:

- (i) lima orang arkitek profesional daripada perkhidmatan awam, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun;
- (ii) lapan orang arkitek profesional daripada pengamal swasta dan seorang ahli yang dilantik daripada pereka bentuk dalaman yang telah mengamal dengan pihak swasta untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 117 bagi memperuntukkan diadakan Buku Daftar Pereka Bentuk Dalaman. Pindaan dalam subseksyen yang sama menetapkan segala *fee* yang hendak dikenakan oleh pereka bentuk dalaman dengan kelulusan Menteri serta melantik satu majlis mengendalikan peperiksaan bagi kemasukan dalam profesion dan peperiksaan lain.

Fasal 8, bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 117 dengan beberapa pindaan berbangkit berhubung dengan tugas Pendaftar Arkitek yang juga termasuklah pendaftaran, pembatalan, dan pemasukan semula pendaftaran Pereka Bentuk Dalaman ke dalam daftar lembaga.

Fasal 9, bertujuan untuk meminda seksyen 7A Akta 117 khususnya untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib daripada tidak melebihi RM10,000

kepada tidak melebihi RM50,000 ke atas mana-mana pengamal perunding seni bina dan menambah tempoh penggantungan pendaftaran mana-mana pengamal perunding seni bina daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi dua tahun sebagai langkah pencegahan selaras dengan pelaksanaan pengeluaran CCC oleh arkitek profesional dan pelukis pelan bangunan di mana berkaitan.

Fasal 10, bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 117 untuk membuat pembetulan kepada ejaan "*amalgamation*".

Fasal 11, bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 117 untuk menggunakan perkataan "*determined*" untuk membolehkan lembaga menjalankan fungsinya secara fleksibel dalam urusan pentadbiran.

Fasal 12, bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 117 untuk memasukkan perakuan palsu atau cuai sebagai satu alasan bagi tindakan tatatertib dan untuk menambah penalti yang hendak dikenakan oleh jawatankuasa ke atas seorang Arkitek Profesional atau Arkitek Graduan khususnya menaikkan denda daripada tidak melebihi RM10,000 kepada tidak melebihi RM50,000 serta menambah tempoh penggantungan pendaftaran daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi dua tahun.

Fasal 13, bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 117 untuk menyelaraskan kemasukan semula pendaftaran mana-mana Arkitek Profesional dan Arkitek Graduan yang namanya telah dikeluarkan daripada daftar setelah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga.

Fasal 14 & 15, bertujuan untuk meminda seksyen 20 dan 22 Akta 117 supaya perkataan "*building draughtsman*" diselaraskan dalam Akta 117 dan menggantikan perkataan "*be prescribe*" dengan "*be determined*" bagi membolehkan Lembaga menjalankan fungsinya secara fleksibel dalam urusan pentadbiran.

Fasal 16, bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 117 yang berbangkit daripada pindaan kepada takrif "*Building Draughtsman*". Ini bererti bahawa seorang pelukis pelan bangunan yang diberi kuasa secara khusus di bawah Ordinan Arkitek 1951 dan seseorang pelukis pelan bangunan di Sabah dan Sarawak yang menjalankan amalan atau perniagaan sebagai pelukis pelan dan bangunan bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum 1 Oktober 1973 tidak lagi diiktiraf sebagai seorang "*building draughtsman*" jika dia tidak didaftarkan di bawah Akta 117 apabila akta ini mula berkuat kuasa.

Fasal 17, bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 117 untuk memperkemas siasatan dan tindakan tatatertib yang boleh diambil terhadap seorang pelukis pelan bangunan yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia. Pindaan ini juga bertujuan menambah denda daripada tidak melebihi RM5,000 kepada tidak melebihi RM25,000 dan tempoh penggantungan pendaftaran yang boleh dikenakan ke atas pelukis pelan bangunan daripada satu tahun kepada

dua tahun sebagai langkah pencegahan selaras dengan pelaksanaan pengeluaran CCC oleh para profesional.

Fasal 18 &19, bertujuan untuk meminda seksyen 26 dan 26A Akta 117 adalah pindaan berbangkit.

Fasal 20, bertujuan untuk mewujudkan bahagian baru VA khususnya bagi mereka bentuk dalaman yang memperuntukkan bagi:

- (i) sekatan ke atas pereka bentuk dalaman yang tidak berdaftar;
- (ii) daftar pereka bentuk dalaman;
- (iii) pendaftaran pereka bentuk dalaman;
- (iv) kelayakan pereka bentuk dalaman;
- (v) pengamal perunding pereka bentuk dalaman;
- (vi) pengeluaran daripada daftar;
- (vii) pemasukan semula; dan
- (viii) sijil pendaftaran mana-mana pereka bentuk dalaman yang hendaklah dipulangkan jika namanya dikeluarkan daripada senarai daftar.

Fasal 21, bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 117 untuk menjadikan sesuat kesalahan kepada mana-mana orang, tuan punya tunggal, perkongsian atau pertubuhan, perbadanan yang menyamar sebagai pereka bentuk dalaman dan membeli atau memperoleh secara *fraud* sijil pendaftaran yang dikeluarkan kepada pereka bentuk dalaman yang lain.

Fasal 22, bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 117 bagi menaikkan denda daripada tidak melebihi RM5,000 kepada tidak melebihi RM10,000 ke atas mana-mana orang tuan punya tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang melanggar peruntukan akta atau peraturan-peraturannya yang tiada penalti diperuntukkan secara nyata.

Fasal 23, bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi membatalkan dengan serta-merta pendaftaran pereka bentuk dalaman dan pengamal perunding reka bentuk dalaman sekiranya pereka bentuk dalaman dan pengamal perunding reka bentuk dalaman gagal mematuhi perintah Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Rayuan.

Fasal 24, bertujuan meminda perenggan 34B (3)(c) Akta 117 bagi menambah kuasa pegawai yang diberi kuasa untuk memeriksa dan menyita apa-apa papan tanda dsb., yang membayangkan seseorang itu ialah seorang pereka bentuk dalaman atau pengamal perunding reka bentuk dalaman.

Fasal 26, bertujuan untuk meminda subperenggan 2(3) Jadual kepada Akta 117 berhubung dengan kuorum Lembaga. Ia terdiri daripada sekurang-kurangnya empat orang arkitek profesional termasuk dua orang arkitek profesional daripada pengamal swasta.

Fasal 27, rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan peralihan antara lainnya mengambil kira apa-apa prosiding berkaitan tindakan tatatertib yang belum selesai di hadapan lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**7.41 mlm.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangun di sini untuk membahaskan tentang pindaan terhadap Akta Arkitek 1967. Saya berpendapat bahawa pindaan ini kalau kita melihat secara total, pada mulanya saya beranggapan ia semata-mata untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan untuk membolehkan CCC itu menggantikan CF. Akan tetapi setelah meneliti fasal-fasal yang ada, saya rasa ada satu agenda yang lebih penting iaitu memasukkan pereka bentuk dalaman iaitu *interior designer* dalam profesion arkitek.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat besar, perlu diberi pertimbangan sewajarnya. Persoalan saya, saya rasa kalau kita melihat industri pembinaan yang ada sekarang, arkitek merupakan satu profesion yang amat penting. Tetapi sedarkah Yang Berhormat atau mana-mana pegawai yang bertanggungjawab, bahawa kini dalam sektor pembinaan atau mereka bentuk bangunan ataupun suatu kawasan pembangunan, saya rasa satu lagi profesion yang dinamakan arkitek landskap. Saya tidak nampak kenapa ia tercicir dalam pindaan kali ini.

Saya rasa itu satu trend yang ada di Malaysia dan di mana-mana negara dan di manakah kedudukannya? Kalau kita melihat dari segi *trainingnya*, latihan yang diterima oleh seorang arkitek landskap, ia bukan semata-mata untuk landskap sahaja. Ada juga sebahagiannya untuk bangunan. Saya rasa itu adalah satu perkara yang mungkin saya tidak nampak dalam pindaan kali ini.

Yang keduanya, saya juga berasa hairan sedikitlah, apabila saya meneliti fasal undang-undang yang ada di sini, iaitu profesion *interior designer* dimasukkan sebagai sebahagian besar dalam pindaan ini. Persoalan saya, kalau Dewan Rakyat yang direka bentuk oleh ID, misalan *interior designer*. Kerusi kita, adakah kalau rumah saya kita hendak buat *renovation*, kita minta ID ini, pembuat reka bentuk untuk perabot saya. Perlukah kita mendapatkan ID yang berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967. Apakah implikasinya?

Saya melihat perkara ini agak serius kerana mereka yang menjadi kontraktor di luar sekarang, mereka ada kreativiti, mereka memang inovatif, tetapi adakah bidang kuasa ini juga merangkumi mereka yang sedang menjadi kontraktor yang boleh mereka bentuk secara mudah dan adakah mereka ini tertakluk kepada pindaan kali ini. Saya rasa ini akan menjejaskan industri ini dan ia perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam pindaan ini.

Saya juga ingin merujuk kepada satu perkara yang dinyatakan di sini dengan begitu jelas bahawa pendaftaran *interior designer*. Kalau kita melihat ia memang ada beberapa peruntukan di bawah ini yang menentukan *fee*. Skala fi ini sepatutnya ditentukan untuk profesion-profesien seperti jurutera, peguam dan sebagainya, juruukur juga. Tetapi dalam kes ini, bagaimana kita menentukan skala fi. Kalau kita hendak buat satu *renovation* yang begitu mudah sekali, kita perlukan skala fi yang akhirnya kos itu akan ditanggung oleh pengguna. Itulah yang menjadi kekhawatiran saya dalam kes ini.

Saya bukan kata tidak setuju. Apa yang saya hendak katakan untuk mengemaskinikan peruntukan undang-undang untuk membolehkan CCC menggantikan CF, saya setuju 100%. Tetapi dalam konteks ini, mempunyai agenda yang tersirat dan sekarang tersurat. Saya tidak tahu kenapa perkara ini boleh berlaku dan mungkin saya perlu mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dari segi sekatan pula, saya merasa kluatir kalau kita melihat, ia ada sekatan terhadap profesion ini di mana kalau sesiapa yang, Fasal 20, iaitu untuk mewujudkan bahagian 5A, iaitu sekatan ke atas pereka bentuk dalaman yang tidak berdaftar. Pereka bentuk dalaman juga boleh mengendalikan ujian-ujian atau peperiksaan. Saya rasa ini adalah satu fungsi yang berlainan sedikit dengan arkitek. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa kini bukan sebarang orang boleh mengemukakan pelan-pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan. Hanya arkitek profesional sahajalah boleh mengemukakan untuk tujuan-tujuan CCC dan sebagainya.

Saya tidak nampak kenapa? Apa hubung kaitnya kalau kita masukkan ID ini? Adakah di lain kali semua pihak berkuasa tempatan mensyaratkan mana-mana bahagian rumah yang diubahsuai atau ada *renovation*, terpaksa dikemukakan pelan. Kalau ya, adalah suatu perkara yang diperkenalkan oleh pihak kementerian ini. Saya rasa apabila dipraktikkan di peringkat pihak berkuasa tempatan ia akan membawa kesan yang besar kepada pengguna. Saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu diberi penelitian.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Hendak minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Cuma hendak tanya satu perkara iaitu apabila sesuatu rumah, bangunan itu diubahsuai, bahagian dalam, tak kiralah istana ke, rumah kediaman biasa ke, ia akan meningkatkan kos atau nilai sesebuah bangunan atau harta. Sekali gus ia akan

meningkatkan nilai cukai harta yang dikenakan. Adakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bersetuju bahawa sekiranya sesuatu binaan itu didaftarkan di PBT oleh ID ini, maka sekali gus ia akan memudahkan PBT untuk mengenakan cukai yang menjadi hak orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa soal mengenakan cukai penilaian harta dan sebagainya, itu saya rasa bukan bidang kuasa kementerian ini. Apa yang lebih penting saya rasa, kalau sesuatu bangunan yang hendak dibina melibatkan arkitek dan juga jurutera kerana ada perubahan dari segi reka bentuk struktur. Kalau sesuatu yang statik, macam kita ada ruang tamu, walau apa perabot yang diletak, saya rasa ia tidak akan mendatangkan kesan kepada keselamatan orang yang menggunakan rumah itu.

Jadi saya rasa atas dasar inilah apabila kita mengeluarkan atau meluluskan satu undang-undang, ia sepatutnya atas dasar melindungi pengguna. Tetapi dalam kes ini saya tidak nampak fungsinya dari segi melindungi pengguna dan ia akan mendatangkan kos yang lebih tinggi. Itulah menjadi kekhawatiran saya.

Dan satu perkara lagi, saya melihat dari segi struktur organisasi. Nampaknya mereka yang dilantik itu lima orang arkitek profesional daripada perkhidmatan awam dan lapan lagi arkitek profesional dari pengamal swasta. Tetapi saya hendak tahu Yang Berhormat, adakah kita masih lagi berpegang kepada prinsip bahawa menteri adalah yang akan bertanggungjawab melantik mereka. Kita lihat negara-negara jiran, banyak negara, pertubuhan arkitek ini telah dijadikan sebagai satu badan yang agak bebas. Begitu juga lembaga jurutera. Tidak sepatutnya kita serahkan kuasa kepada ketua pengarah yang begitu sibuk. Mungkin sudah tiba masanya, kita mempunyai satu anjakan paradigma di mana kita perlu memberi integriti kepada badan ini.

Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kita bersedia untuk berbuat demikian? Kalau ya, apakah mekanisme yang akan diwujudkan dan bagaimana kita menentukan orang yang dilantik itu adalah merupakan orang-orang yang memang kompeten dalam soal-soal ini. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat apabila kita melihat *draughtsman* yang telah nampaknya kalau mereka praktis sebelum tahun 1973, mereka masih boleh dibenarkan, tetapi selepas itu, apakah fungsi mereka sekarang? Apakah implikasi sosial?

Saya rasa masih ada lagi pelukis pelan yang telah memulakan perniagaan selepas 1973. Adakah kita memikirkan mereka itu diserap. Bagaimana cara kita menyerap mereka. Itu saya rasa kalau kita tidak mewujudkan satu mekanisme itu akan mendatangkan masalah. Sila Pontian.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Bersetujukah Yang Berhormat, ini berbalik sedikit, Yang Berhormat ya. Minta maaf saya berbalik semula kepada *fees* yang dikenakan oleh pereka bentuk dalaman ini. Adakah ini oleh sebab banyak daripada arkitek yang menjalankan

pengalaman mereka telah mahir, juga dalam masa yang sama dalam kerja-kerja reka bentuk dalaman, termasuklah kerja-kerja *landscaping*.

Maka ini akan membolehkan arkitek tersebut mendapat yuran yang lebih tinggi. Kalau tidak yuran arkitek itu hanyalah berdasarkan peratus yang termaktub di dalam Lembaga Arkitek yang ditentukan oleh Lembaga Arkitek berasaskan kepada kos pembangunan. Maka apabila kita iktiraf pereka bentuk dalaman ini dengan juga memberikan ruang untuk penetapan skala *fee* maka arkitek akan mendapat yuran yang lebih di atas kerja-kerja yang lazimnya dilakukan oleh mereka. Jadi, adakah itu satu perkara yang boleh Yang Berhormat setuju?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian yang pendapatnya cukup bernas. Saya rasa ini sesuatu perkara yang dipertikaikan. Saya khuatir apabila kita meluluskan pindaan ini, arkitek yang ada sekarang, mereka ada tiga fungsi;

- (i) Mereka boleh menjadi arkitek untuk pelan-pelan bangunan;
- (ii) Oleh kerana telah ada peruntukan fasa-fasa ini, mereka mungkin boleh berdaftar sebagai ID, itu mungkin mereka kenakan skala *fee* yang lebih tinggi dan
- (iii) Kalaulah misalan *landscape* arkitek itu dianggap sebagai satu profesion yang lain, mungkin mereka boleh membuat *charge* tambahan terhadap *service* yang diberikan.

Saya rasa itu adalah sesuatu perkara yang perlu dihindar dan saya yakin arkitek profesional ini mereka sejak belajar di universiti mereka telah dilatih untuk mereka bentuk bangunan pada waktu yang sama *landscape* dan juga mereka mempunyai pengetahuan tentang ID. Sebab itulah saya mengatakan untuk sektor ID ini, biarlah bagi semua orang cari makan. Saya rasa bagi mereka yang kontraktor, kasihan. Kalau tidak setiap kali mereka kena dapatkan seorang yang berdaftar dikenakan RM1000 RM2000, saya rasa akhirnya kos akan menjadi tinggi. Sebab itulah sekali lagi Yang Berhormat Menteri saya sokong sekiranya itu semata-mata untuk mengemaskinikan undang-undang untuk CCC menggantikan CF, tetapi agenda yang tersirat dan tersurat inilah yang saya khuatir membawa padah kepada industri. Minta pertimbangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang.

#### 7.52 mIm

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong dan saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan Pindaan Rang Undang-undang ini. sekali gus dia akan dapat memperkasakan lagi Akta Arkitek 1967 yang mengandungi fasal-fasal yang telah disebutkan. Ini sekali gus akan memenuhi keperluan semasa. Yang pertamanya, terutamanya seperti yang

disebutkan tadi di dalam memenuhi keperluan CCC ke atas akta yang telah pun diluluskan sebentar tadi. Pada masa yang sama juga, saya yakin akan dapat memberikan tanggungjawab yang lebih kepada arkitek dan sekali gus memartabatkan mereka ke tahap yang lebih sewajarnya.

Dalam pindaan ini disebut, arkitek reka bentuk dalaman. Mungkin tidak menjadi popular di kalangan pengguna kerana pengguna telah pun terpaksa melantik arkitek pereka bentuk dalaman seperti mana yang diperlukan. Tetapi kepada saya, sama ada soal popular mungkin tidak penting, tetapi sekurang-kurangnya jika selama ini oleh kerana kementerian ini sering memberi bantuan ataupun kemudahan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, peruntukan ini sekali gus akan dapat memudahkan kerja Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan khususnya PBT untuk memudahkan mereka menilai sesuatu perubahan nilai harta ke atas sesuatu bangunan yang telah pun diubahsuai di bahagian dalaman yang jarang-jarang di taksir mengikut kewajaran

Selama ini kebanyakannya tidak dilaporkan kepada pihak PBT kecuali sekiranya pihak PBT sendiri yang memeriksa mengikut tempoh yang tertentu. Mungkin ini tidak bermula, tetapi sekurang-kurangnya kepada saya yang akan memudahkan pihak PBT mengemaskinikan rekod keseluruhan harta dalam kawasan PBT dan pada masa yang sama dapat meningkatkan hasil PBT itu sendiri. Jadi, pada saya Kementerian Kerja Raya ini telah pun memudahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha untuk mengemaskinikan atau memperjuangkan PBT.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh Yang Berhormat? Saya meneliti akta ini Yang Berhormat bagi Ledang. Akta ini dinamakan Akta Arkitek, saya hendak tanya Yang Berhormat sekarang ini Universiti Teknologi Malaysia, UITM dan banyak universiti buat satu bidang baru seperti mana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kata tadi iaitu landskap *architecture* yang dianggap sebagai satu profesion. Tetapi, apabila kita tengok dalam akta ini *no mention* dengan izin *of that profession*. Sebenarnya sekarang ini orang yang tidak dapat masuk buat kursus arkitek, dia akan pergi kepada landskap *architecture*. Seolah-olah landskap *architecture* ini merupakan *second class architect*. Apa pun landskap arkitek adalah merupakan profesional. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawasanya dalam akta ini seolah-olah kita tidak mengiktiraf kepakaran yang ada kepada landskap arkitek sedangkan landskap arkitek adalah sangat mustahak dalam mereka bentuk sesuatu premis rekaan, terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Perkara ketiga yang saya hendak sebut ialah juga berkenaan dengan landskap. Oleh kerana

pindaan akta ini telah pun dimasukkan arkitek reka bentuk dalaman, sewajarnya landskap juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi dimasukkan di dalam bidang yang sama, supaya kerja-kerja landskap bukan sahaja meningkat taraf profesional mereka pada masa juga mereka dapat dibela dan mereka dapat melengkapkan lagi keseluruhan persembahan arkitek dalam sesuatu binaan yang saya yakin merangkumi luar dan dalam. Saya yakin dengan adanya akta ini saya lebih menjurus kepada biarlah sesuatu upah itu setimpal dengan bayaran kerana selama ini Tuan Yang di-Pertua, ramai pihak perunding termasuk arkitek mengadu kerana mereka terpaksa bertuankan pemaju, mereka terpaksa diperas ugut oleh pemaju, tanpa menerima tawaran pemaju, mereka tidak dapat bekerja, tetapi mereka terpaksa juga menerima upah yang rendah dan sekali gus sekiranya akta ini boleh digerakkan, saya yakin soal tersebut tidak timbul lagi kerana akta tersebut lebih menjurus kepada membela pihak perunding termasuk arkitek seperti yang disebutkan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani bangun. Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Bagi laluan, sebenarnya saya tidak sembahyang maghrib lagi, saya hendak keluar cepat-cepat. Saya hendak berucap, tetapi saya tidak sempat. Saya hendak mencelah sahaja Yang Berhormat. Ini mengenai skala bayaran. Kalau boleh dicadangkan Yang Berhormat Menteri, saya juruukur, Yang Berhormat bagi Ledang adalah jurutera. Dalam juruukur, *fees* yang dibayar adalah berdasarkan jumlah kerja yang dibuat misalnya dia mengukur jalan. *Fees* dibayar berdasarkan kepada kilometer yang dia lalu ataupun jumlah panjang kerja dia buat, tetapi untuk *architecture fees* skala ini adalah berdasarkan *percentage*. *Percentage* daripada katakan bangunan itu berjumlah RM70 juta, *fees* dia 3% daripada RM70 juta. Oleh kerana *fess* ini berdasarkan *percentage*, tidak berdasarkan kepada jumlah kerja yang dibuat itu yang jadi masalah kemudian mereka merasakan ini terlalu banyak dan macam Yang Berhormat bagi Ledang kata tadi, *they are at the mercy of the contractor*. Tetapi, kalaulah skala profesional yang dibayar kepada jumlah kerja yang dibuat, seperti mana juru ukur tanah buat dan juru ukur-juru ukur lain yang dibuat maka saya rasa perkara ini tidak timbul. Yang Berhormat boleh setuju dengan saya?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh kerana sekali gus beliau telah pun memudahkan profesion lain selain daripada juru ukur yang selama ini bayaran perkhidmatan kepada juru ukur ini sebenarnya dibayar melalui Lembaga Juruukur dan kesan baik yang diterima oleh pengamal-pengamal juru ukur ialah mereka menerima bayaran yang setimpal tidak berlaku persaingan tidak berlaku potongan harga kerana ditawarkan harga yang rendah oleh juruukur yang lain.

Kesemuanya dalam kawalan Lembaga Juruukur. Falsafahnya ialah sekiranya Lembaga Juruukur boleh melaksanakan, mengapa tidak Lembaga Arkitek, mengapa tidak Lembaga Jurutera? Walaupun Yang Berhormat Menteri dahulu pernah menyebut bahawa ini adalah satu kerja besar tetapi pada saya, saya yakin kesemua arkitek ataupun jurutera sanggup mengeluarkan sebahagian daripada *fees* yang dikenakan...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** .....bagi tujuan menguruskan kerja-kerja bayaran ini melalui lembaga sepertimana yang dibuat oleh Lembaga Juruukur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma sebagai pengguna sahaja. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju sekarang dengan mengadakan ID ini tadi, kita beri satu pengiktirafan kepada ID yang mana akhirnya pihak arkitek akan mengenakan bayaran yang lebih tinggi. Kerana ini semuanya daripada peruntukan-peruntukan yang ada dalam akta ini ialah mengenai dengan lebih kita kata pengkhususan (*specialization*). Semuanya hendak *specialize*.

Akhirnya kita sebagai pihak pengguna akan membayar harga yang lebih tinggi daripada masa sekarang. Begitu juga kalau arkitek itu sendiri menggelar dirinya ID, dialah arkitek landskap dan sebagainya, jadi dia akan mengenakan *fee* itu, *fee* ini. Akhirnya kita sebagai pengguna terpaksa bayar harga yang tinggi dan bagaimana pada pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya memang tertunggu-tunggu soalan ini. Sebabnya pada saya, soal *fees* yang tinggi tidak timbul. Soal mengenakan bayaran yang lebih kepada sesuatu perkhidmatan profesional tidak timbul kerana sekiranya kita... Menggunakan perkataan yang agak kasar sedikit. Sekiranya kita agak kedekut ataupun agak susah untuk membayar *fees* yang tertentu, mungkin kita terpaksa bayar sesuatu *fees* RM10,000. Kita dapat perkhidmatan bernilai lebih RM100,000. Mungkin dengan sebab kita hendak murah, kita minta *fees* RM5,000 mungkin kita rugi RM50,000 atau RM500,000 kerana perkhidmatan yang ditawarkan tidak menepati, tidak bertaraf tinggi atau tidak berkualiti.

Dalam erti kata yang lain, biar kita bayar *fees* yang tertentu pada kadar yang tertentu misalnya RM20,000 atau RM50,000. Tetapi kita dapat menjimatkan mungkin RM1 juta, RM2 juta atau mungkin RM5 juta kerana nilainya setimpal dengan kerja yang dilaksanakan berbanding dengan kalau kita buat sesuatu binaan tanpa profesional yang tinggi kerana hendak jimat duit tadi. Mungkin kita rugi beberapa juta atau ribu kerana reka bentuk tidak setaraf dengan bayaran yang dikenakan.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pontian.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat bagi Pontian.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baiklah Yang Berhormat bagi Ledang. Kalau itu alasan kita untuk menerima kemasukan bidang tugas arkitek untuk juga menjangkau kepada pereka bentuk dalaman, bagaimana dengan profesion yang lain? Sebagai contoh saya tengok tadi dalam Akta Jurutera kita tidak akan bincang perkara ini. Misal kata Akta Jurutera ada juga terlibat dengan kerja-kerja sebagai contoh, menyediakan pelan proses sebuah firma *engineering* yang menyediakan khidmat jurutera mekanikal tetapi dia hanya menyediakan keperluan mekanikal dari segi sudut apa yang tertera dalam *schedule* mereka tetapi jarang terlibat dengan penentuan proses.

Maka apabila mereka dalam perkembangan kurikulum pembelajaran hari ini, banyak ilmu pengetahuan proses juga dimiliki oleh seorang jurutera mekanikal. Maka adakah wajar kerajaan selaras dengan pendekatan ini juga akan memuatkan khidmat untuk proses *engineering* itu menjadi juga tambahan kepada yuran mekanikal *engineer* dalam sesebuah khidmat perunding Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Beliau sentiasa memberikan pandangan yang bernas. Kepada saya, apa pun sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan dengan bayaran yang setimpal tetapi mempunyai motif untuk membela orang ramai, pada saya sewajarnya menjadi amalan kepada semua pengamal sesuatu perkhidmatan seperti jurutera, arkitek dan sebagainya. Saya sangat sokong hujah daripada Yang Berhormat bagi Pontian. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

#### **8.05 mlm.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang bernama Akta Arkitek (Pindaan) 2006.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat kepentingan kejayaan arkitek di sebuah negara kita, perlu melihat pencapaian bangunan dan seni bina yang boleh disaksikan di Malaysia. Bilangan bangunan berbilang tingkat dan tinggi semakin bertambah tetapi seni bina Menara Berkembar Petronas, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Putrajaya dan sebagainya adalah mercu tanda negara yang boleh melambangkan kepada pencapaian kejayaan arkitek.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita belum boleh berbangga dengan bilangan arkitek yang ramai dan berjaya di negara maju tetapi kesungguhan dan daya seni bina mereka semakin tinggi. Menara Berkembar Petronas yang dibina pada tahun 1995 hingga 1998 hasil kerja arkitek luar negara bernama Cesar Pelli setinggi 88 tingkat adalah contoh utama seni bina di negara kita. Salah satu tempat Menara Petronas ini boleh dibanggakan rakyat Malaysia oleh kerana termasuk dalam dunia ini.

Rang Undang-undang yang ditujukan meminda Akta Arkitek 1967 yang antara lain termasuk untuk membolehkan mengeluarkan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* dengan izin yang diperakui oleh jurutera dan arkitek sebagai mengganti *Certificate of Fitness for Occupation* dengan izin. Meningkatkan peranan dan tanggungjawab arkitek sebagai satu usaha untuk mempercepatkan menyiapkan dan kebolehan menduduki sesuatu bangunan yang dibina kerana sebelum ini kelewatan mengeluarkan CFO oleh PBT telah menyebabkan berlaku kelewatan menyerahkan milik kosong bangunan kepada pemilik dan menyebabkan para pembeli menduduki sesuatu bangunan dalam satu projek pembangunan atau taman perumahan secara tidak sah. Pihak PBT selain pemaju dipersalahkan atas kelewatan tersebut.

Walaupun peranan arkitek telah ditambah dengan kuasa meneruskan CCC tetapi ini satu hal yang mudah untuk mereka melaksanakan tanggungjawab. Kita lihat sebagai contoh yang mana pihak arkitek terlibat dalam kes blok Kondominium *Highland Tower* runtuh bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya tetapi MPAJ tidak boleh disabitkan kerana kelemahan peruntukan undang-undang yang ada menyebabkan MPAJ ada kekebalan undang-undang. Tidak boleh mendakwa dan dituntut. Bagaimanakah pula dengan arkitek? Atas kecuaiannya PBT, arkitek boleh memikul beban dan tanggungjawab yang lebih berat atas kecuaiannya dan kesalahan mereka sendiri.

Ini cadangan rang undang-undang untuk meliputi pelukis pelan adalah wajar kerana mereka adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan pelan bangunan. Apa yang kita bimbangkan ialah pemaju boleh dan mungkin berpakat dengan arkitek dan pelukis pelan bangunan untuk meluluskan pelan bagi sesuatu bangunan yang tidak menurut spesifikasi yang dibenarkan yang mana pihak PBT tidak boleh dipertanggungjawabkan.

Hanya mereka yang menjalankan kerja dengan profesional dan beretika, tidak berpakat dengan pemaju dalam meneruskan sesuatu pelan. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab hakiki pihak jabatan dan pihak berkuasa tempatan memantau lebih harus akan kerja-kerja arkitek dan pelukis pelan bagi memastikan mereka mematuhi arahan. Selain itu, saya mendapati rang undang-undang juga cuba menguatkuasakan ke atas reka bentuk dalaman dalam akta ini yang mana sebelum ini golongan ini tidak diikat dalam mana-mana undang-undang yang mereka bebas melakukan rekaan dalaman tanpa boleh disabitkan kesalahan jika reka bentuk bangunan telah berubah tanpa mendapat kelulusan perancang terlebih dahulu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**8.11 mlm.**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mengambil bahagian tentang rang undang-undang berkaitan dengan arkitek ini. Saya melihat bahawa usaha kementerian untuk membentangkan rang undang-undang ini adalah salah satu usaha untuk memperlengkapkan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya dalam industri pemajuan perumahan dan yang berkaitan dengan perakuan kerja siap dan juga CCC itu. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya nak fokuskan perbahasan saya berkaitan dengan profesion arkitek dengan kepentingan orang ramai khususnya pembeli.

Kita telah dimaklumkan oleh pihak *National House Buyers Association* dengan izin, di mana *house buyers association* ini telah banyak mengumpulkan data-data berkaitan dengan aduan-aduan yang diterima dari pembeli rumah terhadap pemaju dan tidak kurangnya aduan itu juga ditujukan kepada arkitek yang terlibat dalam sesuatu pemajuan perumahan itu. Kita lihat bahawa oleh kerana adanya kekurangan yang berlaku atau pun ketidakmatangan, ketidaktepatan arkitek membuat keputusan yang cuba membantu pihak pemaju untuk sesuatu projek itu, maka kita nampak bahawa kualiti kerja dengan izin *workmanship*, adalah begitu rendah dan sehinggakan apabila adanya penyerahan pemilikan kosong *vacant possession* sebelum memohon CFO itu, arkitek memainkan satu peranan yang begitu *crucial*.

Oleh itu dalam hal ini, walaupun kita lihat bahawa arkitek ada dikawal atau pun dipantau oleh Lembaga Arkitek Malaysia, tetapi masih adanya banyak komplain yang telan ditujukan dan bukan hanya aduan sahaja yang telah kita dapati tetapi kos yang perlu ditanggung oleh orang ramai adalah begitu tinggi sekali. Kita lihat sekiranya ada berlakunya kekurangan dari segi arkitek untuk memberi persijilan terhadap sesuatu *progress workman*, satu kerja yang sedang berjalan, maka kos yang perlu ditanggung adalah seperti berikut iaitu orang ramai atau pun pembeli harus menanggung kos yang tinggi dari segi membaik pulih atau pun membuat kerja-kerja pembetulan ke atas bangunan tersebut sama ada dari segi struktur atau pun bukan struktur.

Yang keduanya ialah sekiranya kerja yang telah dilakukan oleh arkitek itu tidak baik, maka ia mengakibatkan penurunan dari segi nilai bangunan tersebut. Dan yang ketiga adalah dari segi impak ke atas kesihatan penduduk atau pun pembeli rumah tersebut. Dan keempat adalah pembeli rumah tidak ada stamina untuk melawan dengan pihak arkitek di dalam mahkamah kerana pembeli rumah memang kalau mereka datang daripada golongan yang berpendapatan rendah, maka mereka tak ada sumber yang begitu banyak berbanding dengan arkitek atau pun pihak pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Arkitek ini, kita nampak bahawa tidak ada *protection*, tidak ada perlindungan kepada pihak pembeli. Walaupun arkitek boleh digugurkan sebagai

arkitek oleh pihak lembaga atau pun digugurkan pendaftaran mereka, tapi apakah arkitek perlu dipertanggungjawabkan kepada pihak pengguna atau pun dalam hal ini adalah pembeli rumah. Kerana kita lihat bahawa seperti mana yang telah saya katakan bahawa pembeli rumah sukar nak berlawan dengan mereka di dalam mahkamah kerana proses dan juga melibatkan *fee, legal fees* yang begitu tinggi.

Maka di sini Tuan Yang di-Pertua, ada tiga persoalan yang saya nak kemukakan kepada pihak kementerian untuk pertimbangkan. Yang pertama seperti yang saya katakan, apakah perlindungan kepada pihak pengguna. Yang kedua ialah dari segi prinsipnya. Kita tahu dalam prinsip perbankan iaitu sekiranya iaitu dengan izin *one cannot guarantee themselves*. Contohnya seorang peminjam duit tidak boleh menjamin sendiri dalam sistem perbankan. Jadi dalam hal ini, untuk pengeluaran CCC itu, bagaimanakah arkitek itu dibenarkan untuk menilai kerja sendiri? Sama seperti seorang pelajar yang menduduki peperiksaan SPM atau SPTM, bagaimanakah pelajar itu dibenarkan untuk menilai prestasinya sendiri?

So, di mana kah *check and balance* dalam hal ini? Mungkin pihak kementerian boleh memberi penjelasan dalam hal ini. Persoalan yang ketiga ialah bagaimanakah akta ini dapat mengurangkan kebergantungan pihak arkitek daripada pemaju. Itu sahaja beberapa perkara yang saya nak bangkitkan. Kemudian kita nak melihat bahawa banyak arkitek bergantung kepada pemaju untuk mencari keuntungan. Dan arkitek juga yang sentiasa memberi kuasa yang nampaknya ada kuasa untuk mencari kawan-kawan dari segi jurutera, ID (*interior designer*), maka nampaknya jurutera dan juga ID itu adalah di bawah arkitek kerana arkitek sentiasa menjadi *lead agency* di dalam sesuatu pemajuan perumahan. Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang diwujudkan demi melaksanakan dasar CCC oleh arkitek dan profesional pembinaan. Sebagaimana apa yang diluahkan oleh Ahli Parlimen dalam perbahasan rang undang-undang yang lepas, rang undang-undang ini memang merupakan satu rang undang-undang yang membenarkan percanggahan kepentingan di antara hubungan di antara pemaju yang mengupah arkitek dengan arkitek sendiri atau pun *conflict of interest*.

Kehilangan *check and balance* ini, oleh kerana kehilangan *check and balance* beberapa bulan yang lepas, kerajaan telah pun menubuhkan satu *one-stop center* untuk mempercepatkan kebenaran daripada pelbagai agensi dengan menghendaki kerajaan tempatan meluluskan kesemua permohonan CFO dalam tempoh 14 hari. Jadi, apa yang diperlukan sekarang bukannya meluluskan konsep CCC secara melulu dan juga meminda rang undang-undang seperti ini, tapi apa yang diperlukan ialah menghendaki pemaju dan arkitek mematuhi peraturan

ini secara ketat dan bukan mengeluarkan badan pemantauan iaitu kerajaan tempatan secara langsung daripada proses ini.

Undang-undang dalam perbankan ialah seseorang yang meminjam wang tidak boleh menjadi *guarantor* ataupun penjamin kepada diri sendiri. Jadi arkitek dan profesional juga tidak harus diberi kuasa untuk meluluskan projek yang direka dan dibuat oleh beliau sendiri. Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini dalam seksyen 15A, penalti yang dikenakan ke atas seseorang arkitek ialah denda dinaikkan daripada RM10 ribu kepada RM50 ribu dan tempoh penggantungan pendaftaran ditambah daripada satu tahun kepada dua tahun. Selain itu, dalam seksyen 34, denda dikenakan atas tuan punya tunggal perkongsian atau pun pertubuhan perbadanan yang melanggar peruntukkan akta atau peraturan-peraturannya yang tiada penalti diperuntukkan secara RM10 ribu.

Hukuman yang dikenakan ke atas arkitek yang bersalah yang tersebut tadi adalah agak rendah kalau berbandingkan dengan kerugian dan kepahitan emosi yang dialami oleh pembeli rumah sekiranya hasil rekaan arkitek mempunyai masalah. Membeli rumah yang kurang nasib baik dan membeli rumah yang mempunyai banyak *design defect* ataupun projek terbengkalai selalu terpaksa untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap arkitek dan syarikat pemaju dan mereka juga terpaksa menghadapi berbagai emosi pada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kerja Raya telah banyak disalahkan kerana masalah *design and build* di mana kontraktor melantik perunding ataupun *consultant* dan tiada badan yang memantau projek-projek pembinaan seperti apa yang berlaku pada keretakan dalam lebuhraya bertingkat MRR2, Bangunan MATRADE dan sebagainya. Soalan saya ialah apakah arkitek yang terlibat dalam projek-projek yang mempunyai masalah ini boleh dihukum oleh Lembaga Arkitek seperti apa yang dimaktubkan dalam rang undang-undang ini. Jadi adakah kementerian juga membawa arkitek yang mereka MMR2 dan juga Bangunan MATRADE dan sebagainya ke Lembaga ini. Jadi adakah profesional yang terlibat ini dihukum oleh Lembaga Arkitek?

Kita tahu profesional sentiasa memberi perlindungan kepada anggota mereka dalam industri yang sama dan mereka juga selalu enggan *testify* kesalahan atau kecuaiannya anggota profesional yang lain. Itulah sebabnya adalah amat sukar bagi seorang pesakit untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap doktor yang melakukan kecuaiannya terhadapnya ataupun mendakwa doktor yang cuai itu dalam Malaysian Medical Council. Kerana mereka dalam profesional dan dalam industri yang sama selalu melindungi antara satu sama lain. Jadi ini bermaksud Lembaga Arkitek tidak semestinya menjatuhkan hukuman ke atas arkitek yang salah di bawah konsep CCC ini.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan *fee* kepada arkitek seperti yang termaktub dalam sub seksyen 4(1)(c)(dd). Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan juga mengkaji semula struktur *fee* kepada arkitek tempatan kerana tadi soal isu *fee* dibangkitkan oleh Yang

Berhormat bagi Ketereh dan juga Yang Berhormat bagi Ledang. Dan saya tahu *fee* yang dikenakan oleh arkitek ialah berdasarkan peratusan kos projek - jumlah kos projek. Manakala kalau kita lihat arkitek di luar negara *fee* yang dikenakan oleh mereka adalah berdasarkan dengan jumlah jam kerja mereka.

Jadi demi mendapatkan ganjaran yang lebih tinggi arkitek tempatan juga kelihatan sentiasa menaikkan kos pembinaan dengan menggunakan material yang berharga tinggi. Ini menyebabkan kos pembinaan dinaikkan secara keseluruhan. Jadi bukankah kita harus juga mencontohi *fee* yang dikenakan oleh arkitek di luar negeri supaya *fee* ini sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kos pembinaan projek perumahan kita.

Selain daripada itu saya juga menyeru kementerian untuk memantau dari segi *standard of design* bagi arkitek. Tibalah masanya bagi kementerian untuk meminda undang-undang ataupun mengadakan *by-law* dengan menghendaki arkitek untuk meneliti *standard of design* ataupun *finishing* projek mereka. Misalnya kadang-kadang kita dapati tangga dalam sesuatu bangunan itu ada yang semua *step* itu tidak sama. Ada yang lebih tinggi ada yang lebih rendah. Jadi ini adalah *standard of design* yang saya sebutkan. Dan juga sentiasa kita lihat OKU, orang yang cacat mereka mengadakan tunjuk perasaan. Mereka...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya meneliti hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan *standard of design* tetapi saya rasa dalam pembinaan secara praktikalnya bukan sahaja dari segi reka bentuk kadang kala kecacatan bukan semata-mata reka bentuk - *workmanship*. *Workmanship* ini melibatkan beberapa pihak. Jadi apa pandangan Yang Berhormat kalau kita hendak wujudkan satu standard ianya bukan sahaja oleh arkitek tetapi semua yang terlibat perlu. Saya setuju kalau semua yang berkenaan kenalah mematuhi, mencapai piawaian ini tetapi saya rasa kadang kala ianya tidak semestinya kerana reka bentuk. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Memang benarlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tetapi kalau lihat rang undang-undang apa yang saya dengar dari ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, bila dia jawab - orang yang membentangkan pelan itu kepada kerajaan tempatan yang akan juga memikul tanggungjawab. Tetapi saya rasa ini tibalah masanya bagi kerajaan mementingkan *standard of design*.

Tadi saya sebutkan keperluan bagi OKU. Kita selalu lihat OKU, mereka selalu keluar membantah kerana LRT kita ini tidak mempunyai apa-apa kelengkapan bagi mereka. Mereka tidak boleh naik bas, mereka tidak boleh naik LRT dan kita lihat Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor hendak masuk Parlimen ini pun begitu susah sekali. Yang di depan pintu utama Parlimen kita ini dia tidak boleh masuk langsung dia kena ambil jalan lain, naik daripada pintu lain untuk masuk ke Dewan ini. Jadi semua ini menunjukkan bahawa selalu bila arkitek mereka bentuk sesuatu bangunan, mereka tidak ambil kira orang yang cacat, orang yang kurang upaya.

Kita lihat LCCT, bila kita naik Air Asia. Di LCCT selalunya kita perlu berjalan kaki begitu jauh untuk naik ke atas kapal terbang. Selalu saya ingat, macam mana bagi orang cacat kalau mereka hendak naik kapal terbang di LCCT kita ini? Adakah arkitek kita ini mengambil kira orang yang kurang upaya ini. Jadi saya hanya hendak minta sama ada ini boleh dimasukkan dalam rang undang-undang ataupun sekurang-kurangnya *by-law* kita supaya kemudahan untuk OKU juga diambil kira. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Bagan.

**8.27 mlm.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanggungjawab arkitek adalah berat. Dia perlu fasih dan mematuhi garis panduan, undang-undang, syarat-syarat dalam menyediakan satu pelan bangunan untuk diluluskan oleh PBT. Pelan Tata Susunan atau *Layout Plan* di mana tempat boleh membina rumah kediaman, rumah kedai, kilang ringan, had tinggi bangunan, kepadatan penduduk, menentukan lokasi jalan-jalan keluar dan masuk atau lokasi tempat letak kereta, lokasi depot sampah, loji rawatan, tempat lapang dan lain-lain.

Pelan bangunan mereka perlu mereka pandangan wajah, saiz pelbagai bilik, *ventilation*, cahaya, susunan utiliti dan juga jenis bahan binaan juga keselamatan lantai papan dan struktur bumbung. Kalau mereka gagal mematuhi keperluan-keperluan, syarat-syarat atau undang-undang, pelan-pelan memohon kelulusan boleh ditolak oleh PBT maka adalah wajar ia dikawal oleh Lembaga. Tetapi saya membantah '*Interior Designer*' dirangkum dalam Rang Undang-undang ini. Di bidang arkitek seorang arkitek berijazah dia boleh dipanggil seorang arkitek atau *chartered architect*. Dan seorang *draughtsman* kalau dia ada pengalaman dalam melukis pelan-pelan maka dia boleh disifatkan sebagai *Building Draughtsman* tetapi tambah kelulusan sekolah tinggi atau maktab-maktab tetapi melalui pengalamannya dan dia boleh dibenarkan untuk melukis pelan-pelan. Dan dia kalau dirangkum dalam kawalan Lembaga tidak ada apa-apa masalah.

Tetapi *interior designer* adalah satu nama *common (common name)*. Sekiranya sesiapa tengok *advertisement* dalam surat khabar, dia kata '*beauty kitchen interior designer*' tetapi dia hanya *design kitchen* sahaja. Dan juga ada orang yang *design* pintu-pintu atau *window blind*. Semua ini dipanggil *interior designer*. Dan kalau kita tengok kilang jubin juga ada menubuhkan satu *consultant counter* untuk pelanggan-pelanggan memilih atau memberi nasihat kepada pelanggan-pelanggan untuk memilih jubin. Itu boleh dikatakan *interior designer* juga. Dan kilang cat seperti ICI mereka juga memperuntukkan *consultant* untuk memilih jenis-jenis warna cat yang dipilih. Dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya saya habiskan. *Interior designer* mereka melukiskan *design-design* itu tidak perlu melalui kelulusan pihak berkuasa tempatan. Jadi saya pun hairanlah mengapa mereka ini dirangkum dalam kategori ini supaya dikawal oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Menteri bagi satu tafsiran yang lebih terperinci berkenaan dengan *interior designer*. Bolehkah sekiranya *interior designer* dia dipanggil *consultant interior designer* maka projek yang telah diambil mungkin besar seperti Parlimen ini. Kita mengubahsuai *interior design* berjuta-juta, dia boleh dirangkum dalam hal ini. Tetapi kepada mereka yang melalui pengalaman mereka sahaja atau pada fikiran kita yang mereka berpengalaman dalam *interior design* seperti seorang pelanggan kalau dia beli sebuah rumah teres berharga RM200,000 dan dia ingin untuk mengupah seorang *interior design* untuk *mengaturkan furniture-furniture, colour-colour* ke apa-apa, yang mungkin *charge* dia RM3,000, RM4,000 untuk upah untuk *medesign* sahaja. Tetapi dia kena dikawal dalam akta ini. Jadi ini tidak patutlah sekiranya mereka ini dirangkum dalam Rang Undang-undang ini kerana implikasinya sangat luas. Ramai akan kehilangan mata pencarian yang dipanggil sebagai *interior designer*. Kalau tidak boleh pakai *interior designer* apa kita hendak panggil mereka ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya cukup.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ada satu maksud untuk mereka ini jadi mereka tidak boleh cari makan. Sekian sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat silakan, Yang Berhormat Menteri boleh mula menjawablah. Sila.

### **8.32mlm.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat 8.32 Yang Berhormat, sambung esoklah. Sambung esoklah jawab esok. Sudah habis waktu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Esok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.32 malam.***